Bumiputera	Indian	Chinese	Others
140,325 (96.6%)	31 (0.0%)	4,868 (3.4%)	66 (0.0%)

Note: Malaysian only

MARITAL STATUS (PERSONS)

Never Married	Married	Divorced / Separated	Widow / Widower
23,334 (16.1%)	105,673 (72.7%)	2,865 (2.0%)	13,505 (9.3%)

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)

Tertiary	Primary	Secondary	No Certificate
5,218 (3.6%)	46,398 (31.9%)	32,396 (22.3%)	61,365 (42.2%)

KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURAL SECTOR, SARAWAK, 2023

	Agriculture Holding	Planted Area (Ha)	Harvested Area (Ha)	Production Quantity (mt)	Sales Quantity (mt)	Sales Value (RM '000)
Total	147,411	1,803,654.7	1,548,543.3	22,917,343.0	22,879,514.0	23,986,793.32
Individual	145,377 (98.6%)	426,241.9 (23.6%)	385,378.1 (24.9%)	4,117,203.6 (18.0%)	4,080,913.3 (17.8%)	5,441,197.56 (22.7%)
Establishment	2,034 (1.4%)	1,377,412.8 (76.4%)	1,163,165.3 (75.1%)	18,800,139.4 (82.0%)	18,798,600.7 (82.2%)	18,545,595.77 (77.3%)

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURE SECTOR, SARAWAK, 2023


INCOME (RM million)

Total 29,181.83
Individual 6,695.11 (22.9%)
Establishment 22,486.72 (77.1%)

EXPENDITURE (RM million)

Total 10,747.98
Individual 2,699.51 (25.1%)
Establishment 8,048.48 (74.9%)

INCOME AND EXPENDITURE BY DIVISION (RM MILLION)



Source: Agriculture Census 2024

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT AND SALARIES & WAGES AGRICULTURE SECTOR, SARAWAK, 2023

Employment in the agriculture sector reached 358,803 persons in 2023, and annual salaries & wages amounted to RM3,476.1 million.



358,803

RM3,476.1



245,444

RM1,243.6



113,359

RM2,232.6

Employment (persons) | Salaries & Wages (million) | Total | Individuals | Establishments

Employment of Agriculture Sector

The number of paid employees in 2023 was 179,646 person receiving an annual mean salaries and wages of RM19,350.

TOTAL EMPLOYMENT
358,803 (100%)

Working Proprietor and Active Business Partners
149,970 (41.8%)

Unpaid Family Workers
29,187 (8.1%)

Paid Employees
179,646 (50.1%)

Annual Mean Salaries and Wages
RM19,350

Employment of Agriculture Sector by Division


Kuching	26,229	RM20,982
Samarahan	20,847	RM18,604
Serian	27,351	RM18,697
Sri Aman	31,503	RM13,884
Betong	24,514	RM16,186
Sarikei	26,853	RM16,113
Sibu	35,379	RM21,270
Kapit	18,639	RM16,296
Mukah	37,980	RM22,141
Bintulu	29,318	RM16,035
Miri	61,510	RM22,308
Limbang	18,680	RM16,080

Employment (persons) | Mean Salaries & Wages

Source: Agriculture Census 2024

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT IN AGRICULTURAL SECTOR, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Note: The total employment refers to the number of individuals involved in agriculture activities. However, this total does not represent the sum of employment across all agriculture activities, as an individual may be engaged in more than one type of activity simultaneously









PENEMUAN UTAMA

25 Pengenalan

25 Latar Belakang

27 Profil Pegangan Pertanian

30 Keluasan Bertanam

31 Keluasan Bertuai

31 Kuantiti Pengeluaran

32 Kuantiti dan Nilai Jualan

33 Pendapatan

33 Perbelanjaan

34 Guna Tenaga

34 Gaji & Upah

35 Aktiviti Sektor Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama sektor pertanian hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti pertanian untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti pertanian merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan, pendapatan, perbelanjaan, guna tenaga, dan gaji & upah mengikut Negeri bahagian dan daerah pentadbiran. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti pertanian dijalankan. Banci Pertanian 2024 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merupakan aktiviti pengumpulan data yang dijalankan ke atas semua pertubuhan dan isi rumah yang menjalankan aktiviti pertanian meliputi tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan & pembalakan. Tempoh pembancian bermula dari Julai sehingga Oktober 2024.

Laporan Banci Pertanian Sarawak 2024 diterbitkan dalam dua jilid. Jilid kedua mengandungi jadual terperinci bagi parameter pegangan pertanian individu dan pertubuhan, bilangan guna tenaga dan purata gaji & upah tahunan pegangan pertanian mengikut negeri, bahagian dan daerah pentadbiran,

2.0 LATAR BELAKANG

Banci Pertanian 2024 adalah banci yang keempat dilaksanakan semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 adalah di bawah peruntukan yang terkandung dalam Akta Banci 1960 (disemak 1969). Dengan adanya data yang lengkap dan terkini, kerajaan serta pihak berkepentingan dapat membuat keputusan yang lebih tepat dalam merangka pelan dasar dan strategi pembangunan sektor pertanian dengan lebih berkesan. Secara umum, sektor pertanian di Malaysia merangkumi pelbagai aktiviti di bawah subsektor tanaman makanan & komoditi, perikanan & akuakultur, penternakan dan perhutanan & pembalakan. Sektor pertanian juga menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan penduduk luar bandar dan menyediakan peluang pekerjaan serta pembangunan komuniti. Selain itu, subsektor tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan turut memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan domestik. Dalam subsektor perikanan, industri akuakultur semakin berkembang bagi menampung permintaan yang meningkat terhadap sumber protein. Penternakan pula memberi sumbangan besar dalam pengeluaran daging, telur, susu dan produk ternakan lain. Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dengan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), menyediakan peluang pekerjaan dan menggalakkan eksport produk pertanian.


Kepentingan sektor ini bukan sahaja terletak pada pengeluaran makanan, tetapi juga dalam memastikan keterjaminan sumber makanan negara, keseimbangan sosial serta pembangunan luar bandar yang lebih inklusif. Oleh itu, pemantauan dan penilaian melalui Banci Pertanian adalah penting bagi memastikan sektor ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat serta negara secara keseluruhan.

Sarawak merupakan kawasan tropika beriklim khatulistiwa yang panas dan lembap sepanjang tahun. Hutan khatulistiwa ini menyumbang produk hutan yang banyak dan merupakan habitat bagi 8,000 spesis pokok bunga dan melebihi 20,000 spesis binatang. Batang Rajang di Sarawak merupakan sungai terpanjang di Malaysia di samping Taman Negara Mulu yang terkenal dengan sistem gua yang paling luas di dunia. Hutan hujan tropika yang tertua dan yang kedua terbesar selepas Amazon juga menjadikan Sarawak sebagai pusat biokepelbagaian. Sektor pertanian merupakan salah satu tunjang utama dalam pembangunan ekonomi di Sarawak.

Terletak di Borneo, Sarawak yang berkeluasan 124,171 km persegi kaya dengan sumber alam semula jadi yang subur dan sesuai untuk pelbagai jenis kegiatan pertanian. Negeri ini bukan sahaja memainkan peranan penting dalam pengeluaran makanan, malah turut menyumbang kepada peluang pekerjaan dan pembangunan luar bandar. Anggaran penduduk Sarawak meningkat daripada 2.47 juta pada 2022 kepada 2.51 juta pada 2023 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 1.4 peratus.

Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2023 ialah 94.5 peratus daripada keseluruhan penduduk Sarawak. Tenaga buruh di Sarawak meningkat 4.6 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022: 2.2%). Sejumlah 1,234.6 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2023 berbanding 1,180.8 ribu orang pada tahun 2022. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja meningkat kepada 1,192.5 ribu orang pada tahun 2023 berbanding 1,136.0 ribu orang pada tahun 2022. KDNK Sarawak berkembang 3.9 peratus (2023: 1.3%) dengan nilai ekonomi RM148.2 bilion.

Sektor perkhidmatan berkembang 4.9 peratus diterajui oleh subsektor perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman serta utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi. Sektor pembuatan meningkat 1.3 peratus, dipengaruhi oleh produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka yang meningkat 4.3 peratus. Sektor perlombongan & pengkuarian juga meningkat 4.1 peratus. Sektor pembinaan berkembang 18.8 peratus yang disumbangkan oleh aktiviti pembinaan dan pertukangan khas. Manakala sektor pertanian meningkat 0.5 peratus juga menyokong pertumbuhan positif ekonomi negeri ini.



3.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, SARAWAK

3.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 147,411 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Sarawak. Daripada jumlah ini, 145,377 (98.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 2,034 (1.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan

Paparan 1: Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



SARAWAK



Jumlah
147,411



Individu
145,377



Pertubuhan
2,034

3.1.1 KEWARGANEGARAAN

Daripada 145,377 pegangan pertanian individu di Sarawak, seramai 145,290 orang atau 99.9 peratus merupakan warganegara, manakala 87 orang (0.1%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Sarawak, 2023



Warganegara

145,290
(99.9%)




Bukan Warganegara

87
(0.1%)

3.1.2 JANTINA

Berdasarkan penemuan Banci Pertanian 2023, Sarawak juga menunjukkan jumlah pegangan pertanian individu didominasi oleh lelaki iaitu 116,235 orang (80.0%) berbanding perempuan iaitu 29,142 orang (20.0%).


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Sarawak, 2023



3.1.3 KUMPULAN UMUR

Seramai 63,451 orang atau 43.6 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun seramai 54,294 orang (37.3%), 31 hingga 45 tahun 24,047 orang (16.5%) dan 15 hingga 30 tahun 3,583 orang (2.5%).


Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Sarawak, 2023



3.1.4 KUMPULAN ETNIK

Dari segi kumpulan etnik pula, majoriti pegangan pertanian individu di Sarawak adalah etnik Bumiputera dengan bilangan 140,325 orang atau 96.6 peratus. Ini diikuti oleh etnik Cina sebanyak 4,868 orang atau 3.4 peratus dan etnik India 31 orang serta lain-lain seramai 66 orang.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Sarawak, 2023



3.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Kebanyakkan pegangan pertanian individu di Sarawak terdiri daripada mereka yang telah berkahwin 105,673 orang (72.7%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin 23,334 orang (16.1%), balu/duda 13,505 orang (9.3%) dan bercerai/ berpisah 2,865 orang (2.0%).


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Sarawak, 2023



3.1.6 SIJIL TERTINGGI

Seramai 61,365 orang atau (42.2%) pegangan pertanian individu di Sarawak merekodkan tiada sijil pendidikan. Sementara itu, pegangan pertanian mempunyai sijil pendidikan peringkat rendah seramai 46,398 (31.9%), diikuti oleh sijil pendidikan peringkat menengah 32,396 orang (22.3%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 5,218 orang (3.5%).

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Sarawak, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan ≠ 100% kerana tiada maklumat.

4.0 KELUASAN BERTANAM

Keluasan bertanam sektor Pertanian di Sarawak pada tahun 2023 adalah 1.8 juta hektar. Daripada jumlah tersebut, 0.4 juta hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 1.4 juta hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Tanaman kelapa sawit yang mencatatkan keluasan tertinggi sebanyak 1.7 juta hektar, diikuti getah 68.2 ribu hektar dan buah-buahan 27.4 ribu hektar. Tiga subsektor ini menyumbangkan sejumlah 98.1 peratus daripada jumlah keluasan sektor Pertanian.


Paparan 8: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



5.0 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai di Sarawak merekodkan 1.5 juta hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 0.4 juta hektar, manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan adalah 1.2 juta hektar. Tanaman kelapa sawit juga mencatatkan keluasan bertuai yang tertinggi iaitu 1.5 juta hektar. Tanaman getah pula mencatatkan keluasan bertuai 53.0 ribu hektar dan buah – buahan merekodkan 13.6 ribu hektar. Tiga subsektor ini merekodkan sumbangan 98.0 peratus daripada jumlah keluasan bertuai sektor Pertanian.


Paparan 9: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



6.0 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Sarawak mencatatkan 22,917.3 ribu tan metrik pada tahun 2023. Kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 22,562.0 ribu tan metrik diikuti buah-buahan 87.1 ribu tan metrik dan sayur-sayuran sebanyak 81.3 ribu tan metrik.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




7.0 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan pula mencatatkan 22,879.5 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 22,562.0 ribu tan metrik diikuti sayur-sayuran 77.7 ribu tan metrik dan buah-buahan 66.9 ribu tan metrik. Sektor pertanian Sarawak merekodkan jumlah nilai jualan sebanyak RM23.99 bilion. Nilai jualan bagi pegangan pertanian individu sebanyak RM5.44 bilion (22.7%) dan pegangan pertubuhan RM18.55 bilion (77.3%). Subsektor tanaman merekodkan jumlah nilai jualan tertinggi sebanyak RM20.68 bilion atau 86.2 peratus.

Paparan 11: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




Paparan 12: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



8.0 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian Sarawak adalah RM29.18 bilion. Daripada jumlah ini, RM6.70 bilion (22.9%) merupakan pendapatan pegangan pertanian individu, manakala baki RM22.49 bilion (77.1%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Subsektor tanaman turut merekodkan jumlah pendapatan tertinggi sebanyak RM23.58 bilion atau 80.8 peratus.


Paparan 13: Pendapatan mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



9.0 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian Sarawak sebanyak RM10.75 bilion. Daripada jumlah ini, RM2.70 bilion (25.1%) merupakan perbelanjaan pegangan pertanian individu, manakala baki RM8.05 bilion (74.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Subsektor tanaman turut merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi sebanyak RM7.54 bilion atau 70.1 peratus.


Paparan 14: Perbelanjaan mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



10.0 GUNA TENAGA

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam sektor pertanian di Sarawak adalah seramai 358,803 orang. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu seramai 245,444 orang (68.4%) dan pegangan pertanian pertubuhan seramai 113,359 orang (31.6%).

Paparan 15: Guna Tenaga mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



Daripada jumlah, pemilik dan rakan niaga yang aktif mencatatkan jumlah seramai 149,970 orang (41.8%) manakala 179,646 orang (50.1%) terdiri daripada pekerja bergaji. Selebihnya, seramai 29,187 orang (8.1%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji.

Paparan 16: Guna Tenaga mengikut Taraf Pekerjaan, Sarawak, 2023



11.0 GAJI & UPAH

Purata gaji & upah tahunan bagi sektor pertanian Sarawak dicatatkan sebanyak RM19,350 setahun. Subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan purata pendapatan tahunan tertinggi sebanyak RM25,692, diikuti subsektor ternakan sebanyak RM24,985 dan tanaman nanas sebanyak RM20,682.

12.0 AKTIVITI SEKTOR PERTANIAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN


12.1 PARAMETER SUBSEKTOR TANAMAN, SARAWAK

12.1.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Pada tahun 2023, sejumlah 141,782 pegangan pertanian (96.2%) daripada keseluruhan bilangan pegangan pertanian adalah daripada subsektor tanaman. Subsektor ini telah mencatatkan bilangan pegangan pertanian perseorangan sejumlah 140,111 orang (98.8%). Manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah 1,671 (1.2%) pertubuhan.

Tanaman kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar bagi subsektor tanaman. Bilangan pegangan pertanian yang direkodkan oleh tanaman kelapa sawit adalah 49,394 orang pengusaha. Daripada jumlah tersebut, 47,940 (97.1%) adalah pegangan pertanian individu manakala 1,454 (2.9%) adalah pegangan pertanian di peringkat pertubuhan.


Paparan 17 : Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman, Sarawak, 2023



12.1.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan yang diliputi subsektor tanaman di Sarawak mencatatkan 1.8 juta hektar. Luas bertanam bagi pegangan pertanian pertubuhan ialah 1.4 juta hektar (76.4%), manakala pegangan pertanian individu ialah 426.0 ribu hektar (23.6%). Daripada jumlah tersebut, keluasan bertanam didominasi oleh tanaman kelapa sawit yang mencatatkan keluasan 1.7 juta hektar. Manakala, getah mempunyai keluasan 68.2 ribu hektar dan diikuti oleh keluasan tanaman buah-buahan iaitu 27.3 ribu hektar.


Paparan 18: Keluasan Bertanam Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



12.1.3 KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai subsektor tanaman merekodkan keluasan 1.5 juta hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai pegangan pertanian pertubuhan jauh lebih tinggi iaitu 1.2 juta hektar (75.1%) berbanding keluasan bertuai individu iaitu 385.2 ribu hektar (24.9%). Tanaman kelapa sawit juga mencatatkan keluasan bertuai yang tertinggi iaitu 1.5 juta hektar. Tanaman getah pula mencatatkan keluasan bertuai 53.0 ribu hektar dan buah-buahan merekodkan 13.5 ribu hektar untuk keluasan bertuai.


Paparan 19: Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



12.1.4 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Sarawak mencatatkan 58.5 juta tan metrik. Daripada jumlah ini, 39.7 juta tan metrik (67.8%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala 18.8 juta tan metrik (32.2%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 22.6 juta tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah lada dan buah-buahan dengan masing-masing menghasilkan 35.6 juta dan 87.1 ribu tan metrik.


Paparan 20: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



12.1.5 KUANTITI JUALAN

Kuantiti jualan subsektor tanaman di Sarawak adalah 53.3 juta tan metrik. Daripada jumlah ini, 34.5 juta tan metrik (64.7%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala 18.8 juta tan metrik (35.3%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Lada mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 30.4 juta tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah kelapa sawit dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 22.6 juta tan metrik dan 77.7 ribu tan metrik.


Paparan 21: Kuantiti Jualan Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



12.1.6 NILAI JUALAN

Jumlah nilai jualan subsektor tanaman pada tahun 2023 adalah RM20.68 bilion. Daripada jumlah ini, RM4.77 bilion (23.1%) merupakan pendapatan pegangan pertanian individu, manakala RM15.90 bilion (76.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. NIlai jualan didominasi tanaman kelapa sawit dengan sumbangan nilai jualan RM18.61 bilion (90.0%). Seterusnya, nilai jualan kedua dan ketiga tertinggi adalah lada dan sayur-sayuran dengan masing-masing adalah RM730.57 juta (3.5%) dan RM534.14 juta (2.6%).


Paparan 22 : Nilai Jualan Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



12.1.7 PENDAPATAN

Secara keseluruhannya, subsektor tanaman Sarawak merekodkan jumlah pendapatan tertinggi iaitu RM23.58 bilion. Daripada jumlah ini, RM6.02 bilion (25.5%) merupakan pendapatan pegangan pertanian individu, manakala baki RM17.57 bilion (74.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Kelapa sawit merekodkan jumlah pendapatan tertinggi sebanyak RM20.81 bilion atau 88.3 peratus.


Paparan 23: Pendapatan Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



12.1.8 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan subsektor tanaman Sarawak merekodkan sebanyak RM7.54 bilion. Daripada jumlah ini, RM2.43 bilion (32.2%) merupakan perbelanjaan pegangan pertanian individu, manakala baki RM5.11 bilion (67.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Kelapa sawit turut merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi sebanyak RM6.37 bilion atau 84.5 peratus.

Paparan 24 : Perbelanjaan Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




12.1.9 GUNA TENAGA

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam subsektor tanaman di Sarawak adalah seramai 384,101 orang. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu seramai 263,919 dan pegangan pertanian pertubuhan seramai 120,182. Tanaman kelapa sawit mencatatkan penglibatan guna tenaga tertinggi dengan jumlah keseluruhan 221,016 orang, diikuti oleh lada (49,518 orang) dan sayur-sayuran (28,309 orang). Ketiga-tiga komoditi ini menunjukkan penyertaan guna tenaga yang besar dalam kalangan pegangan individu dan pertubuhan. Tanaman seperti getah (25,574 orang), buah – buahan (22,487 orang), padi (21,666 orang), tanaman lain (10,511 orang), nanas (2,938 orang) serta koko (2,082 orang), walaupun dalam skala lebih kecil, turut menyumbang kepada landskap guna tenaga Sarawak, khususnya melalui penglibatan pemilik & rakan niaga yang aktif dan pekerja bergaji.

12.1.10 GAJI & UPAH

Gaji dan upah pula merujuk kepada jumlah ganjaran kewangan yang diterima oleh pekerja pertanian, termasuk bayaran tetap, insentif, dan imbuhan lain. Purata gaji dan upah tahunan bagi subsektor tanaman dicatatkan sebanyak RM129,191 setahun.

Paparan 25 : Guna Tenaga, Purata Gaji & Upah Tahunan Subsektor Tanaman, Sarawak, 2023



12.2 PARAMETER UTAMA MENGIKUT AKTIVITI TANAMAN

12.2.1 STATISTIK UTAMA KELAPA SAWIT

12.2.1.1 PENGENALAN

Industri kelapa sawit terus mengukuhkan kedudukannya sebagai komoditi utama di Sarawak. Pada tahun 2023, sektor Pertanian Sarawak berkembang 2.0 peratus berbanding 1.8 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini antaranya disokong oleh data dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi jumlah pengeluaran buah tandan segar sebanyak 3.9 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun 2022, (Laporan Sosioekonomi Sarawak, 2023). Di peringkat nasional, sektor Pertanian Malaysia turut mencatat pertumbuhan marginal sebanyak 0.2 peratus (2022: 1.3%), dipacu sebahagiannya oleh pertumbuhan sederhana 0.2 peratus dalam subsektor kelapa sawit, (Keluaran Dalam Negeri Kasar, 2015 - 2024).




12.2.1.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Kelapa sawit Sarawak mencatatkan penglibatan seramai 49,394 pegangan pertanian, merangkumi pegangan pertanian di peringkat pertubuhan dan individu, Paparan 26. Manakala, dari sudut pecahan pegangan pertanian, daerah pentadbiran Miri, Subis dan Beluru direkodkan sebagai penyumbang utama, mewakili 25.9 peratus daripada jumlah pegangan pertanian seperti dapatan Banci Pertanian 2024.

Penglibatan syarikat perladangan utama terus menjadi pemangkin pertumbuhan industri, didorong oleh pelaburan strategik dalam teknologi, kecekapan operasi, serta tadbir urus ladang yang baik. Pada masa yang sama, pengusaha kecil antara yang menyokong rantaian bekalan, khususnya dari aspek penyertaan komuniti luar bandar.

Sinergi antara pemain industri berskala besar dan pengusaha kecil melalui pendekatan kolaboratif seperti program integrasi ladang dan Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO), telah meletakkan asas kukuh ke arah pembangunan sektor agrikomoditi kelapa sawit Sarawak yang berdaya saing, inklusif dan mampan.

Paparan 26 : Pegangan Pertanian Kelapa Sawit, Sarawak, 2023




12.2.1.3 KELUASAN BERTANAM

Pertumbuhan industri kelapa sawit Sarawak disokong oleh keluasan kawasan bertanam seluas 1.7 juta hektar pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, 1,371.6 ribu hektar (81.9%) merupakan kawasan yang diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan, manakala 302.8 ribu hektar (18.1%) berada di bawah kategori pegangan individu. Daerah pentadbiran Mukah, Bintulu, Miri, Subis dan Beluru antara lima penyumbang utama daerah pentadbiran tertinggi bagi kawasan bertanam sawit Sarawak membentuk 42.3 peratus, dengan komposisi bertanam masing masing 170.1 ribu hektar, 166.5 ribu hektar, 144.3 ribu hektar, 136.51 ribu hektar dan 90.7 ribu hektar pada tahun 2023.



Paparan 27: Keluasan Bertanam & Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi Kawasan Bertanam Kelapa Sawit, Sarawak, 2023




12.2.1.4 KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertanam bagi aktiviti penanaman kelapa sawit merangkumi dua komponen utama, iaitu keluasan matang dan keluasan belum matang. Perancangan tadbir urus yang sistematik telah menjadi pemangkin kepada pencapaian 86.7 peratus, bersamaan 1.5 juta hektar kawasan bertanam di Sarawak yang telah mencapai peringkat bertuai, manakala selebihnya masih belum mencapai tempoh matang. Banci Pertanian 2024 merekodkan pecahan kawasan bertuai mengikut jenis pegangan didominasi oleh pegangan pertubuhan dengan keluasan 1,158.8 ribu hektar (79.9%), diikuti pegangan individu dengan keluasan 292.2 ribu hektar (20.1%) seperti di Paparan 28.

Daripada jumlah ini, daerah pentadbiran Mukah, Bintulu, Subis, Miri dan Beluru antara penyumbang utama kawasan bertuai Sawit Sarawak dengan masing-masing merekodkan jumlah keluasan 152.5 ribu hektar, 136.0 ribu hektar, 120.4 ribu hektar, 114.6 ribu hektar dan 85.1 ribu hektar.

Paparan 28: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian Kelapa Sawit, Sarawak, 2023





12.2.1.5 KUANTITI PENGELUARAN

Sarawak kekal sebagai negeri utama mencatatkan jumlah pengeluaran buah tandan segar tertinggi dengan 22.6 juta metrik tan pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, 18.8 juta metrik tan (83.1%) adalah dari pegangan pertubuhan, manakala pegangan individu adalah 3.8 juta metrik tan (16.9%). Daerah pentadbiran Mukah, Bintulu, Subis, Miri dan Beluru antara lima daerah pentadbiran merekodkan pengeluaran buah tandan segar tertinggi dengan nilai 2.4 juta metrik tan (10.8%), 2.1 juta metrik tan (9.5%), 1.9 juta metrik tan (8.3%), 1.8 juta metrik tan (7.9%) dan 1.3 juta metrik tan (5.8%) masing-masing.

Pengeluaran buah tandan segar merupakan komponen utama dalam rantaian nilai industri kelapa sawit negara dan memainkan peranan strategik dalam menjana pertumbuhan ekonomi nasional. Ia juga merupakan bahan mentah kritikal bagi sektor hiliran yang melibatkan penghasilan minyak masak, biodiesel, oleokimia dan produk pengguna lain.

12.2.1.6 KUANTITI DAN NILAI JUALAN


Secara keseluruhan, jualan kasar buah tandan segar kelapa sawit Sarawak merekodkan nilai RM18.61 bilion. Nilai jualan kasar ini telah disokong dengan 22.6 juta tan metrik pengeluaran buah tandan segar pada tahun 2023. Lima daerah pentadbiran tertinggi penyumbang jualan buah tandan segar kelapa sawit Sarawak direkodkan di daerah pentadbiran Mukah dengan nilai RM2.01 bilion (10.8%), diikuti Bintulu RM1.79 bilion (9.6%), Subis RM1.55 bilion (8.3%), Miri RM1.47 bilion (7.9%) dan Beluru RM1.08 bilion (5.8%). Manakala, empat daerah pentadbiran merekodkan komposisi sumbangan kurang dari 0.1 peratus bagi jualan buah tandan segar iaitu Tanjung Manis, Siburan, Bukit Mabong dan Song. Keempat-empat daerah pentadbiran ini turut mencatatkan nilai jualan di bawah paras RM10 juta, dengan masing-masing RM6.51 juta (Tanjung Manis), RM3.24 juta (Siburan), RM259.93 ribu (Bukit Mabong) dan RM54.11 ribu (Song).

12.2.1.7 PENDAPATAN

Pendapatan keseluruhan jualan buah tandan segar kelapa sawit direkodkan sebanyak RM20.81 bilion pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, RM17.19 bilion (82.6%) disumbangkan oleh pegangan pertubuhan, manakala RM3.62 bilion (17.4%) adalah daripada pegangan individu (Paparan 29). Dari segi taburan mengikut daerah pentadbiran, Mukah, Bintulu, Subis, Miri dan Beluru merekodkan nilai pendapatan tertinggi, dengan lima daerah ini menyumbang 42.0 peratus daripada keseluruhan pendapatan kelapa sawit negeri Sarawak.



Paparan 29: Pendapatan mengikut Pegangan Pertanian Kelapa Sawit, Sarawak, 2023



12.2.1.8 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan bagi tanaman kelapa sawit Sarawak berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024 direkodkan sebanyak RM6.37 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM4.95 bilion (77.8%) merupakan perbelanjaan bagi pegangan pertanian pertubuhan, manakala RM1.42 bilion (22.2%) merupakan dari pegangan pertanian individu.

Daerah pentadbiran Mukah mendominasi nilai perbelanjaan dengan catatan RM647.73 juta (10.2%) diikuti Bintulu, RM577.80 juta (9.1%) dan Subis, RM537.58 juta (8.4%). Daerah pentadbiran Miri dan Beluru turut menjadi antara lima daerah pentadbiran tertinggi dengan nilai sumbangan RM499.83 juta (7.8%) dan RM373.37 juta (5.7%) masing-masing.

12.2.1.9 GUNA TENAGA

Kelapa sawit merupakan antara aktiviti penyumbang utama guna tenaga sektor pertanian Sarawak dengan 221,016 orang (53.5%) penglibatan di peringkat pertubuhan dan individu. Daripada pecahan tersebut, guna tenaga di peringkat pegangan pertubuhan mendominasi rekod penglibatan dengan 116,306 orang (52.6%), manakala 104,710 orang (47.4%) adalah penglibatan guna tenaga pegangan individu.

Lima daerah pentadbiran merekodkan sumbangan tertinggi penglibatan guna tenaga kelapa sawit Sarawak iaitu Miri, Subis, Bintulu, Mukah dan Beluru dengan sumbangan 19,572 orang (8.9%), 17,032 orang (7.7%), 16,551 orang (7.5%), 14,248 orang (6.4%) dan 13,588 orang (6.4%) masing-masing. Manakala, komposisi mengikut pegangan adalah seperti Paparan 30.



Paparan 30: Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi Guna Tenaga mengikut Pegangan Pertanian Kelapa Sawit, Sarawak, 2023

	Jumlah	Pertubuhan	Individu
Miri	19,572	9,626	9,946
Subis	17,032	8,675	8,357
Bintulu	16,551	12,558	3,993
Mukah	14,248	11,239	3,009
Beluru	13,588	6,620	6,968


Operasi perladangan berskala besar menyediakan peluang pekerjaan yang lebih tersusun melalui struktur organisasi formal, penggunaan teknologi serta amalan pengurusan ladang yang cekap. Pada masa yang sama, penyertaan pengusaha kecil menyokong penawaran guna tenaga di peringkat tempatan, khususnya dalam kalangan komuniti luar bandar dan penglibatan pekerja keluarga sekaligus menyokong guna tenaga yang inklusif dan mampan di Sarawak.

12.2.1.10 GAJI & UPAH

Kelapa sawit mendominasi sumbangan gaji dan upah keseluruhan aktiviti sektor pertanian Sarawak dengan catatan RM3.42 bilion (86.9%). Sumbangan ini disokong oleh penglibatan 167,536 orang pekerja bergaji iaitu 75.8 peratus daripada keseluruhan guna tenaga aktiviti kelapa sawit di Sarawak. Daripada jumlah ini, empat daerah pentadbiran merekodkan gaji tahunan melepasi paras RM300.00 juta iaitu Bintulu (RM345.26 juta), Miri (RM335.59 juta), Mukah (RM328.35 juta) dan Subis (RM308.44 juta). Penglibatan tertinggi pekerja bergaji bagi empat daerah pentadbiran tersebut telah menjadi pemangkin kepada perkara ini dengan komposisi Miri (8.7%), Bintulu (8.6%), Mukah (7.6%) dan Subis (7.5%), Paparan 31.



Paparan 31: Empat Daerah Pentadbiran Tertinggi Gaji & Upah Kelapa Sawit, Sarawak, 2023



12.2.2 STATISTIK UTAMA GETAH

12.2.2.1 PENGENALAN


Sektor tanaman getah terus menjadi salah satu komponen utama dalam pembangunan pertanian negeri Sarawak. Aktiviti penanaman getah bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri, malah memberi manfaat secara langsung kepada komuniti luar bandar, khususnya pekebun kecil.

12.2.2.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Sarawak merekodkan sebanyak 42,901 pegangan pertanian tanaman getah, dengan 99.9 peratus daripadanya merupakan pegangan pertanian individu, manakala hanya 0.1 peratus melibatkan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pegangan pertanian individu, 99.9 peratus (42,886 orang) terdiri daripada warganegara Malaysia, manakala selebihnya adalah bukan warganegara. Dari segi taburan daerah, lima daerah pentadbiran yang mencatatkan bilangan pekebun kecil tertinggi ialah Betong seramai 7,876 orang (18.4%), diikuti Sri Aman 7,588 orang (17.7%), Sarikei 6,542 orang (15.3%), Samarahan 6,437 orang (15.0%) dan Limbang 3,661 orang (8.5%). Sementara itu, daerah Bukit Mabong, Subis, Lingga, Pusa, Telang Usan, Sebauh dan Beluru masing-masing merekodkan kurang daripada lima pengusaha aktif dalam industri getah.



Paparan 32 : Pegangan Pertanian Getah, Sarawak, 2023



12.2.2.3 KELUASAN BERTANAM DAN BERTOREH

Penanaman getah di Sarawak tersebar di pelbagai daerah dengan tumpuan utama di kawasan luar bandar. Jumlah keluasan tanaman getah dianggarkan sekitar 68,211.8 hektar, manakala keluasan bertoreh adalah 52,966.6 hektar, bersamaan 77.7 peratus daripada keseluruhan kawasan bertanam.

Lima daerah pentadbiran utama yang terlibat dalam penanaman getah ialah Betong (14,728.8 hektar), Sarikei (11,832.2 hektar), Sri Aman (11,584.6 hektar), Samarahan (8,296.2 hektar) dan Kuching (5,310.7 hektar). Kelima-lima daerah ini menyumbang 75.9 peratus daripada jumlah kawasan bertanam getah di Sarawak.

Dari segi keluasan bertoreh, Betong mencatatkan keluasan tertinggi iaitu 12,595.5 hektar, diikuti oleh Sarikei (9,908.6 hektar), Sri Aman (9,733.1 hektar), Samarahan (6,370.2 hektar) dan Limbang (3,967.8 hektar). Secara keseluruhan, kelima-lima daerah ini menyumbang 80.4 peratus daripada jumlah kawasan bertoreh getah di Sarawak.

Sebaliknya, Tanjung Manis merupakan satu-satunya daerah yang tidak terlibat dalam penanaman getah.

Paparan 33 : Lima Daerah Pentadbiran dengan Keluasan Bertanam dan Bertoreh Tertinggi, Sarawak, 2023

Keluasan Bertanam (hektar)	Keluasan Bertoreh (hektar)
1. Betong : 14,728.8 (21.6%)	1. Betong : 12,595.5 (23.8%)
2. Sarikei : 11,832.2 (17.3%)	2. Sarikei : 9,908.6 (18.7%)
3. Sri Aman: 11,584.6 (17.0%)	3. Sri Aman: 9,733.1 (18.4%)
4. Samarahan : 8,296.2 (12.2%)	4. Samarahan : 6,370.2 (12.0%)
5. Kuching : 5,310.7 (7.8%)	5. Limbang : 3,967.8 (7.5%)

12.2.2.4 KUANTITI PENGELUARAN DAN NILAI JUALAN

Industri getah di Sarawak terus menunjukkan sumbangan yang ketara kepada sektor pertanian negeri, khususnya melalui pengeluaran getah asli dan nilai jualan yang direkodkan. Dapatan banci ini merekodkan jumlah pengeluaran getah di Sarawak sebanyak 44.2 ribu tan metrik, dengan nilai jualan mencecah RM222.70 juta.

Daerah Betong mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM51.27 juta (23.0%), sekali gus menjadikannya daerah pentadbiran paling produktif di Sarawak. Ini diikuti oleh Sri Aman dengan nilai jualan RM36.20 juta (16.3%) dan Sarikei RM36.17 juta (16.2%). Secara keseluruhan, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang 55.5 peratus daripada jumlah nilai jualan getah di Sarawak.

Sementara itu, tiga daerah pentadbiran mencatatkan sumbangan nilai jualan terendah, masing-masing kurang daripada 0.1 peratus, iaitu Sebauh sebanyak RM4.11 ribu, Beluru RM7.60 ribu dan Telang Usan RM11.81 ribu.

Paparan 34 : Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Getah Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2023

Daerah	Pengeluaran (kg)	Nilai Jualan (RM '000)
Betong	10,279.9	51,272.92
Sarikei	8,336.2	36,174.40
Sri Aman	8,152.6	36,202.23
Samarahan	5,304.1	23,688.75
Kuching	3,469.5	21,029.38
Limbang	3,133.7	16,879.74
Sibu	2,131.6	10,125.30
Lubok Antu	848.4	7,671.37
Kapit	490.4	2,478.92
Miri	380.1	1,713.35
Lawas	292.7	2,780.03
Saratok	249.7	2,332.87
Lundu	246.1	2,548.72
Kanowit	85.0	775.92
Marudi	63.3	575.84
Bau	59.7	622.76
Tebedu	59.2	617.35
Mukah	53.5	244.97
Sebuyau	51.3	527.26
Bintulu	51.1	354.39
Pantu	48.3	481.09
Kabong	43.9	373.55
Siburan	39.7	386.42

Daerah	Pengeluaran (kg)	Nilai Jualan (RM '000)
Gedong	37.0	367.50
Belaga	36.9	369.36269
Tatau	33.8	310.09899
Serian	30.9	316.6453
Selangau	30.8	293.43481
Song	23.2	241.11073
Julau	18.2	152.11931
Simunjan	17.4	172.36624
Maradong	13.3	67.26521
Asjaya	13.1	126.37902
Pakan	12.6	69.42847
Daro	11.7	96.46001
Dalat	8.6	72.4717
Pusa	7.3	75.76642
Matu	3.0	31.4364
Bukit Mabong	2.6	27.36374
Telang Usan	2.5	11.81539
Subis	1.5	15.20208
Lingga	1.2	12.16167
Beluru	0.7	7.60104
Sebauh	0.4	4.11019
Tanjung Manis	-	-




12.2.2.5 PENDAPATAN

Secara keseluruhan, jumlah pendapatan daripada tanaman getah di Sarawak pada tahun 2023 sebanyak RM407.25 juta. Daripada jumlah tersebut, RM397.49 juta (97.6%) disumbangkan oleh pegangan pertanian individu, manakala RM9.76 juta (2.4%) adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan.

Bagi pegangan pertanian individu, daerah Betong mencatatkan jumlah pendapatan tertinggi iaitu RM83.17 juta, bersamaan 20.9 peratus daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh Sri Aman sebanyak RM60.27 juta (15.2%), Sarikei RM59.66 juta (15.0%), Samarahan RM47.51 juta (12.0%) dan Limbang RM32.13 juta (8.1%).

Sementara itu, bagi pegangan pertanian pertubuhan, pendapatan hanya direkodkan di lima daerah pentadbiran. Kuching mencatatkan jumlah pendapatan tertinggi iaitu RM9,472.57 ribu, mewakili 97.1 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan kategori ini. Ini diikuti oleh Bintulu sebanyak RM202.50 ribu (2.1%), Meradong RM63.46 ribu (0.7%), Lawas RM9.65 ribu (0.1%) dan Sibu RM8.68 ribu (0.1%).

Paparan 35 : Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi Pendapatan Tanaman Getah mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




12.2.2.6 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan tanaman getah di Sarawak pada tahun 2023 mencatatkan RM169.58 juta. Pegangan pertanian individu menyumbang bahagian terbesar perbelanjaan iaitu RM166.00 juta (97.9%) daripada keseluruhan perbelanjaan, manakala pegangan pertanian pertubuhan hanya menyumbang RM3.58 juta (2.1%).

Bagi pegangan pertanian individu, Betong mencatatkan jumlah perbelanjaan tertinggi bagi tanaman getah sebanyak RM38.82 juta (23.4%). Ini diikuti Sarikei RM30.92 juta (18.6%), Sri Aman RM30.37 juta (18.3%), Samarahan RM20.40 juta (12.3%) dan seterusnya adalah Limbang RM12.28 juta (7.4%).

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, jumlah perbelanjaan turut disumbangkan oleh lima daerah pentadbiran, dengan Kuching merekodkan jumlah tertinggi iaitu RM3,469.09 ribu, mewakili 96.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kategori ini. Ini diikuti oleh Bintulu sebanyak RM72.90 ribu (2.0%), Meradong RM27.78 ribu (0.8%), Lawas RM6.05 ribu (0.2%) dan Sibu RM3.13 ribu (0.1%).

Paparan 36 : Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi Perbelanjaan Tanaman Getah mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




12.2.2.7 GUNA TENAGA

Pada tahun 2023, jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti tanaman getah di Sarawak adalah seramai 25,574 orang. Daripada jumlah tersebut, 84.6 peratus terdiri daripada pemilik & rakan niaga yang aktif iaitu seramai 21,635 orang, manakala 3,095 orang (12.1%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji. Selebihnya, 844 orang atau 3.3 peratus ialah pekerja bergaji.

Bagi pegangan pertanian aktiviti tanaman getah pada tahun 2023, lima daerah tertinggi mengikut bilangan guna tenaga ialah Betong (5,282 orang), Sri Aman (3,015 orang), Limbang (2,834 orang), Sarikei (2,825 orang) dan Samarahan (2,565 orang). Kesemua guna tenaga di kelima-lima daerah ini adalah sepenuhnya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 37 : Bilangan Guna Tenaga dan Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi Bilangan Guna Tenaga, Sarawak, 2023



12.2.2.8 GAJI & UPAH

Secara keseluruhan juga, aktiviti tanaman getah mencatatkan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM6,611.00. Dari segi purata gaji dan upah tahunan, pegangan pertanian individu merekodkan purata sebanyak RM4,532 manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM19,526.

Paparan 38 : Purata Gaji & Upah dan Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Getah, Sarawak, 2023



12.2.3 STATISTIK UTAMA NANAS


12.2.3.1 PENGENALAN

Buah nanas ialah sejenis buah tropika mempunyai bentuk bujur dengan kulit yang keras dan bersisik, serta berwarna hijau kekuningan apabila masak. Ia termasuk dalam keluarga Bromeliaceae yang mana bahagian isinya berwarna kuning keemasan, berair dan mempunyai rasa manis bercampur masam yang menyegarkan. Nanas dikenalpasti berasal dari Amerika Selatan, terutama wilayah Brazil dan Paraguay. Di Malaysia ia banyak ditanam di negeri Johor, Sarawak, Pahang, Sabah dan Selangor. Sarawak yang masih mempunyai kawasan tanah yang sesuai memberi kelebihan untuk menjadikan Sarawak antara pengeluar nanas yang besar di Malaysia.

12.2.3.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Pada tahun 2023, terdapat 2,519 pegangan pertanian yang terdiri daripada individu dan pertubuhan yang terlibat dengan aktiviti tanaman nanas. Pegangan pertanian individu adalah penyumbang utama iaitu 99.1 peratus atau 2,496 pegangan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 0.9 peratus atau 23 pertubuhan. Lima daerah pentadbiran yang tertinggi dari segi bilangan pegangan pertanian ialah Kuching yang mencatatkan 237 pengusaha (9.4%), diikuti Serian 210 pengusaha (8.3%), Samarahan 182 pengusaha (7.2%), Sarikei 172 pengusaha (6.8%) dan Sibu 151 pengusaha (6.0%).

Paparan 39 : Pegangan Pertanian Nanas, Sarawak, 2023



Kuching merekodkan bilangan tertinggi pegangan pertanian individu iaitu 233 pengusaha (9.3%), diikuti Serian 210 pengusaha (8.4%), Samarahan 177 pengusaha (7.1%), Sarikei 172 pengusaha (6.9%) dan Sibu 151 pengusaha (6.0%).Samarahan dan Miri sama-sama merekodkan pegangan pertanian pertubuhan yang tertinggi iaitu 5 pertubuhan (21.7%), diikuti Kuching 4 pertubuhan (17.4%), Asajaya 2 pertubuhan (8.7%) dan baki 7 daerah pentadbiran lain merekodkan 1 pertubuhan (4.4%).




12.2.3.3 KELUASAN BERTANAM

Di Sarawak semua daerah pentadbiran terlibat dengan aktiviti penanaman nanas dengan jumlah keluasan sebanyak 2,339.9 hektar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,848.3 hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu dan 491.6 hektar diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Lima daerah pentadbiran tertinggi yang mempunyai keluasan penanaman terluas didahului oleh daerah Samarahan dengan keluasan tanaman sebanyak 404.5 hektar atau 17.3 peratus. Ini dikuti oleh daerah penanaman kedua terbesar iaitu Miri 191.0 hentar (8.2%), seterusnya Sarikei 187.8 hektar (8.0%), Maradong 174.7 hektar (7.5%) dan Kuching 164.4 hektar (7.0%). Sarikei mencatatkan keluasan bertanam tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu 187.8 hektar (10.2%), diikuti Samarahan 182.3 hektar (9.9%), Serian 146.1 hektar (7.9%), Kuching 139.2 hektar (7.5%) dan Miri 121.8 hektar (6.6%).

Samarahan mencatatkan keluasan bertanam bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan keluasan 222.2 hektar (45.2%), diikuti Maradong 100.0 hektar (20.3%), Miri 69.2 hektar (14.1%), Dalat 34.3 hektar (7.0%) dan Kuching 25.2 hektar (5.1%).

Paparan 40 : Keluasan Bertanam Nanas, Sarawak, 2023




12.2.3.4 KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai pula adalah kurang - berbanding keluasan bertanam kerana tempoh matang nanas melebihi 12 bulan. Keseluruhan keluasan bertuai pada tahun 2023 di Sarawak adalah 1,805.2 hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 1,458.4 hektar, manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan adalah 346.8 hektar. Daerah pentadbiran Samarahan mempunyai keluasan bertuai yang terbanyak iaitu 290.3 hektar (16.08%), diikuti Miri 140.9 hektar (7.80%), Sarikei 140.5 hektar (7.78%), Kuching 131.1 hektar (7.26%) dan Maradong 128.1 hektar (7.10%).

Sarikei merekodkan keluasan bertuai tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu 140.5 hektar (9.6%). diikuti Samarahan 134.5 hektar (9.2%), Serian 115.4 hektar (7.9%), Kuching 112.9 hektar (7.7%) dan Miri 91.9 hektar (6.3%).

Paparan 41 : Keluasan Bertuai Nanas, Sarawak, 2023



Bagi pegangan pertanian pertubuhan Samarahan merekodkan keluasan bertuai 155.8 hektar (44.9%), diikuti Maradong 70.0 hektar (20.2%), Miri 49.0 hektar (14%), Dalat 24 hektar (7.0%) dan Kuching 18.2 hektar (5.3%).

12.2.3.5 KUANTITI PENGELUARAN

Tahun 2023, Sarawak mencatatkan pengeluaran nanas sebanyak 60,335.3 tan metrik. Pegangan pertanian individu adalah penyumbang utama pengeluaran nanas di Sarawak dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 48,335.8 tan metrik atau 80.1%.


Manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 11,999.5 tan metrik atau 19.9%.

Samarahan adalah daerah pengeluar nanas yang terbesar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 9,862.8 tan metrik atau 16.35 peratus. Ini diikuti oleh daerah Miri sebanyak 4,715.9 tan metrik (7.8%), Sarikei 4,606.8 tan metrik (7.6%), Kuching 4,429.2 tan metrik (7.3%) dan Meradong 4,389.0 tan metrik (7.3%).



Sarikei mencatatkan pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu 4,606.8 tan metrik (9.5%), diikuti Samarahan 4,457.4 tan metrik (9.2%), Kuching 3,797.4 tan metrik (7.9%), Serian 3,737.7 tan metrik (7.7%) dan Miri 3,017.1 tan metrik (6.2%). Manakala Samarahan mencatatkan pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 5,405.4 tan metrik (45.0%), diikuti oleh Maradong 2,428.9 tan metrik (20.2%), Miri 1,698.8 tan metrik (14.2%), Dalat 842.4 tan metrik (7.0%) dan Kuching 631.7 tan metrik (5.3%).

Paparan 42 : Kuantiti Pengeluaran Nanas Mengikut Pegangan Pertanian dan Lima Daerah Tertinggi Sarawak, 2023




12.2.3.6 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan nanas direkodkan pada 2023 adalah 59,050.1 tan metrik dengan pegangan pertanian individu menghasilkan 47,323.5 tan metrik (80.1%) dan pegangan pertubuhan pertanian menghasilkan 11,726.7 tan metrik (19.9%).

Nilai jualan bagi tanaman nanas adalah RM184.72 juta dengan pegangan pertanian individu mencatat nilai jualan RM140.32 juta (76.0%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan RM44.40 juta (24.0%).

Paparan 43 : Kuantiti dan Nilai Jualan Nanas Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




Samarahan menjadi penyumbang utama bagi kuantiti jualan tanaman nanas sebanyak 9,699.0 tan metrik (16.4%), diikuti Miri sebanyak 4,646.2 tan metrik (7.9%), Sarikei 4,540.5 tan metrik (7.7%), Maradong 4,300.6 tan metrik (7.3%) dan Kuching sebanyak 4,240.3 tan metrik (7.2%). Manakala bagi nilai jualan pula Samarahan merekodkan nilai jualan tertinggi RM38.46 juta (20.8%), diikuti Miri RM13.71 juta (7.4%), Sarikei RM13.39 juta (7.3%), Maradong RM12.69 juta (6.9%) dan Kuching RM12.51 juta (6.8%). Sarikei mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu 4,540.5 tan metrik (9.6%), diikuti Samarahan 4,374.0 tan metrik (9.2%), Kuching 3,712.3 tan metrik (7.8%), Serian 3,624.8 tan metrik (7.7%) dan Miri 2,971.9 (6.3%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan Samarahan merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 5,3250 tan metrik (45.4%), diikuti Maradong 2,392.5 tan metrik (20.4%), Miri 1,674.3 tan metrik (14.3%), Dalat 831.2 tan metrik (7.1%) dan Kuching 527.9 tan metrik (4.5%).

Manakala nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, Sarikei mencatatkan RM13.39 juta (9.5%), diikuti Samarahan RM12.94 juta (9.2%), Kuching RM10.95 juta (7.8%), Serian RM10.69 juta (7.6%) dan Miri RM8.77 juta (6.2%). Samarahan mencatatkan rekod tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan iaitu RM25.52 juta (57.5%), diikuti Maradong RM7.06 juta (15.9%), Miri 4.94 juta (11.1%), Dalat RM2.45 juta (5.5%) dan Kuching RM1.56 juta (3.5%).

12.2.3.7 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan daripada aktiviti tanaman nanas pada tahun 2023 adalah RM279.92 juta. Daripada jumlah ini, RM206.18 juta (73.7%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM73.74 juta (26.3%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Samarahan menyumbangkan pendapatan tertinggi sebanyak RM64.85 juta (23.2%), diikuti Sarikei dengan RM20.29 juta (7.2%). Miri pula mencatat RM20.29 juta (7.2%) manakala Kuching merekodkan RM19.47 juta (7.0%) dan Maradong RM 19.25 juta (6.9%). Bagi pegangan pertanian individu, Samarahan adalah penyumbang tertinggi pendapatan dengan RM21.81 juta (10.6%), ini diikuti Sarikei sebanyak RM20.29 juta (9.8%), Serian RM16.02 juta (7.8%), Kuching RM15.46 juta (7.5%) dan Miri (73.7%) RM12.88 juta (6.2%).

Paparan 44 : Pendapatan Tanaman Nanas Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




Manakala untuk pegangan pertanian pertubuhan, Samarahan juga mencatatkan jumlah pendapatan tertinggi iaitu RM43.04 juta (58.4%). Ini diikuti Maradong sebanyak RM10.80 juta (14.6%), Miri RM7.41 juta (10.0%), Kuching RM4.01 juta (5.4%) dan Dalat RM3.63 juta (4.9%)

12.2.3.8 PERBELANJAAN

Dari segi perbelanjaan aktiviti tanaman nanas pada tahun 2023 adalah sebanyak RM154.03 juta. Daripada jumlah ini, RM121.58 juta (79.0%) disumbangkan oleh pegangan pertanian individu, manakala baki RM32.45 (21.1%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Samarahan merekodkan perbelanjaan tertinggi sebanyak RM26.35 juta (17.1%), diikuti Miri dengan RM12.37 juta (8.0%). Seterusnya Sarikei mencatat RM12.23 juta (7.9%), manakala Kuching merekodkan RM11.95 juta (7.8%) dan Maradong RM11.46 juta (7.4%).

Paparan 45 : Perbelanjaan Tanaman Nanas Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




Bagi pegangan pertanian individu, Samarahan merekodkan perbelanjaan tertinggi dengan RM12.55 juta (10.3%), ini diikuti Sarikei sebanyak RM12.23 juta (10.1%). Manakala Kuching mencatatkan RM9.35 juta (7.7%), diikuti rapat Serian RM9.34 juta (7.7%) dan Miri RM7.87 juta (6.5%). Sementara itu untuk pegangan pertanian pertubuhan, Samarahan juga mencatatkan jumlah perbelanjaan tertinggi iaitu RM13.80 juta (42.5%), diikuti Maradong sebanyak RM6.50 juta (20.04%). Manakala Miri pula sebanyak RM4.50 juta (13.9 %%), Kuching RM2.60 juta (8.0%) dan Dalat RM2.19 juta (6.8%).

12.2.3.9 GUNA TENAGA

Jumlah keseluruhan guna tenaga direkodkan dalam aktiviti tanaman nanas sebanyak 2,938 orang. Pegangan pertanian individu mempunyai 2,889 orang (98.3 %) dan pegangan pertanian pertubuhan 49 orang (1.7%). Daerah Kuching menyumbang jumlah guna tenaga terbanyak iaitu 313 orang (10.7%). Ini diikuti Serian 258 orang (8.8%), Samarahan 216 orang (7.4%), Sarikei 185 orang (6.3%) dan Sibu 165 orang (5.6%).



Paparan 46 : Guna Tenaga Dalam Subsektor Tanaman Nanas, Sarawak, 2023



Kuching mencatatkan guna tenaga tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan 306 orang (10.6%), diikuti Serian 258 orang (8.9%), Samarahan 191 orang (6.6%), Sarikei 185 orang (6.4%) dan Sibu 165 orang (5.7%). Manakala guna tenaga tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan direkodkan oleh Samarahan 25 orang (51.0%), diiktui Kuching 7 orang (14.3%), Miri 5 orang (10.2%), Maradong 3 orang (6.1%) dan Dalat 2 orang (4.1%)


12.2.3.10 GAJI & UPAH

Jumlah gaji dan upah tahunan yang dibayar bagi aktiviti tanaman nanas sebanyak RM7.76 juta. Pegangan pertanian individu merekodkan gaji dan upah RM6.99 juta (90.1%) manakala pegangan pertanian pertubuhan RM0.77 juta (9.9%). Daripada jumlah ini, daerah pentadbiran Kuching merekodkan jumlah tertinggi gaji yang dibayar iaitu RM1.49 juta (19.2%). Ini diikuti Serian RM0.82 juta (10.6%), Samarahan RM0.72 juta (9.2%), Betong RM0.43 juta (5.6%) dan Miri RM0.35 (4.5%).

Jumlah gaji dan upah tertinggi bagi pegangan pertanian individu direkodkan oleh Kuching dengan RM1.36 juta (19.5%), diikuti Serian RM0.82 juta (11.7%), Betong RM0.43 juta (6.2%), Miri RM0.35 (5.0%) dan Sibu RM0.29 juta (4.2%).

Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula Samarahan mencatatkan gaji dan upah tertinggi RM0.48 juta (62.8%), diikuti Kuching RM0.13 (16.6%), Maradong RM0.09 juta (12.2%) dan Dalat RM0.06 juta (8.4%).

Paparan 47 : Gaji dan Upah Dalam Subsektor Tanaman Nanas, Sarawak, 2023



12.2.4 STATISTIK UTAMA KOKO

12.2.4.1 PENGENALAN


Tanaman koko (Theobroma cacao) merupakan salah satu aktiviti pertanian komoditi yang pernah memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor pertanian di Sarawak. Tanaman ini mula diperkenalkan secara komersial sekitar tahun 1970-an sebagai sumber pendapatan alternatif kepada pekebun kecil, khususnya di kawasan luar bandar.

Selain pengeluaran biji koko kering, industri koko di Sarawak mempunyai potensi untuk dikembangkan ke arah aktiviti hiliran seperti pemprosesan coklat, produk makanan dan bukan makanan berasaskan koko. Pembangunan rantaian nilai ini berupaya meningkatkan nilai tambah produk koko serta mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan di peringkat tempatan.

Koko memaparkan parameter utama tanaman koko berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan ini merangkumi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman koko untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman koko merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan, pendapatan, perbelanjaan, guna tenaga dan gaji & upah. Maklumat bagi parameter adalah merujuk kepada lokasi aktiviti penanaman koko dijalankan.




Paparan 48 : Parameter Utama Tanaman Koko, Sarawak, 2023



12.2.4.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


Pegangan pertanian tanaman koko yang direkodkan di Sarawak bagi tahun 2023 adalah 1,145 disumbangkan oleh pegangan pertanian individu seramai 1,141 orang (99.7%), manakala pertubuhan menyumbang empat pertubuhan (0.3%).

Paparan 49 : Pegangan Pertanian Koko, Sarawak, 2023



Daerah pentadbiran Simunjan mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 213 pegangan yang menyumbang 18.6 peratus. Ini diikuti oleh Sebuyau dengan 135 pegangan (11.8%), Kuching 127 pegangan (11.0%), Asajaya 105 pegangan (9.2%) dan Tebedu 102 pegangan (8.9%). Lima daerah pentadbiran ini menyumbangkan 59.6 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian tanaman koko di Sarawak. Lima daerah tersebut juga mencatatkan pegangan pertanian individu tertinggi di Sarawak. Bagi pegangan pertanian pertubuhan daerah pentadbiran Lundu, Serian, Lubok Antu dan Pakan masing-masing mencatatkan satu pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 50 : Lima Daerah Pentabiran dengan Bilangan Pegangan Pertanian Tertinggi, Sarawak, 2023



12.2.4.3 KELUASAN BERTANAM

Keluasan bertanam koko di Sarawak yang direkodkan pada tahun 2023 adalah seluas 987.5 hektar. Pegangan pertanian individu mencatatkan keluasan 957.1 hektar dengan sumbangan 96.9 peratus dan pegangan pertanian pertubuhan seluas 30.4 hektar (3.1%).

Simunjan mencatatkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu dengan keluasan 169.4 hektar atau 17.7 peratus. Kedudukan ini diikuti Sebuyau 137.9 hektar (14.4%), Kuching 113.7 hektar (11.9%), Tebedu 106.5 hektar (11.1%) dan Asajaya 92.5 hektar (9.7%). Keluasan lima daerah pentadbiran ini merangkumi 62.8 peratus daripada keseluruhan kawasan bertanam koko di Sarawak. Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Maradong merekodkan keluasan tertinggi iaitu 16.3 hektar atau 53.6 peratus, diikuti oleh Lundu 11.7 hektar (38.5%), Lubok Antu dan Serian masing-masing 2.0 hektar (6.6%) dan 0.4 hektar (1.3%).

Paparan 51 : Keluasan Bertanam Tanaman Koko Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



12.2.4.4 KELUASAN BERTUAI

Pokok koko akan mencapai tahap matang dan boleh dituai dalam tempoh tiga hingga empat tahun. Keluasan bertuai bagi aktiviti tanaman koko di Sarawak bagi tahun 2023 direkodkan seluas 681.3 hektar iaitu 69.0 peratus daripada keluasan bertanam. Pegangan pertanian individu merekodkan sumbangan tertinggi kepada keseluruhan keluasan bertuai iaitu 663.7 hektar (97.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 17.6 hektar (2.6%). Bagi pegangan pertanian individu, Sebuyau mencatatkan keluasan bertuai tertinggi iaitu 96.3 hektar atau 14.5 peratus. Ini diikuti oleh Kuching dengan keluasan 93.2 hektar (14.0%), Tebedu 84.7 hektar (12.8%), Simunjan 79.0 hektar (11.9%) dan Asajaya seluas 65.9 hektar (9.9%). Manakala bagi pegangan pertubuhan, Lundu merekodkan keluasan bertuai tertinggi iaitu 11.7 hektar (66.5 %), diikuti Maradong seluas 4.0 hektar (22.7%) dan Lubok Antu 2.0 hektar (11.4%). Manakala bagi Serian pokok koko belum mencapai tahap matang untuk dituai.




Paparan 52 : Keluasan Bertuai Tanaman Koko Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



12.2.4.5 KUANTITI PENGELUARAN

Industri tanaman koko di Sarawak merekodkan kuantiti pengeluaran biji koko sebanyak 44.6 tan metrik pada tahun 2023. Pegangan pertanian pertubuhan mendominasi pengeluaran koko di Sarawak dengan sumbangan sebanyak 53.1 peratus berjumlah 23.6 tan metrik. Manakala pegangan pertanian individu menghasilkan 20.9 tan metrik koko dengan sumbangan 46.9 peratus. Lundu merekodkan kuantiti pengeluaran koko tertinggi pada tahun 2023 berjumlah 23.2 tan metrik dengan sumbangan 52.0 peratus kepada keseluruhan keluaran koko di Sarawak, disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Manakala, Sebuyau mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 7.5 tan metrik (16.8%), diikuti oleh Kuching 2.7 tan metrik (6.0%), Tebedu 2.4 tan metrik (5.4%) dan Asajaya 1.5 tan metrik (3.4%). Lima daerah tersebut telah menyumbang 83.2 peratus (37.1 tan metrik) kepada keluaran koko di Sarawak.

Paparan 53 : Kuantiti Pengeluaran Tanaman Koko Mengikut Pegangan Pertanian Dan Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi, Sarawak, 2023



12.2.4.6 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Pada tahun 2023, industri tanaman koko Sarawak merekodkan kuantiti jualan biji koko sebanyak 39.0 tan metrik dengan menjana nilai jualan RM367.76 ribu. Pegangan pertanian pertubuhan merupakan penyumbang utama kepada kuantiti jualan dengan 23.6 tan metrik (60.5%) dan mencatatkan nilai jualan RM222.32 (60.5%). Manakala pegangan pertanian individu menyumbang RM145.44 ribu (39.5%) dengan kuantiti jualan berjumlah 15.4 tan metrik (39.5%).

Lundu direkodkan sebagai daerah pentadbiran utama yang menyumbang kepada industri tanaman koko di Sarawak pada tahun 2023 dengan kuantiti jualan sebanyak 23.8 tan metrik (61.0%) dan nilai jualan RM224.46 ribu (61.0%). Sebahagian besar jualan koko di Lundu disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan mencatatkan RM217.29 ribu (96.8%). Ini diikuti, Kuching dengan kuantiti jualan 2.9 tan metrik (7.4%) dan nilai jualan RM27.27 ribu (7.4%).

Seterusnya, Sebuyau menyumbang 6.1 peratus (2.4 tan metrik) kepada kuantiti jualan dan nilai jualan berjumlah RM22.38 ribu (6.1%). Tebedu dan Asajaya turut menyumbangkan masing-masing kuantiti jualan 2.2 tan metrik (5.8%) dan 1.3 tan metrik (3.3%) serta nilai jualan RM21.17 (5.8%) dan RM12.13 (3.3%). Lima daerah pentadbiran ini menyumbang 83.6 peratus kepada kuantiti jualan dan nilai jualan koko keseluruhan pada tahun 2023 di Sarawak.

Paparan 54 : Kuantiti Dan Nilai Jualan Tanaman Koko Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




12.2.4.7 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan keseluruhan bagi tanaman koko di Sarawak pada tahun 2023 ialah RM4.27 juta. Daripada jumlah tersebut, pendapatan pegangan pertanian individu menyumbang 81.0 peratus atau RM3.46 juta, manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 19.0 peratus atau RM0.81 juta.

Simunjan merupakan penyumbang utama pendapatan tanaman koko dengan RM674.02 ribu (15.8%) yang disumbangkan daripada pegangan pertanian individu. Seterusnya, diikuti Maradong RM643.14 ribu (15.1%), Sebuyau RM426.05 ribu (10.0%), Kuching RM358.37 ribu (8.4%) dan Asajaya RM327.16 ribu (7.7%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Maradong merupakan penyumbang utama dengan pendapatan RM536.02 ribu (66.0%) dan diikuti oleh Lundu sebanyak RM217.29 ribu (26.8%) dan Serian RM40.00 ribu (4.9%). Ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbangkan 97.7 peratus pendapatan bagi pegangan pertubuhan.

Paparan 55 : Pendapatan Tanaman Koko Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




12.2.4.8 PERBELANJAAN

Jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi tanaman koko di Sarawak yang direkodkan pada tahun 2023 adalah RM1.54 juta. Pegangan pertanian individu menyumbang RM1.39 juta (90.4%) manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM0.15 juta (9.6%).

Simunjan mencatatkan perbelanjaan tanaman koko tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu RM261.12 ribu. Ini diikuti oleh Sebuyau dengan perbelanjaan berjumlah RM189.31 ribu, Kuching RM141.18 ribu, Asajaya RM137.02 ribu dan Tebedu RM132.11 ribu. Lima daerah pentadbiran ini menyumbang 61.9 peratus kepada keseluruhan jumlah perbelanjaan pegangan pertanian individu. Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Lundu merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM82.57 ribu (55.7%) daripada jumlah perbelanjaan. Seterusnya, Maradong mencatatkan perbelanjaan berjumlah RM28.34 ribu iaitu 19.1 peratus dan Serian RM27.50 ribu (18.6%). Secara keseluruhan, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang 93.4 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan tanaman koko pegangan pertanian pertubuhan.



Paparan 56 : Perbelanjaan Tanaman Koko Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




12.2.4.9 GUNA TENAGA

Jumlah keseluruhan guna tenaga bagi tanaman Koko di Sarawak pada tahun 2023 adalah seramai 2,082 orang. Daripada jumlah tersebut 1,143 orang (54.9%) merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, manakala 461 orang (22.1%) terdiri daripada pekerja bergaji. Selebihnya, seramai 478 orang (23.0%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji.

Mengikut pecahan pegangan pertanian individu, guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 2,069 orang. Daripada jumlah ini, 55.1 peratus atau 1,139 orang merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, manakala 456 orang (22.0%) sebagai pekerja bergaji dan pekerja keluarga tanpa gaji berjumlah 474 orang (22.9%). Lima daerah tersebut yang merekodkan bilangan guna tenaga tertinggi bagi tanaman koko ialah Simunjan seramai 399 orang (19.2%), diikuti Kuching dan Sebuyau masing-masing 212 orang (10.2%), Tebedu 201 orang (9.7%) dan Asajaya 176 orang (8.5%). Sumbangan guna tenaga bagi lima daerah pentadbiran ini adalah daripada semua pegangan pertanian individu.

Bagi pegangan pertanian oleh pertubuhan, jumlah guna tenaga direkodkan seramai 13 orang. Daripada jumlah tersebut 4 orang (30.8%) merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, 5 orang (38.4%) pekerja bergaji dan 4 orang (30.8%) pekerja keluarga tanpa gaji. Pecahan bilangan guna tenaga mengikut daerah pentadbiran disumbangkan oleh Lundu seramai 5 orang, Lubok Antu dan Maradong masing-masing 3 orang dan Serian 1 orang.


Paparan 57 : Bilangan Guna Tenaga Bagi Tanaman Koko, Sarawak, 2023



12.2.4.10 GAJI & UPAH

Jumlah Gaji dan Upah tahunan bagi tanaman Koko di Sarawak pada tahun 2023 adalah sebanyak RM1.16 juta dengan purata gaji tahunan sebanyak RM2,520 setahun. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM1.04 juta (89.7%) dan pegangan pertanian pertubuhan RM0.12 juta (10.3%). Lundu merekodkan purata gaji tahunan yang paling tinggi sebanyak RM23,839 setahun yang disumbangkan daripada pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 58 : Gaji & Upah Tanaman Koko Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




12.2.5 STATISTIK UTAMA LADA

12.2.5.1 PENGENALAN

Sektor penanaman lada di Sarawak terus menjadi antara komoditi utama yang menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi luar bandar, khususnya dalam kalangan pekebun kecil dan komuniti pertanian tempatan. Kedudukan Sarawak sebagai penyumbang utama industri lada negara dikukuhkan dengan jumlah pengeluaran mencecah 35.6 ribu tan metrik. Pada tahun 2023, keluasan tanaman lada di Sarawak direkodkan seluas 7,622.1 hektar, dengan kawasan bertuai seluas 6,659.6 hektar. Dari jumlah tersebut, pegangan pertanian individu merupakan penyumbang terbesar dengan 7,613.6 hektar dengan kawasan bertuai seluas 6,651.2 hektar. Sarawak merupakan pengeluaran lada tertinggi di Malaysia dengan merekodkan jumlah pengeluaran keseluruhan, dicatatkan sebanyak 35.6 ribu tan metrik kilogram dengan kuantiti jualan 30.4 ribu tan metrik dan menghasilkan nilai jualan kasar berjumlah RM730.57 juta.



Paparan 59 : Statistik Utama Lada, Sarawak, 2023



Pegangan Pertanian	Keluasan Bertanam	Keluasan Bertuai	Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan
31,715	**7,622.1 hektar**	**6,659.6 hektar**	**35.6 ribu tan metrik**	**RM30.4 ribu tan metrik**	**RM730.57 juta**

12.2.5.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Sarawak merupakan penyumbang tanaman lada terbesar yang diusahakan oleh seramai 31,715 orang pegangan pertanian individu pada tahun 2023. Tebedu merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lada tertinggi di Sarawak dan Malaysia seramai 3,153 orang. Ini diikuti oleh Serian dengan 2,894 orang pegangan pertanian individu dan Julau dengan seramai 2,879 orang. Sementara, pegangan pertanian individu Lubok Antu dan Pakan masing-masing 2,734 dan 2,365 orang. Bilangan pegangan pertanian pertubuhan yang direkodkan di negeri Sarawak adalah satu pertubuhan di Sarikei.

Paparan 60 : Statistik Utama Lada mengikut Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi , Sarawak, 2023

Daerah Pentadbiran	Luas Bertanam (Hektar)	Luas Bertuai (Hektar)	Komposisi Bertuai (%)
SARAWAK	7,622.1	6,659.6	87.4
Julau	1,065.5	960.0	90.1
Tebedu	814.4	614.5	75.5
Betong	707.6	628.2	88.8
Serian	637.0	563.2	88.4
Pakan	596.7	543.3	91.0



12.2.5.3 KELUASAN BERTANAM

Sarawak mempunyai seluas 7,622.1 hektar keluasan bertanam bagi keseluruhan pegangan pertanian individu dan pertubuhan. Julau mencatatkan keluasan bertanam terluas dengan keluasan 1,065.5 hektar diikuti Tebedu 814.4 hektar seterusnya Betong dengan keluasan 707.6 hektar manakala Pakan dan Serian masing-masing 637.0 dan 596.7 keluasan bertanam. Berdasarkan laporan ini pegangan pertanian individu membentuk majoriti keluasan dengan 99.9 peratus manakala pegangan pertubuhan dengan 0.1 peratus keluasan bertanam di Sarawak.

12.2.5.4 KELUASAN BERTUAI

Hasil dapatan Banci Pertanian 2023 dan gambaran keluasan tanaman yang dicatatkan bagi tanaman lada di Sarawak, komposisi bertuai mencecah 6,659.6 hektar merangkumi 87.4 peratus daripada keseluruhan Malaysia. Daripada jumlah ini, daerah pentadbiran Julau, Betong dan Tebedu merupakan antara penyumbang utama kawasan bertuai lada Sarawak dengan masing-masing merekodkan jumlah keluasan 960.0 hektar, 628.2 hektar dan 614.5 hektar. Serian dan Pakan masing-masing mencatatkan 563.2 hektar dan 543.3 hektar keluasan bertuai.

12.2.5.5 KUANTITI PENGELUARAN


Tiga daerah teratas mencatatkan kuantiti pengeluaran lada diterajui pegangan pertanian individu pada tahun 2023. Julau merupakan daerah penyumbang pengeluaran lada utama dengan kuantiti pengeluaran berjumlah 5.1 ribu tan metrik iaitu 14.4 peratus daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran di Sarawak. Manakala, Tebedu merekodkan sumbangan pengeluaran lada sebanyak 3.5 ribu tan metrik (9.8%) dan Serian sebanyak 3.3 ribu tan metrik (9.2%). Sementara itu, pengeluaran lada bagi pegangan pertanian pertubuhan direkodkan dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 3.8 ribu tan metrik iaitu hanya 0.01 peratus sumbangan terhadap keseluruhan Sarawak.

12.2.5.6 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Sarawak merekodkan kuantiti jualan dan nilai jualan lada tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu masing-masing menyumbang sebanyak 30.4 ribu tan metrik (99.3%) dan RM730.48 juta (99.4%). Julau merekodkan kuantiti jualan lada tertinggi sebanyak 4.6 ribu tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM109.55 juta. Ini diikuti Pakan yang menyumbang kuantiti jualan lada sebanyak 2.8 ribu tan metrik dengan nilai jualan bernilai RM68.15 juta. Manakala, Serian merekodkan kuantiti jualan lada sebanyak 2.7 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM64.97 juta.




Paparan 61 : Kuantiti dan Nilai Jualan Lada, Sarawak, 2023



12.2.5.7 PENDAPATAN

Pendapatan keseluruhan lada di Sarawak pada tahun 2023 berjumlah RM799.75 juta. Pendapatan ini hampir sepenuhnya datang daripada isi rumah (RM799.65 juta). Manakala, pertubuhan hanya menyumbang RM96.21 ribu (0.01%). Secara keseluruhan, daerah pentadbiran Julau mencatatkan pendapatan tertinggi dengan nilai RM118.26 juta (14.8%), diikuti Pakan RM73.02 juta (9.1%) dan Serian RM70.45 juta (8.8%). Tebedu dan Betong merekodkan pendapatan masing-masing RM68.20 juta dan RM64.96 juta.

Paparan 62 : Pendapatan Lada, Sarawak, 2023



12.2.5.8 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan bagi lada Sarawak direkodkan sebanyak RM369.23 juta. Hampir semua keseluruhan perbelanjaan datang daripada pegangan pertanian individu (RM369.19 juta). Manakala, pertubuhan hanya menyumbang RM44.85 ribu (0.01%). Daerah pentadbiran Julau penyumbang dominan nilai perbelanjaan dengan catatan RM49.71 juta (13.5%) diikuti Pakan, RM39.22 juta (10.6%) dan Serian, RM32.12 juta (8.7%). Manakala, Tebedu dan Betong merekodkan pendapatan masing-masing RM26.52 juta dan RM27.60 juta.

Paparan 63 : Perbelanjaan Lada, Sarawak, 2023



12.2.5.9 GUNA TENAGA

Secara keseluruhan, subsektor tanaman lada di Sarawak mendominasi struktur guna tenaga Malaysia dengan hampir 99% sumbangan di Malaysia. Daerah pentadbiran seperti Julau, Tebedu dan pakan mempunyai sumbangan guna tenaga daripada pegangan pertanian yang signifikan iaitu Julau seramai 6,069 orang, Tebedu seramai 4,766 orang manakala Pakan seramai 4,703 orang. Manakala, Lubok Antu dan Serian masing-masing 4,065 dan 3,824 orang.

12.2.5.10 GAJI & UPAH

Sumbangan sektor lada ini disokong oleh penglibatan 5.5 ribu orang pekerja bergaji iaitu 11.2 peratus daripada keseluruhan guna tenaga. Daripada jumlah ini, lima daerah pentadbiran merekodkan gaji tahunan tertinggi iaitu Julau (RM9.13 juta), Pakan (RM4.76 juta), Tebedu (RM4.51 juta), Serian (RM3.54 juta) dan Lubok Antu (RM2.32 juta)



12.2.6 STATISTIK UTAMA PADI

12.2.6.1 PENGENALAN

Padi merupakan tanaman makanan ruji yang amat penting di Sarawak dan memainkan peranan dalam menjamin keterjaminan makanan negeri serta kesejahteraan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Sebahagian besar pengeluaran padi di Sarawak diusahakan oleh petani kecil khususnya di kawasan pedalaman dan luar bandar dengan amalan penanaman yang masih bersifat tradisional. Pembangunan subsektor padi merupakan salah satu komponen strategik dalam agenda keterjaminan makanan Sarawak selaras dengan aspirasi Post COVID-19 Development Strategy (PCDS) 2030. Dalam konteks ini, usaha memperkukuh pengeluaran padi tempatan diberi penekanan bagi meningkatkan *Self-Sufficiency Ratio* (SSR) beras Sarawak serta mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import. Walaupun Sarawak mempunyai keluasan tanah yang berpotensi untuk tanaman padi, tahap produktiviti masih berdepan pelbagai kekangan termasuk struktur ladang berskala kecil, penggunaan teknologi yang terhad dan kebergantungan kepada faktor cuaca. Sehubungan itu, PCDS 2030 menggariskan keperluan untuk memodenkan subsektor padi melalui pendekatan bersepadu merangkumi pemodenan infrastruktur pengairan, penggunaan teknologi pertanian pintar, pengukuhan rantaian nilai serta pemerkasaan petani, bagi memastikan bekalan beras yang mencukupi, mampan dan berdaya tahan dalam jangka panjang.

Paparan 64 : Parameter Utama Padi, Sarawak, 2023




12.2.6.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, Sarawak merupakan negeri kedua tertinggi merekodkan jumlah pegangan pertanian padi di Malaysia. Terdapat sejumlah 14,394 pegangan pertanian padi iaitu mewakili 11.4 peratus daripada keseluruhan Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 14,388 atau 99.9 peratus pegangan pertanian adalah individu manakala hanya enam adalah pertubuhan. Lima daerah pentadbiran yang merekodkan bilangan pegangan individu padi tertinggi adalah daerah Bau dengan 1,719 pegangan (11.9%), diikuti oleh Serian 1,682 pegangan (11.7%),

Tebedu 1,389 pegangan (9.6%), Sri Aman 779 pegangan (5.4%) dan Kapit 777 pegangan (5.4%). Kelima-lima daerah pentadbiran ini merekodkan 44.1 peratus pegangan pertanian padi di Sarawak. Manakala terdapat enam pegangan pertanian pertubuhan padi di Sarawak iaitu di Lingga dengan tiga pertubuhan dan Sri Aman, Sibu dan Miri masing-masing satu pertubuhan.

Paparan 65 : Profil Pegangan Pertanian Padi, Sarawak, 2023



12.2.6.3 KELUASAN BERTANAM

Keluasan bertanam padi di Sarawak pada tahun 2023 berjumlah 6,256.4 hektar dengan pegangan pertanian individu mencatatkan keluasan 6,165.4 hektar (98.5%) dan pegangan pertanian pertubuhan 91.0 hektar (1.5%).

Bagi pegangan pertanian individu, Sri Aman merekodkan keluasan bertanam tertinggi iaitu 521.8 hektar (8.5%). Ini diikuti dengan Lawas (465.9 hektar; 7.6%), Serian (405.4 hektar; 6.6%), Tebedu (402.3 hektar; 6.5%) dan Lubok Antu (375.5 hektar; 6.1%). Lima daerah pentadbiran ini menyumbang 35.2 peratus daripada keseluruhan keluasan bertanam padi di Sarawak.

Lingga merekodkan keluasan tanaman tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan iaitu 90.8 peratus atau 82.6 hektar. Sri Aman berada di kedudukan kedua dengan keluasan bertanam 5.3 hektar (5.8%) diikuti Sibu 1.7 hektar (1.9%) dan Miri 1.4 hektar (1.5%).

Paparan 66 : Lima Daerah Pentadbiran dengan Keluasan Bertanam Padi Tertinggi bagi Pegangan Pertanian Individu, Sarawak, 2023



12.2.6.4 KELUASAN BERTUAI

Sarawak mencatatkan jumlah keseluruhan keluasan tuaian padi berjumlah 6,155.5 hektar. Pegangan pertanian individu menyumbang 98.5 peratus (6,064.9 hektar) daripada keseluruhan keluasan bertuai manakala pegangan pertubuhan 1.5 peratus (90.6 hektar).

Sri Aman merupakan penyumbang utama dengan keluasan tuaian tertinggi iaitu 496.3 hektar atau 8.2 peratus daripada keseluruhan keluasan bertuai Sarawak bagi pegangan pertanian individu. Ini diikuti oleh Lawas dengan keluasan bertuai 462.6 hektar (7.6%), Serian 404.3 hektar (6.7%), Tebedu 401.0 hektar (6.6%) dan Daro 365.8 hektar (6.0%).

Bagi pegangan pertubuhan, Lingga mencatatkan keluasan tuaian tertinggi iaitu 82.6 hektar (91.2%). Ini diikuti dengan Sri Aman dengan 5.3 hektar (5.8%), Miri 1.4 hektar (1.5%) dan Sibu 1.3 hektar (1.5%).

Paparan 68: Lima Daerah dengan Keluasan Bertuai Padi Tertinggi bagi Pegangan Pertanian Individu, Sarawak, 2023




12.2.6.5 KUANTITI PENGELUARAN

Pada 2023, Sarawak mencatatkan kuantiti pengeluaran berjumlah 11,991.4 tan metrik. Pegangan pertanian individu menyumbang 96.8 peratus daripada keseluruhan pengeluaran Sarawak dengan menghasilkan 11,613.6 tan metrik pengeluaran padi. Lingga merupakan penyumbang utama dengan kuantiti pengeluaran tertinggi 1,168.5 tan metrik, menyumbang 10.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran Sarawak. Ini diikuti dengan Tebedu 1,128.0 tan metrik (9.7%), Sri Aman (1,045.8 tan metrik, 9.0%), Serian (811.4 tan metrik, 7.0%) dan Kanowit (763.6 tan metrik, 6.6%).

Pegangan pertanian pertubuhan merekodkan hanya 377.7 tan metrik pengeluaran atau 3.2 peratus. Daripada jumlah ini, Lingga menyumbang 93.8 peratus (354.4 tan metrik) pengeluaran padi.

Paparan 69 : Kuantiti Pengeluaran Padi, Sarawak, 2023




12.2.6.6 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Sarawak mencatatkan jumlah keseluruhan kuantiti jualan padi 4,428.8 tan metrik merangkumi sumbangan daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 4,054.1 tan metrik, iaitu kira-kira 91.5% daripada keseluruhan kuantiti jualan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan hanya menyumbang 374.7 tan metrik atau 8.5 peratus. Bagi pegangan pertanian individu, daerah Sri Aman, Lingga, Tebedu, Limbang dan Daro merupakan lima daerah tertinggi dalam kuantiti pengeluaran padi, menyumbang hampir 50 peratus daripada jumlah kuantiti pengeluaran di Sarawak. Sri Aman merupakan penyumbang tertinggi dengan 656.5 tan metrik atau 41.1% daripada keseluruhan jumlah kuantiti pengeluaran padi di Sarawak. Ini diikuti Lingga dengan 502.9 tan metrik (12.4%), Tebedu (315.0 tan metrik, 7.8%), Limbang (294.2 tan metrik, 7.3%) dan Daro (248.9 tan metrik, 6.1%). Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Lingga kekal sebagai penyumbang utama dengan jumlah pengeluaran padi 352.4 tan metrik atau 94.0 peratus.

Dari segi nilai jualan bagi pegangan pertanian individu, Sri Aman mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM840.59 juta, menyumbang 16.8% daripada jumlah jualan di Sarawak. Ini diikuti Lingga menyumbang RM650.52 juta (13.0%), Limbang RM382.46 juta (7.6%), Tebedu RM332.24 juta (6.6%) dan Daro RM298.56 (6.0%). Lima daerah ini menyumbang 50 peratus dari segi nilai jualan di Sarawak. Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Lingga menyumbang 94.1 peratus atau RM407.97 juta.

Paparan 70 : Kuantiti dan Nilai Jualan Padi, Sarawak, 2023




12.2.6.7 PENDAPATAN

Pada tahun 2023, jumlah pendapatan tanaman padi Sarawak mencatatkan nilai sebanyak RM75,148.37 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak iaitu RM57,357.20 juta (76.3%). Sementara itu, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM17,791.17 juta (23.7%).

Sri Aman merupakan daerah tertinggi menyumbang kepada pendapatan bagi tanaman padi di Sarawak dengan merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM7,064.67 juta (12.3%) bagi pegangan pertanian individu. Ini diikuti oleh Tebedu RM6,630.11 juta (11.6%), Serian (RM4,884.96 juta, 8.5%), Lawas (RM4,762.51 juta, 8.3%) dan Daro (RM4,454.61 juta, 7.8%).

Manakala bagi jumlah pendapatan pegangan pertanian pertubuhan, Sibu merupakan penyumbang terbesar jumlah pendapatan tanaman padi iaitu sebanyak RM17,388.61 juta atau 97.5 peratus.

Paparan 71 : Pendapatan Padi, Sarawak, 2023



12.2.6.8 PERBELANJAAN

Sarawak mencatatkan jumlah perbelanjaan tanaman padi sebanyak RM30,536.96 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang 55.1 peratus atau RM16,814.00 juta daripada keseluruhan perbelanjaan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM13,722.97 juta (44.9%). Bagi pegangan pertanian individu, Sri Aman merekodkan nilai perbelanjaan tanaman padi tertinggi dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,533.95 juta (9.1%). Ini dikuti dengan Tebedu (RM1,438.79, 8.6%), Serian (RM1,423.94, 8.5%), Lubok Antu (RM1,128.61, 6.7%) dan Lingga (RM1,124.45, 6.7%) Manakala bagi nilai perbelanjaan pegangan pertanian pertubuhan disumbangkan oleh Sibu mewakili 97.7% (RM13,722.97) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan di Sarawak.

Paparan 72 : Perbelanjaan Padi, Sarawak, 2023



12.2.6.9 GUNA TENAGA

Pada 2023, guna tenaga bagi tanaman padi di Sarawak merekodkan 21,666 orang dengan pegangan pertanian individu berjumlah 21,654 orang (99.9%) dan pegangan pertanian pertubuhan mempunyai 12 orang (0.1%).

Bagi pegangan pertanian individu, Tebedu merekodkan jumlah guna tenaga tertinggi dengan 2,578 orang (11.9%), diikuti Serian, 2,050 orang (9.5%), Bau 1,729 orang (8.0%), Sri Aman 1,693 orang (7.8%) dan Lubok Antu 1,456 orang (6.7%).

Guna tenaga bagi pegangan pertanian pertubuhan terdapat di Lingga, Sibu, Sri Aman dan Miri. Lingga merekodkan jumlah guna tenaga tertinggi dengan lapan orang (66.7%), diikuti Sibu, dua orang (16.7%). Manakala, Miri dan Sri Aman masing-masing seorang (8.3%).


12.2.6.10 GAJI & UPAH

Jumlah gaji dan upah tahunan bagi tanaman padi di Sarawak berjumlah RM157.90 juta. Pegangan pertanian individu mencatatkan gaji dan upah tahunan RM28.72 juta berbanding pegangan pertanian pertubuhan RM129.19 juta.

Bagi pegangan pertanian individu, hanya dua daerah yang menggaji pekerja iaitu Siburan dengan gaji & upah tahunan RM15.01 juta dan Pusa RM13.70 juta.

Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Lingga satu-satunya daerah yang menggaji pekerja iaitu dengan gaji & upah tahunan RM129.19 juta.

Paparan 73 : Guna Tenaga, Gaji dan Upah Tahunan, Sarawak, 2023



12.2.7 STATISTIK UTAMA SAYUR-SAYURAN

12.2.7.1 PENGENALAN


Parameter tanaman sayur-sayuran adalah seperti jumlah pegangan pertanian, keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti dan nilai jualan, pendapatan dan perbelanjaan serta guna tenaga dan gaji dan upah. Ini mampu memberikan gambaran komprehensif bagi perancangan strategik, peningkatan produktiviti, serta penggubalan dasar yang komprehensif.

Paparan 74 : Parameter Utama Sayur-sayuran, Sarawak, 2023

Pegangan Pertanian	Keluasan Bertanam ('000 ha)	Keluasan Bertuai ('000 ha)	Kuantiti Pengeluaran ('000 mt)	Kuantiti Jualan ('000 mt)	Nilai Jualan (RM juta)	Pendapatan (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Guna tenaga (orang)	Gaji & Upah (RM juta)
6,968	7.6	7.0	81.3	77.7	534.14	558.87	175.15	28,309	34.95

12.2.7.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Paparan 75 : Profil Pegangan Pertanian Sayur-sayuran, Sarawak, 2023



Tanaman sayur-sayuran di Sarawak telah merekodkan penglibatan 6,968 pegangan pertanian pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu mencatatkan 6,847 orang (98.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah 121 pertubuhan (1.7%).

Bilangan pegangan pertanian tertinggi dicatatkan di Sibu dengan 942 pegangan pertanian (13.5%), diikuti Kapit, 573 pegangan pertanian (8.2%), Kuching, 483 pegangan pertanian (6.9%), Kanowit, 383 pegangan pertanian (5.5%) dan Limbang, 344 pegangan pertanian (4.9%).


Sibu mencatatkan bilangan pegangan pertanian individu tertinggi dengan 922 orang (13.5%), diikuti Kapit, 573 orang (8.4%), Kuching, 462 orang (6.7%),



Kanowit, 382 orang (5.6%) dan Limbang, 342 orang (5.0%). Lima daerah Pentadbiran ini menyumbang 39.2 peratus bilangan pegangan pertanian individu.


Pegangan pertanian pertubuhan diterajui oleh Kuching dengan 21 (17.4%), diikuti Sibu, 20 (16.5%) manakala Miri, Sarikei dan Serian masing-masing mencatatkan 14 pegangan pertanian (11.6%). Secara kolektif, lima daerah ini menyumbang 68.6 peratus bilangan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 76 : Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Bilangan Pegangan Pertanian Tanaman Sayur-sayuran, Sarawakt, 2023



12.2.7.3 KELUASAN BERTANAM

Paparan 77 : Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian Sayur-sayuran, Sarawak, 2023





Jumlah keluasan bertanam bagi tanaman sayur-sayuran adalah 7,598.5 hektar. Keluasan bertanam bagi pegangan pertanian individu mendahului dengan 6,003.2 hektar (79.0%), berbanding pegangan pertanian pertubuhan yang mencatatkan 1,595.3 hektar (21.0%).


Sibu mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar dengan 1,362.5 hektar (17.9%), diikuti Kuching, 853.5 hektar (11.2%), Serian, 567.9 hektar (7.5%), Siburan, 459.6 hektar (6.0%) dan Miri, 451.1 hektar (5.9%).

Pegangan pertanian individu Kuching merekodkan keluasan bertanam terbesar dengan 603.1 hektar (10.0%), diikuti Sibu, 589.8 hektar (9.8%), Serian, 527.4 hektar (8.8%). Siburan, 395 hektar (6.6%) dan Kapit, 308.7 hektar (5.1%).

Sibu merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 772.7 hektar (48.4%), diikuti Kuching, 250.4 hektar (15.7%), Miri, 175.6 hektar (11.0%), Samarahan, 129.3 hektar (8.1%) dan Sarikei, 75.1 hektar (4.7%).

12.2.7.4 KELUASAN BERTUAI

Paparan 78 : Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian Sayur-sayuran, Sarawak, 2023




Jumlah keluasan bertuai bagi tanaman sayur-sayuran adalah 7,047.3 hektar. Keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah 5,518.3 hektar (78.3%), berbanding pegangan pertanian pertubuhan, 1,529.0 hektar (21.7%).

Sibu mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar dengan 1,251.2 hektar (17.8%), diikuti Kuching, 777.9 hektar (11.0%), Serian, 553.3 hektar (7.9%), Siburan, 436.2 hektar (6.2%) dan Miri, 435.0 hektar (6.2%). Kuching merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian individu dengan 536.9 hektar (9.7%), diikuti Sibu, 526.3 hektar (9.5%), Serian, 514.2 hektar (9.3%), Siburan, 371.5 hektar (6.7%) dan Miri, 262.4 hektar (4.8%).

Sibu merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 724.9 hektar (47.4%), diikuti Kuching, 241.0 hektar (15.8%), Miri, 172.6 hektar (11.3%), Samarahan, 128.6 hektar (8.4%) dan Sarikei, 73.8 hektar (4.8%).

12.2.7.5 KUANTITI PENGELUARAN

Paparan 79: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian Sayur-Sayuran, Sarawak, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi tanaman sayur-sayuran mencatatkan 81,286.8 tan metrik dengan pegangan pertanian individu menghasilkan 61,189.4 tan metrik (75.3%) dan pegangan pertanian pertubuhan mengeluarkan 20,097.4 tan metrik (24.7%).

Sibu merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 13,147.0 tan metrik (16.2%), diikuti Kuching, 11,017.6 tan metrik (13.6%), Serian, 7,217.8 tan metrik (8.9%), Miri, 5,112.8 tan metrik (6.3%) dan Siburan, 4,415.0 tan metrik (5.4%). Kuching mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan 6,997.6 tan metrik (11.4%), diikuti Serian, 6,407.8 tan metrik (10.5%), Sibu, 5,228.6 tan metrik (8.6%), Lundu, 4,132.8 tan metrik (6.8%) dan Siburan, 3,600.0 tan metrik (5.9%).


Pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dicatatkan di Sibu dengan 7,918.3 tan metrik (39.4%), diikuti Kuching, 4,019.9 tan metrik (20.0%), Miri, 2,162.7 tan metrik (10.8%), Samarahan, 2,072.0 tan metrik (10.3%) dan Sarikei, 1,140.4 tan metrik (5.7%).

12.2.7.6 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan bagi tanaman sayur-sayuran mencatatkan 77,697.8 tan metrik dengan pegangan pertanian individu menghasilkan 58,107.6 tan metrik (74.8%) dan pegangan pertanian pertubuhan menghasilkan 19,590.2 tan metrik (25.2%). Nilai jualan bagi penanaman sayur-sayuran merekodkan RM534.14 juta. Pegangan pertanian individu mencatatkan nilai jualan RM390.40 juta (73.1%), berbanding pegangan pertanian pertubuhan, RM143.74 juta (26.9%).



Paparan 80 : Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi Kuantiti dan Nilai Jualan Sayur-Sayuran, Sarawak, 2023



Sibu merekodkan jumlah kuantiti jualan tertinggi dengan 12,789.9 tan metrik (16.5%), diikuti Kuching, 10,653.7 tan metrik (13.7%), Serian, 7,036.0 tan metrik (9.1%), Miri, 4,961.4 tan metrik (6.4%) dan Siburan, 4,319.7 tan metrik (5.6%). Kuching mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan 6,701.4 tan metrik (11.5%), diikuti Serian, 6,258.1 tan metrik (10.8%), Sibu, 4,960.3 tan metrik (8.5%), Lundu, 3,881.8 tan metrik (6.7%) dan Siburan, 3,506.7 tan metrik (6.0%).

Sibu mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 7,829.6 tan metrik (40.0%), diikuti Kuching, 3,952.3 tan metrik (20.2%), Miri, 2,073.1 tan metrik (10.6%), Samarahan, 2,070.0 (10.6%) dan Sarikei, 1,012.3 tan metrik (5.2%). Sibu merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM100.76 juta (18.9%), diikuti Kuching, RM75.31 juta (14.1%), Serian, RM49.45 juta (9.3%), Miri, RM32.85 juta (6.2%) dan Lundu, RM29.44 juta (5.5%).

Pegangan pertanian individu dengan nilai jualan tertinggi diterajui oleh Kuching dengan RM44.70 juta (11.5%), diikuti Serian, RM44.55 juta (11.4%), Sibu, RM33.84 juta (8.7%), Lundu, RM27.93 juta (7.2%) dan Siburan, RM21.33 juta (5.5%). Sibu mencatatkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan RM66.92 juta (46.6%), diikuti Kuching, RM30.61 juta (21.3%), Miri, RM13.90 juta (9.7%), Samarahan, RM7.60 juta (5.3%) dan Sarikei, RM6.56 juta (4.6%).

12.2.7.7 PENDAPATAN

Paparan 81 : Pendapatan mengikut Pegangan Pertanian Sayur-Sayuran, Sarawak, 2023



Jumlah pendapatan bagi penanaman sayur-sayuran merekodkan RM558.87 juta. Pegangan pertanian individu mencatatkan pendapatan RM398.32 juta (71.3%), berbanding pegangan pertanian pertubuhan, RM160.55 juta (28.7%).

Sibu merekodkan jumlah pendapatan tertinggi dengan RM107.99 juta (19.3%), diikuti Kuching, RM78.80 juta (14.1%), Serian, RM50.26 juta (9.0%), Miri, RM35.15 juta (6.3%) dan Lundu, RM29.65 juta (5.3%). Pegangan pertanian individu dengan jumlah pendapatan tertinggi diterajui oleh Kuching dengan RM44.82 juta (11.3%), diikuti Serian, RM44.77 juta (11.2%), Sibu, RM34.22 juta (8.6%), Lundu RM27.97 juta (7.0%) dan Siburan, RM21.55 juta (5.4%).

Sibu mencatatkan jumlah pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan RM73.77 juta (46.0%), diikuti Kuching, RM33.98 juta (21.2%), Miri, RM16.06 juta (10.0%), Samarahan, RM8.77 juta (5.5%) dan Sarikei, RM7.57 juta (4.7%).

12.2.7.8 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan bagi penanaman sayur-sayuran merekodkan RM175.15 juta. Pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM116.37 juta (66.4%), berbanding pegangan pertanian pertubuhan, RM58.78 juta (33.6%).

Sibu merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi dengan RM37.90 juta (21.6%), diikuti Kuching, RM24.95 juta (14.3%), Serian, RM14.99 juta (8.6%), Miri, RM11.24 juta (6.4%) dan Siburan, RM8.13 juta (4.6%).



Paparan 82 : Perbelanjaan mengikut Pegangan Pertanian Sayur-Sayuran, Sarawak, 2023



Pegangan pertanian individu dengan jumlah perbelanjaan tertinggi diterajui oleh Serian dengan RM13.08 juta (11.2%), diikuti Kuching, RM12.59 juta (10.8%), Sibu, RM10.52 juta (9.0%), Lundu, RM7.20 juta (6.2%) dan Siburan, RM6.20 juta (5.3%). Sibu mencatatkan jumlah perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan RM27.38 juta (46.6%), diikuti Kuching, RM12.36 juta (21.0%), Miri, RM5.84 juta (9.9%), Samarahan, 3.18 juta (5.4%) dan Sarikei, RM2.75 juta (4.7%).

12.2.7.9 GUNA TENAGA

Guna tenaga bagi tanaman sayur-sayuran mencatatkan 28,309 orang dengan pegangan pertanian individu mempunyai 25,934 orang (91.6%) dan pegangan pertanian pertubuhan mempunyai 2,375 orang (8.4%).

Sibu merekodkan jumlah guna tenaga tertinggi dengan 3,380 orang (11.9%), diikuti Kapit, 2,471 orang (8.7%), Kanowit, 2,016 orang (7.1%), Kuching, 2,015 orang (7.5%) dan Mukah, 1,574 orang (5.6%). Sibu mencatatkan guna tenaga tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan 3,043 orang (11.7%), diikuti Kapit, 2,469 orang (9.5%), Kanowit, 2,005 orang (7.7%), Kuching, 1,504 orang (5.8%) dan Selangau, 1,387 orang (5.3%).

Guna tenaga tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dicatatkan di Kuching dengan 511 orang (21.5%), diikuti Sibu, 337 orang (14.2%), Sarikei, 263 orang (11.1%), Samarahan, 248 orang (10.4%) dan Serian, 225 orang (9.5%).



Paparan 83 : Guna Tenaga mengikut Pegangan Pertanian Sayur-Sayuran, Sarawak, 2023




12.2.7.10 GAJI & UPAH

Jumlah gaji dan upah tahunan bagi penanaman sayur-sayuran sebanyak RM34.95 juta. Pegangan pertanian individu mencatatkan gaji dan upah RM4.82 juta (13.8%), berbanding pegangan pertanian pertubuhan, RM30.13 juta (86.2%). Kuching merekodkan jumlah gaji dan upah tertinggi dengan RM7.76 juta (22.2%), diikuti Sibu, RM5.10 juta (14.6%), Sarikei, RM4.64 juta (13.3%), Serian, RM3.53 juta (10.1%) dan Samarahan, RM3.14 juta (9.0%).

Pegangan pertanian individu dengan jumlah gaji dan upah tertinggi diterajui oleh Serian dengan RM0.91 juta (18.8%), diikuti Julau, RM0.65 juta (13.5%), Kuching, RM0.43 juta (8.8%), Siburan, RM0.31 juta (6.4%) dan Miri, RM0.30 juta (6.2%). Kuching mencatatkan jumlah gaji dan upah tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan RM7.33 juta (24.3%), diikuti Sibu, RM4.91 juta (16.3%), Sarikei, RM4.49 juta (14.9%),Samarahan, 3.08 juta (10.2%) dan Serian, RM2.62 juta (8.7%).

Paparan 84 : Gaji & Upah mengikut Pegangan Pertanian Sayur-Sayuran, Sarawak, 2023






12.2.8 STATISTIK UTAMA BUAH-BUAHAN

12.2.8.1 PENGENALAN

Sarawak memiliki iklim tropika yang ideal untuk pertanian buah-buahan seperti durian, pisang dan rambutan serta buah-buahan tempatan yang unik seperti buah pulur, sibau dan engkabang. Pada tahun 2023, aktiviti penanaman buah-buahan mencatatkan seramai 9,570 bilangan pegangan pertanian dengan keluasan bertanam yang direkodkan adalah seluas 27,389.1 hektar dan keluasan bertuai seluas 13,577.4 hektar. Kuantiti pengeluaran dan nilai jualan bagi buah-buahan adalah masing-masing 87,071.8 tan metrik dan RM295.21 juta. Secara keseluruhannya, jumlah pendapatan tahunan bagi aktiviti penanaman buah-buahan di Sarawak adalah RM505.66 juta, manakala jumlah perbelanjaan tahunan direkodkan pada RM208.01 juta.

Paparan 85 : Statistik Utama Buah-buahan, Sarawak, 2023





12.2.8.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa pegangan pertanian pada tahun 2023 adalah 9,570 pegangan pertanian yang merangkumi 9,484 pegangan pertanian individu (99.1%) dan 86 pegangan pertanian pertubuhan (0.9%). Lima daerah pentadbiran dengan pegangan pertanian tertinggi adalah daerah Limbang (1,071), Lawas (927), Kanowit (904), Sibu (645) dan Kuching (636).

Paparan 86 : Pegangan Pertanian Buah-buahan , Sarawak, 2023



12.2.8.3 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam di Sarawak pada tahun 2023 adalah seluas 27,389.1 hektar. Daripada jumlah tersebut, 26,464.9 juta hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 924.2 juta hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Paparan 87 memaparkan keluasan bertanam bagi lima daerah pentadbiran tertinggi. Keluasan bertanam terbesar adalah di daerah Kanowit yang menyumbang 10.5 peratus kepada keluasan bertanam buah-buahan Sarawak. Ini diikuti oleh Limbang 9.9 peratus, Lawas 8.4 peratus, Kuching 7.7 peratus dan Song sebanyak 5.1 peratus.

Paparan 87 : Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian Buah-buahan, Sarawak, 2023





12.2.8.4 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai di Sarawak merekodkan 13,577.4 hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 12,739.1 hektar (93.8%) manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan adalah 838.3 hektar (6.2%). Keluasan bertuai bagi lima daerah pentadbiran tertinggi adalah daerah Kanowit, yang menyumbang 1,497.4 hektar (11.1 %) kepada keluasan bertanam buah-buahan Sarawak. Ini diikuti oleh Limbang 1,274.1 hektar (9.4%), Lawas 1,066.9 hektar (7.9%), Kuching 1,020.9 hektar (7.0%) dan Subis 670.6 hektar (5.0%).


Paparan 88 : Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian Buah-buahan, Sarawak, 2023



12.2.8.5 KUANTITI PENGELUARAN

Pada tahun 2023, Jumlah kuantiti pengeluaran di Sarawak adalah 87,071.8 tan metrik. Daripada jumlah ini,80,096.6 tan metrik (92.0%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 6,975.2 tan metrik (8.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Kuching, Limbang, Lawas, Asajaya dan Kanowit merupakan daerah utama pengeluaran buah-buahan pada tahun 2023 dan telah menyumbang sebanyak 41.0 peratus kepada jumlah pengeluaran buah-buahan di Sarawak. Kuantiti pengeluaran tertinggi adalah daerah Kuching(9.8%) diikuti oleh daerah Limbang (9.1%), Lawas (8.4%), Kanowit (7.1%) dan Asajaya (6.7%).

Paparan 89 : Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian Buah-buahan Sarawak, 2023






12.2.8.6 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah kuantiti jualan buah-buahan pada tahun 2023 adalah 66,929.0 tan metrik.Daripada jumlah ini, 60,700.9 tan metrik (90.7%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 6,628 tan metrik (9.3%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti jualan tertinggi adalah daerah Limbang 6,052.7 tan metrik (9.0%) diikuti oleh daerah Kuching 5,730.6 tan metrik (8.6%), Lawas 5,316.0 tan metrik (7.9%), Kanowit 4,537.7 tan metrik (6.8%) dan Asajaya 2,665.3 tan metrik (5.1%). Manakala, bagi jumlah nilai jualan pada tahun 2023 adalah RM295.21 juta. Daripada jumlah ini, RM275.2 juta (93.2%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM20.0 juta (6.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Lima daerah teratas bagi nilai jualan buah-buahan pada tahun 2023 adalah daerah Limbang yang mencatatkan nilai yang tertinggi sebanyak RM30.07 juta (10.2%). Seterusnya, daerah dengan nilai jualan kedua tertinggi adalah Kuching sebanyak RM27.62 juta (9.4%), diikuti oleh Lawas RM27.48 juta (9.3%), Kanowit RM27.34 juta (9.3%), dan Song RM19.45 juta (6.6%).

Paparan 90 : Kuantiti dan Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian Buah-buahan, Sarawak, 2023






12.2.8.7 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan buah-buahan di Sarawak pada tahun 2023 adalah RM505.66 juta. Daripada jumlah ini, RM469.94 juta (92.9%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM35.71 juta (7.1%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Kanowit, Kuching, Lawas, Limbang dan Song merupakan daerah utama menyumbangkan pendapatan buah-buahan pada tahun 2023 dan telah menyumbang sebanyak 46.7 peratus kepada jumlah pendapatan buah-buahan di Sarawak. Jumlah pendapatan tertinggi adalah daerah Kanowit (15%) diikuti oleh daerah Kuching (9.6%), Lawas (9.5%), Limbang (6.7%) dan Song (5.9%).


Paparan 91 : Pendapatan Buah-buahan, mengikut Pegangan Pertanian Sarawak, 2023



12.2.8.8 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan tahunan bagi aktiviti penanaman buah-buahan di Sarawak pada tahun 2023 adalah RM208.01 juta . Daripada jumlah tersebut, RM196.64 juta (94.5%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM11.37 juta (5.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Kanowit, Kuching, Lawas, Limbang dan Song merupakan daerah utama menyumbangkan perbelanjaan buah-buahan pada tahun 2023 dan telah menyumbang sebanyak 48 peratus kepada jumlah perbelanjaan buah-buahan di Sarawak. Jumlah perbelanjaan tertinggi adalah daerah Kanowit (16.6%) diikuti oleh daerah Kuching (9.9%), Lawas (9.7%), Limbang (6.2%) dan Song (5.6%)

Paparan 92 : Perbelanjaan mengikut Pegangan Pertanian Buah-buahan, Sarawak, 2023






12.2.8.9 GUNA TENAGA

Pada tahun 2023, jumlah guna tenaga bagi aktiviti penanaman buah-buahan di Sarawak sebanyak 22,487 orang. Daripada jumlah tersebut, jumlah guna tenaga bagi pegangan individu adalah 21,971 orang (97.7%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 516 orang (2.3%). Guna tenaga tertinggi adalah direkodkan di daerah pentadbiran Kanowit, 3,151 orang (14.0%) diikuti oleh daerah Limbang 2,597 orang (11.5%), Lawas 2,590 orang (11.5%), Sibu 1,274 orang (5.7%) dan Kuching 1,271 orang (5.7%).

Paparan 93 : Guna Tenaga Buah-Buahan mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak,2023



12.2.8.10 GAJI & UPAH

Jumlah keseluruhan gaji dan upah bagi aktiviti penanaman buah-buahan di Sarawak adalah RM17.29 juta. Daripada jumlah tersebut, gaji & upah bagi pegangan pertanian individu adalah sebanyak RM13.03 juta (75.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan RM4.26 juta (24.6%). Gaji dan upah tertinggi adalah di daerah Maradong, RM1.51 juta (8.7%) diikuti oleh daerah Lawas RM1.48 juta (8.5%), Belaga RM1.33 juta (7.7%), Sarikei RM1.16 juta (6.7%) dan Kuching RM1.02 juta (5.9%).

Paparan 94 : Gaji dan Upah Buah-Buahan Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak,2023





Jumlah purata gaji tahunan adalah RM667,644, manakala jumlah purata gaji bulanan adalah RM55,637. Daripada jumlah tersebut, purata gaji tahunan bagi individu adalah RM640,333 lebih tinggi berbanding pertubuhan yang mencatatkan purata RM239,619. Manakala, purata gaji bulanan bagi individu adalah RM53,361 dan purata gaji bulanan bagi pertubuhan adalah RM19,968.

Paparan 95 : Gaji & Upah Tahunan dan Bulanan bagi Buah-buahan, Sarawak, 2023




12.2.9 STATISTIK UTAMA TANAMAN LAIN

12.2.9.1 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama tanaman lain hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan muktamad ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman lain untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman lain merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan, pendapatan, pembelanjanan, guna tenaga dan gaji upah mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi parameter ini adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti penanaman tanaman lain dijalankan.


Paparan 96 : Parameter Utama Tanaman Lain, Sarawak, 2023



12.2.9.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, sejumlah 5,898 pegangan pertanian tanaman lain telah direkodkan di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 5,847 (99.1%) adalah pegangan pertanian individu, manakala 51 (0.9%) adalah pegangan pertanian pertubuhan. Dapatan ini menunjukkan bahawa aktiviti tanaman lain di Sarawak didominasi oleh pengusaha individu. Daerah Kuching mencatatkan bilangan pegangan pertanian individu tertinggi iaitu 545 pegangan (9.3%), diikuti oleh Sibu 418 pegangan (7.1%), Mukah 414 pegangan (7.0%), Dalat 413 pegangan (7.0%), dan Asajaya 357 pegangan (6.1%). Bilangan pegangan pertanian pertubuhan tertinggi juga dicatatkan di Kuching dengan 13 pertubuhan (25.5%), diikuti Sibu 11 pertubuhan (21.6%), Bintulu 6 pertubuhan (11.8%), Miri 5 pertubuhan (9.8%), serta Sarikei dan Samarahan masing-masing 3 pertubuhan (5.9%).

Paparan 97 : Pegangan Pertanian Tanaman Lain, Sarawak, 2023



12.2.9.3 KELUASAN BERTANAM

Pada tahun 2023, keluasan bertanam bagi aktiviti tanaman lain di Sarawak adalah 8,827.8 hektar. Daripada jumlah tersebut, 7,411.6 hektar (84.0%) merupakan keluasan yang diusahakan oleh pegangan individu, manakala 1,416.2 hektar (16.0%) melibatkan pegangan pertubuhan. Matu mencatatkan keluaran bertanam terbesar iaitu 2,838.6 hektar (32.2%) diikuti oleh Mukah 1,133.7 hektar (12.8), Dalat 960.2 hektar (10.9%), Miri 570.4 hektar (6.5%), dan Asajaya 391.8 hektar (4.4%).


Paparan 98 : Keluasan Bertanam Tanaman Lain, Sarawak, 2023



12.2.9.4 KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai bagi tanaman lain di Sarawak menunjukkan jumlah keseluruhan sebanyak 8,673.7 hektar. Daripada jumlah ini, 7,377.1 hektar (85.1%) adalah keluasan yang dituai oleh pegangan individu, manakala 1,296.5 hektar (14.9%) melibatkan pegangan pertubuhan. Matu mencatatkan keluasan bertuai terbesar iaitu 2,838.6 hektar (32.7%). Ini diikuti oleh Mukah 1,132.9 hektar (13.1%), Dalat 954.3 hektar (11.0%), Miri 561.6 hektar (6.5%) dan Asajaya 391.7 hektar (4.5%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah ini menyumbang sebanyak 4,925.8 hektar (56.8%) kepada jumlah keluasan bertuai bagi tanaman lain di Sarawak.

Paparan 99 : Keluasan Bertuai Tanaman Lain, Sarawak, 2023




12.2.9.5 KUANTITI PENGELUARAN

Pada tahun 2023, tanaman lain mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 34,847.9 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, 26,950.0 tan metrik (77.3%) dihasilkan oleh pegangan individu, manakala 7,898.0 tan metrik (22.7%) merupakan kuantiti pengeluaran daripada pegangan pertubuhan.

Dalat merupakan pengeluar tanaman lain tertinggi dengan jumlah pengeluaran sebanyak 5,407.5 tan metrik (15.5%) dan majoritinya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Matu menjadi daerah kedua tertinggi untuk kuantiti pengeluaran tanaman lain dengan jumlah 4,536.8 tan metrik (13.0%) yang disumbang sepenuhnya oleh pegangan pertanian individu. Seterusnya, Miri mencatatkan kuantiti pengeluaran 3,960.3 tan metrik (11.4%) dengan 96.9 peratus sumbangan daripada pegangan pertanian pertubuhan dan hanya 3.1 peratus sumbangan pegangan pertanian individu. Ini diikuti oleh Kuching dengan jumlah kuantiti pengeluaran 2,906.1 tan metrik (8.3%) dan Samarahan 2,315.6 tan metrik (6.6%).

Paparan 100 : Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi mengikut Kuantiti Pengeluaran Tanaman Lain, Sarawak, 2023



12.2.9.6 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Pada tahun 2023, kuantiti jualan subsektor tanaman lain di Sarawak mencatatkan 34,769.4 tan metrik dengan nilai jualan mencecah RM87.8 juta. Pegangan pertanian individu menyumbang secara signifikan iaitu sebanyak 26,879.9 tan metrik (77.3%) kuantiti jualan dengan nilai jualan RM56.5 juta (64.4%). Sementara itu, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan 7,889.5 tan metrik (22.7%) dengan nilai jualan berjumlah RM31.2 juta (35.6%).



Dalat mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 5,407.5 tan metrik (15.6%) diikuti Matu 4,536.5 tan metrik (13.0%), Miri 3,960.3 tan metrik (11.4%), Kuching 2,903.6 tan metrik (8.4%), dan Samarahan 2,314.8 tan metrik (6.7%). Bagi nilai jualan, Kuching merekodkan nilai jualan tertinggi RM17.9 juta (20.4%) diikuti Mukah RM10.5 juta (12.0%), Miri RM10.4 juta (11.9%), Matu RM7.5 juta(8.5%), dan Sibu RM3.8 juta (4.3%).

Paparan 101 : Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Tanaman Lain, Sarawak



12.2.9.7 PENDAPATAN

Pendapatan keseluruhan subsektor tanaman lain mencatatkan RM136.95 juta, dengan RM73.98 juta (54.0%) disumbang oleh pegangan pertanian pertubuhan manakala RM62.97 juta (46.0%) oleh pegangan pertanian individu. Sibu menjadi daerah yang merekodkan pendapatan tanaman lain tertinggi di Sarawak iaitu RM29.06 juta (21.2%). Ini diikuti oleh Mukah RM22.70 juta (16.6%), Kuching RM18.65 juta (13.6%), Miri RM12.95 juta (9.5%), Matu RM7.57 juta (5.5%), dan Subis RM4.28 juta (3.1%).

Paparan 102 : Jumlah Pendapatan Tanaman Lain, Sarawak



12.2.9.8 PERBELANJAAN

Pada tahun 2023, jumlah perbelanjaan bagi tanaman lain di Sarawak direkodkan sebanyak RM60.24 juta diwakili oleh pegangan pertanian pertubuhan RM38.97 juta (64.7%), dan pegangan pertanian indidvidu RM21.28 juta (35.3%). Di samping menjadi dua daerah dengan pendapatan tertinggi, Sibu dan Mukah dan turut mencatatkan perbelanjaan tanaman lain tertinggi masing-masiing RM16.06 juta (26.7%), RM12.31 juta (20.4%). Ini diikuti oleh Miri RM7.04 juta (11.7%), Kuching RM4.83 juta (8.0%) dan Asajaya RM1.66 juta (2.8%).


Paparan 103 : Jumlah Perbelanjaan Tanaman Lain, Sarawak



12.2.9.9 GUNA TENAGA

Jumlah keseluruhan guna tenaga bagi tanaman lain Sarawak adalah sebanyak 10,511 orang. Daripada jumlah tersebut, 7,010 orang (66.7%) merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, manakala 1,550 orang (14.7%) terdiri daripada pekerja bergaji. Selebihnya, seramai 1,951 orang (18.6%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji. Kuching merekodkan guna tenaga tertinggi sebanyak 1,119 orang (10.65%) diikuti Dalat 1,102 orang (10.48%), Mukah 921 orang (8.76%), Sibu 707 orang (6.73%), dan Matu 643 orang (6.12%).


Paparan 104 : Guna Tenaga Tanaman Lain, Sarawak, 2023



12.2.9.10 GAJI & UPAH

Secara keseluruhan, gaji dan upah bagi aktiviti tanaman lain di Sarawak berjumlah RM29.89 juta. Daripada jumlah tersebut, pertubuhan menyumbang RM16.97 juta (56.8%), manakala pegangan individu RM12.92 juta (43.2%). Miri mencatatkan jumlah keseluruhan gaji dan upah bagi aktiviti tanaman lain tertinggi di Sarawak iaitu RM8.10 juta (27.11%), diikuti Mukah RM6.59 juta (22.04%), Matu RM4.52 juta (15.13%), Kuching RM1.80 juta (6.03%), dan Subis RM1.40 juta (4.68%).

Paparan 105: Gaji & Upah Tahunan Tanaman Lain, Sarawak, 2023



12.3 PARAMETER SUBSEKTOR TERNAKAN, SARAWAK

12.3.1 PENGENALAN

Bahagian ini memaparkan parameter utama subsektor ternakan hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti subsektor ternakan untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti subsektor ternakan merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan, nilai jualan, pendapatan dan perbelanjaan serta gaji dan upah bagi subsektor ternakan di Sarawak.

12.3.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Sarawak terdiri daripada individu dan pertubuhan. Dapatan Banci Pertanian 2024, sejumlah 2,251 pegangan pertanian bagi subsektor ini yang mana 2,058 adalah pegangan individu dan 193 adalah pegangan pertubuhan. Pengusaha atau individu menyumbang 91.4 peratus kepada keseluruhan pegangan pertanian bagi penternakan manakala bakinya 8.6 peratus adalah pertubuhan yang menjalankan aktiviti ternakan. Lima daerah pentadbiran yang menjadi penyumbang utama pegangan ternakan adalah Lawas (542 pegangan), Limbang (407 pegangan) Sibu (148 pegangan), Selangau (77 pegangan) dan Mukah (76 pegangan). Kelima-lima daerah ini secara kumulatif menyumbang 55.5 peratus kepada pegangan ternakan Sarawak.

Pegangan pertanian ternakan tertinggi bagi kategori individu direkodkan oleh Daerah Lawas, iaitu seramai 538 orang diikuti oleh Limbang (406 orang) Sibu (147 orang), Selangau (77 orang) dan Mukah (74 orang). Sementara itu, Daerah Kuching merekodkan pegangan pertanian ternakan kategori pertubuhan tertinggi dengan 35 pertubuhan diikuti oleh Sibu (31 pertubuhan), Serian (26 pertubuhan), Miri (22 pertubuhan) dan Bintulu (19 pertubuhan).

Analisis demografi menunjukkan majoriti pegangan individu adalah terdiri daripada warganegara Malaysia, menghampiri 100.0 peratus. Manakala sebilangan kecil diusahakan oleh bukan warganegara. Dari segi jantina, lelaki mendominasi aktiviti ternakan iaitu 1,963 orang (95.4%) dan selebihnya 95 orang (4.6%) adalah perempuan.

Penternakan di Sarawak juga didominasi oleh kumpulan umur 60 tahun dan ke atas dengan penglibatan 1,011 orang atau 49.1 peratus. Baki 50.9 peratus adalah dari kumpulan umur 45-59 tahun (756 orang), kumpulan umur 31-45 tahun (267 orang) dan kumpulan umur 15-30 tahun (24 orang). Pegangan individu dalam kumpulan umur 60 tahun dan ke atas teratas direkodkan oleh Lawas dengan 317 orang, diikuti oleh Limbang (184 orang), Sibu (63 orang), Selangau (37 orang) dan Lundu (36 orang). Lima daerah ini menyumbang 63.0 peratus kepada pegangan individu dalam kumpulan umur ini. Struktur pegangan pertanian individu mengikut kumpulan etnik bagi subsektor ternakan pada tahun 2023 didominasi oleh kumpulan etnik Bumiputera dengan sumbangan 90.5 peratus.

Paparan 106 : Profil Pegangan Ternakan, Sarawak, 2023



Manakala etnik Cina dan etnik lain-lain yang terlibat dalam aktiviti ternakan ini masing-masing adalah 9.3 peratus dan 0.1 peratus sahaja. Selain itu, terdapat sebilangan kecil penternak adalah daripada kumpulan etnik India. Semua daerah memperlihatkan struktur penyertaan yang hampir sama bagi kumpulan etnik dengan Lawas penyumbang teratas penglibatan Bumiputera iaitu 28.4 peratus individu, diikuti oleh Limbang (21.1%) dan Sibu (5.3%). Daerah yang merekodkan penglibatan etnik Cina teratas mengusahakan ternakan adalah di Daerah Sibu dengan sumbangan 25.0 peratus. Bagi status perkahwinan, lebih separuh pegangan individu terdiri daripada individu yang berkahwin iaitu 1,498 orang (72.8%).

Seramai 442 orang (21.5%) yang berstatus balu atau duda, manakala 91 orang (4.4%) tidak pernah berkahwin. Selebihnya 27 orang (1.3%) adalah yang berstatus bercerai atau berpisah.

Profil pendidikan pegangan individu bagi aktiviti ternakan menunjukkan 42.5 peratus individu memperoleh sijil tertinggi SPM/SPM(V) atau yang setaraf. Manakala 29.6 peratus adalah dalam kategori kelulusan di bawah taraf SPM/SPM(V) dan 18.3 peratus tidak mempunyai sebarang sijil. Aktiviti ternakan ini juga menarik minat individu yang berkelulusan Ijazah dan ke atas iaitu seramai 197 orang atau 9.6 peratus.

12.3.3 KUANTITI PENGELUARAN

Analisis dapatan Banci Pertanian 2024 bagi subsektor ternakan juga terdiri daripada kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan, nilai jualan, pendapatan dan perbelanjaan. Kuantiti pengeluaran terdiri daripada haiwan ternakan hidup dan penghasilan dari aktiviti ternakan seperti pengeluaran telur dan susu.

Secara keseluruhan, jumlah kuantiti pengeluaran ternakan hidup pada tahun 2023 adalah sebanyak 105.3 juta ekor. Daerah yang merekodkan kuantiti pengeluaran teratas adalah Kuching (71.3 juta), Sibu (18.8 juta) dan Miri (3.6 juta). Pegangan pertanian pertubuhan telah menyumbang sebanyak 98.8 peratus pengeluaran ternakan hidup di Sarawak.

Manakala untuk penghasilan dari aktiviti ternakan seperti pengeluaran telur adalah 791.1 juta biji dengan pegangan pertubuhan menyumbang 99.3 peratus berbanding 0.7 peratus oleh pegangan individu. Kuching, Sibu dan Bau merupakan daerah teratas menyumbang kepada pengeluaran hasilan ternakan telur, iaitu masing-masing 420.6 juta biji, 263.5 juta biji dan 77.7 juta biji.

Selain itu, sebanyak 656.9 ribu liter susu segar juga telah dikeluarkan pada tahun 2023 dengan pegangan pertubuhan pertanian di Daerah Serian merupakan penyumbang utama iaitu sebanyak 99.9 peratus.

12.3.4 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Nilai jualan bagi subsektor ternakan pada 2023 adalah RM1.05 bilion. Pegangan pertubuhan menyumbang RM1.01 billion (95.4%) dan selebihnya oleh pegangan individu RM48.43 juta (4.6%). Daripada nilai jualan tersebut, sebanyak 69.3 juta ekor ternakan hidup, 789.0 juta biji telur dan 638.8 ribu liter susu segar telah dijual. Kuching mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM351.98 juta dengan sumbangan 33.4 peratus kepada nilai jualan keseluruhan subsektor ini. Diikuti oleh Serian, RM341.10 juta (32.4%) dan Sibu, RM184.19 juta (17.5%).

Paparan 107 : Kuantiti Pengeluaran, Kuantiti Jualan, Nilai Jualan Aktiviti Ternakan, Sarawak, 2023



Kuantiti Pengeluaran

327.2 ribu kg
791.1 juta biji
105.3 juta ekor
656.9 ribu liter



Kuantiti Jualan

165.2 ribu kg
789.0 juta biji
69.3 juta ekor
638.8 ribu liter



Nilai Jualan

RM1.05 bilion

12.3.5 PENDAPATAN

Pendapatan daripada aktiviti ternakan pada 2023 berjumlah RM1.96 bilion dengan pegangan pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan RM1.91 bilion (97.3%) berbanding pegangan individu iaitu RM52.28 juta (2.7%).


Daerah Kuching mencatatkan jumlah pendapatan teratas, RM655.04 juta diikuti oleh Serian dan Sibu dengan masing-masing berjumlah RM381.92 juta dan RM380.36 juta. Tiga daerah ini menyumbang 72.4 peratus kepada pendapatan aktiviti ternakan pada 2023.

Tiga daerah yang mencatatkan pendapatan teratas bagi pegangan individu ialah Serian (RM9.80 juta), Bau (RM7.84 juta) dan Lawas (RM6.73 juta) dengan sumbangan 46.6 peratus kepada pendapatan keseluruhan pegangan individu. Manakala bagi pegangan pertubuhan, tiga daerah yang merekodkan pendapatan teratas subsektor ini ialah Daerah Kuching (RM652.82 juta), Sibu (RM377.79 juta) dan Serian (RM372.12 juta). Pegangan pertubuhan di tiga daerah ini menyumbang 73.6 peratus kepada jumlah pendapatan pegangan pertubuhan.

12.3.6 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan untuk aktiviti ternakan pada 2023 ialah RM1.47 bilion dengan pegangan pertubuhan menyumbang 98.5 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 1.5 peratus oleh pegangan individu. Perbelanjaan yang direkodkan dalam analisis ini tidak termasuk perbelanjaan bagi aset dan harta modal serta pembayaran gaji dan upah. Selari dengan prestasi pendapatan bagi aktiviti ternakan, Daerah yang merekodkan perbelanjaan teratas adalah Kuching, Sibu dan Serian dengan jumlah perbelanjaan RM1.10 bilion (75.2%) daripada jumlah perbelanjaan subsektor ini.

Paparan 108 : Pendapatan dan Perbelanjaan Aktiviti Ternakan, Sarawak, 2023




12.3.7 GUNA TENAGA

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam subsektor ternakan di Sarawak pada 2023 adalah seramai 6,863 orang. Daripada jumlah tersebut, 51.2 peratus terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu seramai 3,516 orang, manakala 2,630 orang (38.3%) merupakan pekerja bergaji. Selebihnya, 717 orang (10.4%) ialah pekerja keluarga tanpa gaji. Secara keseluruhan, subsektor ternakan mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM24,985.

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga kebanyakannya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif (2,841 orang), disokong oleh pekerja keluarga tanpa gaji (686 orang) dan pekerja bergaji (440 orang) dengan purata gaji & upah tahunan RM18,033. Bagi pegangan pertanian pertubuhan, komposisi guna tenaga lebih didominasi oleh pekerja bergaji (2190 orang), manakala pemilik & rakan niaga yang aktif (675 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (31 orang). Purata gaji dan upah pegangan pertubuhan adalah lebih tinggi, iaitu RM 26,381.

Bagi pegangan pertanian ternakan pada 2023, tiga daerah pentadbiran teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Kuching (1,213 orang), Lawas (886 orang) dan Bau (637 orang).

Paparan 109 : Guna Tenaga Aktiviti Ternakan, Sarawak, 2023



12.3.8 GAJI & UPAH

Dari segi purata gaji dan upah tahunan, daerah pentadbiran teratas ialah Serian (RM38,789), Sri Aman (RM32,412) serta beberapa daerah seperti Dalat, Belaga, Pusa, Tanjung Manis, dan Gedong yang telah mencatatkan purata gaji dan upah tahunan yang sama, iaitu RM30,900. Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu, daerah teratas ialah Sri Aman (RM32,412) serta beberapa daerah yang mencapai purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM30,900. Antaranya Lundu, Dalat, Belaga, Pusa, Kabong, Tanjung Manis, dan Gedong. Manakala purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, tiga daerah teratas ialah Selangau (RM 45,000), Serian (RM39,658) dan Kanowit (RM32,760).

Paparan 110 : Gaji & Upah Aktiviti Ternakan, Sarawak, 2023



12.4 PARAMETER UTAMA MENGIKUT AKTIVITI PERIKANAN


12.4.1 PENGENALAN

Subsektor perikanan terbahagi kepada perikanan tangkapan dan akuakultur, di mana perikanan tangkapan merujuk kepada aktiviti menangkap ikan dan hidupan akuatik lain secara langsung dari perairan semula jadi seperti laut, sungai dan tasik yang bergantung kepada keadaan alam dan musim. Akuakultur pula melibatkan aktiviti penternakan dan pembiakan hidupan akuatik secara terancang dalam persekitaran terkawal seperti kolam, sangkar atau sistem khas bagi memastikan pengeluaran hasil perikanan yang berterusan dan stabil.

12.4.2 PEGANGAN PERTANIAN

Berdasarkan penemuan Banci Pertanian 2024, jumlah pegangan pertanian perikanan adalah sebanyak 5,091 merangkumi 5,005 (98.3%) pegangan pertanian individu dan 86 (1.7%) pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 111 : Profil Pegangan Perikanan, Sarawak, 2023




12.4.3 KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Jumlah kuantiti pengeluaran direkodkan adalah 105.2 ribu tan metrik dan 11.0 juta ekor spesis. Sementara itu, jumlah kuantiti jualan mencatatkan 89.1 ribu tan metrik dan 10.8 juta ekor spesis.

Nilai jualan subsektor perikanan di Sarawak mencatatkan sebanyak RM738.92 juta. Daripada jumlah tersebut, nilai jualan bagi pegangan perikanan individu adalah sebanyak RM616.81 juta (83.5%), manakala pegangan pertubuhan pula mencatatkan nilai jualan sebanyak RM122.11 juta (16.5%). Jumlah pendapatan subsektor perikanan adalah RM757.12 juta. Daripada jumlah ini, RM625.21 juta (82.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM131.91 juta (17.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Sementara itu, jumlah perbelanjaan yang direkodkan subsektor perikanan adalah RM326.68 juta. Daripada jumlah ini, RM250.84 juta (76.8%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM75.84 juta (23.2%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 112 : Kuantiti Pengeluaran, Kuantiti Jualan, Nilai Jualan, Pendapatan dan Perbelanjaan Aktiviti Perikanan, Sarawak, 2023




12.4.4 GUNA TENAGA

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam subsektor perikanan di Sarawak adalah seramai 14,688 orang. Daripada jumlah tersebut 14,401 orang (98.0%) merupakan guna tenaga pegangan pertanian individu dan 287 orang (2.0%) guna tenaga pegangan pertubuhan.

12.4.5 GAJI & UPAH

Jumlah gaji dan upah yang direkodkan adalah sebanyak MMMMRM125.90 juta, merangkumi RM123.99 juta bagi gaji dan upah pegangan pertanian individu serta baki RM1.90 juta bagi gaji dan upah pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, purata gaji dan upah tahunan bagi subsektor perikanan adalah sebanyak RM16,040.

Paparan 113 : Guna Tenaga mengikut Pegangan Pertanian, Purata Gaji & Upah Tahunan Aktiviti Perikanan, Sarawak, 2023



12.4.6 PERIKANAN TANGKAPAN

12.4.6.1 PENGENALAN

Perikanan tangkapan merupakan salah satu komponen utama dalam subsektor perikanan di Sarawak yang menyumbang secara signifikan kepada bekalan sumber makanan serta sosioekonomi masyarakat setempat. Aktiviti ini melibatkan penangkapan sumber akuatik secara semula jadi sama ada di perairan laut mahupun perairan daratan seperti sungai dan tasik.


Di Sarawak, perikanan tangkapan laut dijalankan di sepanjang kawasan pesisir pantai termasuk Kuching, Mukah, Bintulu dan Miri. Aktiviti ini terbahagi kepada perikanan pantai yang lazimnya diusahakan oleh nelayan tradisional menggunakan bot bersaiz kecil serta peralatan ringkas, manakala untuk perikanan laut dalam menggunakan bot bersaiz besar dan teknologi moden bagi meningkatkan hasil tangkapan.

Selain perikanan laut, perikanan darat juga memainkan peranan penting memandangkan Sarawak mempunyai rangkaian sungai yang luas seperti Sungai Rajang, Sungai Baram dan Sungai Batang Lupar. Aktiviti perikanan darat kebanyakannya dijalankan oleh penduduk luar bandar menggunakan peralatan tradisional, sama ada untuk kegunaan sendiri mahupun sebagai sumber pendapatan sampingan.

12.4.6.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Berdasarkan penemuan Banci Pertanian 2024 subsektor perikanan tangkapan Sarawak merekodkan 4,481 pegangan pertanian yang merangkumi 4,465 (99.6%) pegangan pertanian individu dan 16 (0.4%) pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 114 : Pegangan Pertanian Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sarawak, 2023



12.4.6.3 KUANTITI PENGELUARAN

Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan jumlah pengeluaran 90,212.3 tan metrik. Daripada jumlah ini, 90,009.2 tan metrik (99.8%) merupakan kuantiti pengeluaran pegangan pertanian individu, manakala 203.2 tan metrik (0.2%) adalah kuantiti pengeluaran pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Daro mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi sebanyak 16,125.8 tan metrik diikuti oleh Kuching (7,428.6 tan metrik), Tatau 7,233.3 tan metrik, Subis 6,880.4 tan metrik dan Tanjung Manis 6,567.6 tan metrik.


Paparan 115 : Kuantiti Pengeluaran Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sarawak, 2023



12.4.6.4 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah kuantiti jualan subsektor perikanan tangkapan adalah 74,632.5 tan metrik. Pegangan pertanian individu merekodkan sebanyak 74,429.6 tan metrik (99.7%) manakala pegangan pertanian pertubuhan sebanyak 202.9 tan metrik (0.3%). Daerah Daro juga mencatatkan kuantiti jualan yang tertinggi dengan jumlah 13,862.1 tan metrik, diikuti oleh Tatau (6,817.8 tan metrik), Subis (6,811.8 tan metrik), Kuching (5,119.9 tan metrik) dan Pusa (5,040.1 tan metrik). Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan nilai jualan RM597.23 juta dengan Daro merekodkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM103.06 juta diikuti Subis (RM52.08 juta), Kuching (RM49.35 juta), Tatau (RM47.70 juta), dan Pusa (RM35.60 juta).

Paparan 116: Kuantiti dan Nilai Jualan Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sarawak, 2023



12.4.6.5 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan subsektor perikanan tangkapan pada tahun 2023 adalah RM605.55 juta. Daripada jumlah ini, RM602.80 juta (99.5%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala RM2.75 juta (0.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Daro merekodkan pendapatan tertinggi bagi subsektor perikanan tangkapan dengan RM103.39 juta, diikuti oleh Subis RM52.30 juta, Kuching RM50.04 juta, Tatau RM47.90 juta dan Pusa RM 36.12 juta.

Paparan 117 : Pendapatan Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sarawak, 2023



12.4.6.6 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan subsektor perikanan tangkapan adalah RM247.69 juta. Daripada jumlah ini, RM246.18 juta (99.4%) merupakan perbelanjaan pegangan pertanian individu, manakala RM1.51 juta (0.6%) perbelanjaan pegangan pertanian pertubuhan. Daro merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi subsektor perikanan tangkapan dengan RM41.71 juta, diikuti oleh Kuching RM20.70 juta, Subis RM19.02 juta, Tatau RM18.27 juta dan Pusa RM17.51 juta.

Paparan 118 : Perbelanjaan Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sarawak, 2023




12.4.6.7 GUNA TENAGA

Jumlah keseluruhan guna tenaga yang terlibat dalam subsektor perikanan tangkapan di Sarawak adalah seramai 12,166 orang yang merangkumi 12,090 orang (99.4%) guna tenaga pegangan individu dan 76 orang (0.6%) guna tenaga pegangan pertubuhan.

Daripada jumlah ini, sebanyak 36.8 peratus merupakan pemilik & rakan niaga yang aktif, iaitu bersamaan 4,476 orang, manakala 7,578 orang atau 62.3 peratus terdiri daripada pekerja bergaji. Selebihnya, seramai 112 (0.9%) orang adalah pekerja keluarga tanpa gaji. Lima (5) daerah teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Daro (2,163 orang), Kuching (1,598 orang), Subis (1,256 orang), Tatau (1,216 orang) dan Lawas (874 orang).

Paparan 119 : Guna Tenaga Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sarawak, 2023




12.4.6.8 GAJI & UPAH

Jumlah gaji dan upah direkodkan bagi subsektor perikanan tangkapan Sarawak pada tahun 2023 adalah sebanyak RM120.83 juta dan purata gaji dan upah tahunan adalah sebanyak RM15,945.

Pada peringkat daerah pentadbiran, purata gaji & upah tahunan tertinggi ialah Saratok (RM28,599), Gedong (RM26,463) dan Sebuyau (RM26,376), Samarahan (RM24,183) dan Lingga (RM24,146).

Paparan 120 : Gaji & Upah Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sarawak, 2023



12.4.7 AKUAKULTUR


12.4.7.1 PENGENALAN

Akuakultur merujuk kepada proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik (ikan, moluska, krustasia, tumbuhan, buaya, dan amfibia) menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi (contoh: stok biasa, pemberian makanan, dan perlindungan dari pemangsa). Ia terdiri daripada empat jenis iaitu akuakultur air payau, air tawar, ikan hiasan,baka & benih. Kuantiti pengeluaran dan jualan menggunakan unit ukuran tan metrik bagi kategori akuakultur air payau dan air tawar, manakala bagi kategori akuakultur baka & benih dan ikan hiasan unit ukuran yang digunakan ialah ekor. Ini selaras dengan amalan pelaporan standard Jabatan Perikanan Malaysia dan Food and Agriculture Organization (FAO). Subsektor akuakultur di Malaysia memainkan peranan penting dalam menyokong ekonomi negara, terutamanya dalam industri perikanan. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sektor pertanian pada tahun 2024 (Harga Semasa) adalah RM157.1 bilion yang menyumbang 8.1 peratus daripada keseluruhan KDNK negara dengan nilai RM1,932.3 billion. Pada tahun 2024, subsektor akuakultur menyumbang 3.5 peratus (RM5.5 bilion) daripada keseluruhan sektor pertanian pada tahun tersebut.

12.4.7.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Subsektor akuakultur di Sarawak telah merekodkan penglibatan 610 pegangan pertanian pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merupakan penyumbang terbesar dengan mencatatkan 540 orang (88.5%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah 70 pertubuhan (11.5%)

Paparan 121 : Pegangan Pertanian Aktiviti Akuakultur, Sarawak, 2023



Lima daerah pentadbiran yang mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi adalah daerah Lawas iaitu 55 pegangan pertanian (9.0%), diikuti Kanowit dengan 48 pegangan pertanian (7.9%), Sibu dengan 47 pegangan pertanian (7.7%) dan Kuching dengan 40 pegangan pertanian (6.6%) dan Bau, 36 pegangan pertanian (5.9%).


12.4.7.3 KELUASAN TERNAKAN

Keluasan bagi aktiviti akuakultur di Sarawak pada tahun 2023 telah merekodkan keluasan berjumlah 305.8 hektar dan iaitu hanya 1.3 peratus daripada jumlah keluasan aktiviti akuakultur di Malaysia (24,078.2 hektar). Daerah Kuching merekodkan jumlah keluasan tertinggi iaitu 132.9 hektar (43.5%), diikuti Sibu, 36.9 hektar (12.1%), Serian, 24.7 hektar (8.1%), Bau, 20.8 hektar (6.8%) dan Saratok, 17.1 hektar (4.7%). Jumlah keluasan ternakan mengikut pegangan pertanian dimonopoli pegangan pertubuhan iaitu 181.9 hektar (59.5%), manakala bagi individu adalah 123.8 hektar (40.5%).

12.4.7.4 KUANTITI PENGELUARAN

Sarawak merekodkan 14,959.3 tan metrik jumlah kuantiti pengeluaran akuakultur bagi tahun 2023 iaitu kira-kira 1.0 peratus daripada jumlah kuantiti pengeluaran di Malaysia (491,192.9 tan metrik). Daripada jumlah tersebut, 12,663.1 tan metrik (84.7%) adalah kuantiti pengeluaran daripada pegangan pertanian pertubuhan, manakala 15.3 peratus (2,296.2 tan metrik) adalah melalui pengeluaran oleh pegangan individu.

Paparan 122 : Kuantiti Pengeluaran Akuakultur, mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023




Daerah Kuching mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 10,151.6 tan metrik (67.9%) diikuti oleh daerah Bau, 1,085.6 tan metrik (7.3%), Dalat, 725.86 tan metrik (4.9%), Samarahan, 484.6 tan metrik (3.2%) dan Miri, 318.4 tan metrik (2.1%).

12.4.7.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN


Sarawak merekodkan kuantiti dan nilai jualan berjumlah 14,422.1 tan metrik (1.0%) bernilai RM141.69 juta (1.4%) daripada jumlah keseluruhan kuantiti dan nilai jualan di Malaysia iaitu 475,47.5 tan metrik dengan nilai jualan RM4.63 bilion. Daripada jumlah tersebut, 12,258.9 tan metrik (85.1%) adalah oleh pegangan pertanian pertubuhan manakala pegangan pertanian individu mencatatkan kuantiti jualan berjumlah 2,163.2 tan metrik (15.0%).

Paparan 123 : Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



Nilai jualan yang dicatatkan oleh pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak RM119,858,392 (84.6%), manakala pegangan pertanian individu merekodkan nilai jualan sebanyak RM21,828,409.6 (36.8%).

Paparan 124 : Nilai Jualan Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2033



12.4.7.6 PENDAPATAN

Pada tahun 2023, subsektor akuakultur di Sarawak telah merekodkan jumlah pendapatan berjumlah RM151.57 juta iaitu 3.2 peratus daripada jumlah pendapatan akuakultur Malaysia yang mencatatkan pendapatan berjumlah RM4.74 bilion. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 85.2 peratus (RM129.17 juta) manakala pegangan pertanian individu pula hanya menyumbang 14.8 peratus (RM22.41 juta) daripada keseluruhan jumlah pendapatan subsektor akuakultur di Sarawak.

Paparan 125 : Pendapatan Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



Hampir separuh daripada jumlah pendapatan tertinggi adalah disumbangkan oleh daerah Kuching iaitu RM73.79 juta (48.7%), diikuti oleh daerah Bau, RM13.16 juta (8.7%), Serian, RM11.59 juta (7.6%), Lundu, RM9.47 juta (6.2%) dan Sarikei, RM8.00 juta (5.3%).

12.4.7.7 PERBELANJAAN

Sarawak merekodkan jumlah perbelanjaan bagi subsektor akuakultur sebanyak RM78.99 juta iaitu 4.5 peratus daripada daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi Malaysia iaitu RM1.76 bilion. Pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan jumlah perbelanjaan tertinggi iaitu RM74.33 juta (94.1%) manakala jumlah perbelanjaan oleh pegangan pertanian individu hanyalah 5.9 peratus (RM4.66 juta).

Paparan 126 : Jumlah Perbelanjaan Mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



Daerah Kuching mencatatkan jumlah perbelanjaan tertinggi iaitu RM48.80 juta (61.8%), diikuti Lundu, RM6.14 juta (7.8%), Sarikei, RM5.56 juta (7.0%), Miri, RM4.16 juta (5.3%) dan Bau, RM3.50 juta (4.4%).

12.4.7.8 GUNA TENAGA


Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam subsektor akuakultur di Sarawak adalah berjumlah 2,522 orang pekerja iaitu 4.3 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga bagi akuakultur di Malaysia (58,822 orang pekerja). Pegangan pertanian individu menyumbang 91.6 peratus guna tenaga (2,301 orang pekerja) manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pekerja sebanyak 211 orang (8.4%).

Paparan 127 : Jumlah Guna Tenaga Mengikut Pegangan Pertanian Akuakultur , Sarawak, 2023



Daerah Kanowit jumlah guna tenaga tertinggi iaitu seramai 244 orang pekerja (9.7%), diikuti Limbang, 173 orang pekerja (6.9%), Sibu, 170 orang pekerja (6.7%), Kuching 154 orang pekerja (6.1%) dan Kapit 150 orang pekerja (5.9%).

Paparan 128 : Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi Jumlah Guna Tenaga Akuakultur, Sarawak, 2023



12.4.7.9 GAJI & UPAH

Jumlah gaji dan upah yang direkodkan oleh Sarawak bagi mereka yang terlibat dalam sub-sektor akuakultur pada tahun 2023 adalah berjumlah RM5.07 juta. Daerah Kuching mencatatkan jumlah gaji dan upah Pada peringkat daerah pentadbiran, purata gaji & upah tahunan tertinggi ialah Bintulu (RM30,531), Tebedu (RM25,718) dan Kuching (RM22,813), Bau (RM22,012) dan Lingga (RM21,283).

12.5 PARAMETER SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN, SARAWAK

12.5.1 PENGENALAN

Perhutanan dan Pembalakan memaparkan parameter utama perhutanan dan pembalakan hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti perhutanan dan pembalakan untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat tinggal atau alamat pertubuhan, manakala bagi pegangan pertanian aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan, nilai jualan, pendapatan, perbelanjaan, guna tenaga dan gaji dan upah mengikut daerah. Sementara itu, Kerajaan Sarawak memberi penekanan kepada pengurusan hutan lestari, termasuk pensijilan unit pengurusan hutan dan penggunaan teknik pengurusan hutan yang lebih mesra alam, selaras dengan usaha menyeimbangkan antara pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan ekonomi. Secara ringkas, pada tahun 2023 sektor perhutanan dan pembalakan di Sarawak bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi melalui pengeluaran hasil balak, tetapi juga bergerak ke arah pengurusan yang lebih lestari bagi memastikan kelestarian sumber hutan.

12.5.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


Hasil dapatan Banci Pertanian 2024, subsektor perhutanan dan pembalakan di Sarawak menunjukkan bahawa 478 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 363 pegangan pertanian individu (75.9%) dan 115 pegangan pertanian pertubuhan (24.1%).

Sibu mempunyai bilangan pegangan pertanian individu tertinggi iaitu 90 (24.8%), diikuti oleh Kanowit 52 (14.3%), Limbang 33 (9.1%), Tatau 28 (7.7%) dan Selangau 26 (7.2%).

Manakala Sibu merekodkan bilangan pegangan pertanian pertubuhan tertinggi iaitu 52 (45.2%), diikuti oleh Kapit 29 (25.2%) Bintulu 12 (10.4%), Miri 9 (7.8%) dan Limbang (6.1%).

Aktiviti hasil hutan bukan kayu merekodkan 299 pegangan pertanian individu dan tiada pegangan pertanian pertubuhan. Manakala untuk aktiviti pembalakan melibatkan 179 dengan pegangan pertanian pertubuhan merekodkan 115 (86.6%) dan pegangan pertanian individu 64 (13.4%).


Paparan 129 : Profil Pegangan Pertanian Individu Subektor Perhutanan Dan Pembalakan, Sarawak, 2023



12.5.3 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Sarawak direkodkan adalah sebanyak 1,764.6 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menghasilkan 15.0 ribu meter padu (0.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 1,749.6 ribu meter padu (99.2%). Daerah pentadbiran Kapit mencatatkan kuantiti keseluruhan pembalakan tertinggi iaitu 935.7 ribu meter padu, diikuti oleh Sibu (278.3 ribu meter padu), Bintulu (213.0 ribu meter padu), Miri (208.3 ribu meter padu) dan Limbang (65.1 ribu meter padu). Manakala kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan 151.7 ribu kilogram iaitu disumbang keseluruhannya oleh pegangan pertanian individu. Daerah pentadbiran Sibu mengeluarkan hasil hutan bukan kayu yang tertinggi iaitu 44.8 ribu kilogram, diikuti oleh Limbang 21.9 ribu kilogram, Lawas 14.3 ribu kilogram, Samarahan 13.7 kilogram dan Kuching 13.7 kilogram.

Paparan 130 : Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Sarawak, 2023




1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

12.5.4 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan di Sarawak merekodkan sebanyak 1,741.9 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, kuantiti jualan pegangan pertanian individu adalah 13.8 ribu meter padu (0.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan, 1,728.1 ribu meter padu (99.2%). Daerah pentadbiran Kapit mencatatkan kuantiti jualan tertinggi 935.7 ribu meter padu, diikuti oleh Sibu (278.3 ribu meter padu), Miri (208.3 ribu meter padu), Bintulu (191.5 ribu meter padu) dan Limbang (65.1 ribu meter padu). Kuantiti jualan bagi hasil hutan bukan kayu di Sarawak bagi tahun 2023 pula, direkodkan 136.4 ribu kilogram dengan disumbangkan 100 peratus oleh pegangan pertanian individu. Daerah pentadbiran Sibu mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 41.9 ribu kilogram, manakala Limbang 21.0 ribu kilogram, Lawas (14.1 ribu kilogram), Samarahan (12.6 ribu kilogram) dan Kuching (10.4 ribu kilogram). Subsektor perhutanan dan pembalakan Sarawak mencatatkan nilai jualan RM1,518.35 juta.

Paparan 131 : Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Sarawak, 2023




1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

12.5.5 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan bagi aktiviti perhutanan dan pembalakan di Sarawak bagi tahun 2023 direkodkan RM2.88 billion. Daripada jumlah tersebut, pendapatan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM2.52 juta(0.1%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM2.88 billion (99.9%). Daerah pentadbiran Tatau mencatatkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu RM719.00 ribu, diikuti oleh Sibu (RM368.9 ribu), Selangau (RM299.08 ribu), Telang Usan (RM144.0 ribu) dan Limbang RM143.29 ribu. Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula Kapit telah mencatatkan pendapatan tertinggi iaitu RM1.30 billion, diikuti oleh Sibu (RM863.47 juta), Miri (RM391.94 juta), Bintulu (RM181.09 juta) dan Limbang (RM88.74 juta).

Paparan 132: Pendapatan Subsektor Perhutanan Dan Pembalakan, Sarawak, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

12.5.6 PERBELANJAAN

Bagi subsektor perhutanan dan pembalakan, Sarawak merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.42 billion. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang RM0.37 juta (0.03%) manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan RM1.42 billion (99.97%).

Daerah pentadbiran Tatau mencatatkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu RM174.17 ribu, diikuti oleh Sibu (RM42.40 ribu), Selangau (RM34.36 ribu), Lundu (RM29.30 ribu) dan Limbang (RM11.50 ribu).

Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula Kapit telah mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM573.72 juta, diikuti oleh Sibu (RM487.35) juta, Miri (RM203.29 juta), Bintulu (RM92.53 juta) dan Limbang (RM32.65 juta).

Paparan 133 : Perbelanjaan Subsektor Perhutanan Dan Pembalakan, Sarawak, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

12.5.7 GUNA TENAGA

Jumlah keseluruhan guna tenaga bagi subsektor perhutanan dan pembalakan di Sarawak adalah sebanyak 7.5 ribu orang. Daripada jumlah ini pegangan pertanian individu hanya menyumbang 569 orang (7.6 %) manakala pegangan pertanian pertubuhan 7.0 ribu orang (92.4%). Manakala dari segi kategori gunatenaga pegangan pertanian individu, pemilik dan rakan niaga aktif mendominasikan sebanyak 63.8 peratus, pekerja bergaji 31.5 peratus dan pekerja keluarga tanpa gaji 4.7 peratus.

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, pekerja bergaji menyumbang 98.3 peratus dan pemilik dan rakan niaga aktif 1.7 peratus. Daerah pentadbiran Sibu mencatatkan guna tenaga tertinggi iaitu 3,835 orang (50.9%) daripada jumlah guna tenaga di Sarawak. Miri berada di tempat kedua dengan guna tenaga 1,975 orang (26.2%) diikuti oleh Bintulu 1,108 orang (14.7%), Kuching 141 orang (12.7%) dan Tatau 67 orang (0.9%).

Paparan 134 : Guna Tenaga Subsektor Perhutanan Dan Pembalakan Sarawak, 2023




12.5.8 GAJI & UPAH

Subsektor perhutanan dan pembalakan di Sarawak bagi tahun 2023 merekodkan jumlah gaji dan upah RM180.64 juta dengan pegangan pertanian individu mencatatkan RM1.08 juta (0.6%) dan pegangan pertanian pertubuhan RM179.55 juta (99.4%).

Hasil dapatan daripada Banci Pertanian 2023 mencatatkan purata gaji RM2,141.00 bulanan iaitu pegangan pertanian individiu mencatatkan purata gaji bulanan hanya RM504.71 dan jauh lebih rendah berbanding pegangan pertanian pertubuhan RM2,147.70. Daerah pentadbiran Sri Aman mencatatkan purata gaji bulanan tertinggi iaitu RM2,344.57 diikuti oleh Sibu RM2,225.34, Bintulu RM2,208.38, Beluru RM2,166.67 dan Miri RM2,090.10.

Paparan 135 : Gaji Dan Upah Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Sarawak, 2023



12.6 BAHAGIAN

12.6.1 BAHAGIAN KUCHING

12.6.1.1 PENGENALAN

Bahagian Kuching yang merupakan pusat pentadbiran negeri Sarawak terdiri daripada tiga daerah pentadbiran iaitu Kuching, Bau dan Lundu. Terletak di barat daya Sarawak, Bahagian Kuching bersempadan dengan Bahagian Samarahan dan Serian serta menghadap Laut China Selatan di sebelah barat. Dengan keluasan sekitar 4,109 kilometer persegi, ia merupakan antara bahagian terawal yang diwujudkan pada 1 Jun 1873.

Berasal daripada sebuah penempatan perdagangan kecil di muara Sungai Sarawak, Kuching merupakan ibu negeri Sarawak dan daerah pentadbiran utama dalam Bahagian Kuching telah mengalami transformasi yang ketara, terutamanya selepas era pemerintahan Brooke dan kemerdekaan melalui Malaysia pada tahun 1963. Kini, Kuching berkembang sebagai pusat pentadbiran, komersial, pelancongan dan pendidikan di Sarawak. Infrastruktur moden seperti lapangan terbang antarabangsa, institusi pengajian tinggi, hospital pakar dan kawasan perindustrian telah mendorong pertumbuhan ekonomi yang seimbang antara sektor perkhidmatan, pelancongan, dan perdagangan. Kedudukan strategik di pesisir serta kemampuannya sebagai pusat pentadbiran dan ekonomi menjadikan Kuching nadi utama dalam perancangan pembangunan wilayah barat Sarawak.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Kuching ialah 82,880 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 69,176 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM2.33 bilion dan perbelanjaan sebanyak RM1.21 bilion. Aktiviti ini melibatkan 26,229 guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM242.10 juta.

12.6.1.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 136: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Kuching, Sarawak, 2023

BAHAGIAN KUCHING

	Bau	Kuching	Lundu
Akuakultur (RM'000)	13,094.55	67,358.54	9,003.71
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	9.00	2,591.13	85.56
Perikanan (RM'000)	-	49,346.84	20,038.90
Tanaman (RM'000)	240,859.24	251,023.69	527,474.86
Ternakan (RM'000)	77,182.66	351,983.83	4,667.29

12.6.1.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT TANAMAN DOMINAN BAHAGIAN KUCHING

Tanaman kelapa sawit kekal sebagai komoditi dominan subsektor tanaman di Bahagian Kuching. Bahagian ini secara keseluruhan telah merekodkan nilai jualan kelapa sawit sebanyak RM763.62 juta, mewakili 4.1 peratus daripada keseluruhan nilai jualan negeri Sarawak tahun 2023. Aktiviti ini juga merupakan penyumbang utama dalam aktiviti sektor pertanian di Bahagian Kuching dengan catatan 47.3 peratus sumbangan daripada keseluruhan sektor. Dari aspek pengeluaran tan metrik buah tandan segar, Daerah pentadbiran Lundu direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 581.1 ribu (62.4%), diikuti Bau 248.0 ribu (26.6%) dan Kuching dengan 101.8 ribu (10.9%).

SEKTOR TERNAKAN PENYUMBANG KEDUA TERBESAR NILAI JUALAN BAHAGIAN KUCHING

Subsektor ternakan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi pertanian di Bahagian Kuching. Nilai jualan yang dicatatkan merupakan yang kedua tertinggi di Bahagian Kuching dengan jumlah sebanyak RM433.8 juta atau 26.9 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di bahagian ini. Pada 2023, daerah pentadbiran Kuching merekodkan nilai jualan ternakan tertinggi iaitu RM351.98 juta (81.1%) di Bahagian Kuching. Ini diikuti dengan daerah pentadbiran Bau dengan jumlah jualan RM77.18 juta (17.8%) dan daerah pentadbiran Lundu RM4.67 juta (1.1%).

12.6.2 BAHAGIAN SAMARAHAN

12.6.2.1 PENGENALAN

Bahagian Samarahan terletak di bahagian barat daya Sarawak yang mana pusat pentadbirannya terletak di Kota Samarahan sedang pesat membangun dari segi pendidikan, pentadbiran dan perumahan.

Dari segi sektor pertanian, pada sekitar tahun 1950-an sehingga 1980-an bahagian ini pernah menjadi pengeluar utama kelapa di Sarawak. Tanaman kelapa dijalankan secara tradisional dan merupakan sumber pendapatan utama penduduk kampung. Namun sekitar tahun 1990-an kelapa di Samarahan telah mengalami kemerosotan akibat daripada penyakit dan serangga perosak. Hasil tuaian yang tidak menguntungkan membawa kepada tanaman alternatif seperti kelapa sawit. Perubahan ekonomi dan pembangunan pesat di Kota Samarahan turut menyumbang peralihan ke sektor perkhidmatan dan pendidikan.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Samarahan ialah 100,406 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 69,176 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM1.49 bilion dan perbelanjaan sebanyak RM512.40 juta. Aktiviti ini melibatkan 20,847 guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM174.45 juta.

12.6.2.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 137: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Samarahan, Sarawak, 2023



BAHAGIAN SAMARAHAN

	Asajaya	Gedong	Samarahan	Sebuyau	Simunjan
Akuakultur (RM'000)	2,537.39	32.73	7,227.27	41.64	-
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	-	-	135.12	-	-
Perikanan (RM'000)	25,652.83	487.73	5,406.28	23,079.38	1,524.06
Tanaman (RM'000)	97,418.97	26,575.87	427,633.73	40,714.91	583,111.16
Ternakan (RM'000)	4,434.22	147.31	8,247.72	196.76	205.65

12.6.2.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

TANAMAN NANAS TANAMAN DOMINAN BAHAGIAN SAMARAHAN

Bahagian Samarahan memang dikenali sebagai pengeluar utama nanas di Sarawak kerana mempunyai tanah gambut dan tanah mineral yang sangat sesuai untuk perkembangan tanaman ini. Justeru itu, Samarahan menyumbang peratusan tertinggi nilai jualan iaitu 26.0 peratus.

Samarahan menghasilkan jualan tertinggi di bahagian ini iaitu RM38.46 juta. Diikuti Asajaya RM6.26 juta, Sebuyau RM1.74 juta, Gedong RM917.47 ribu dan Simunjan, RM738.16 ribu. Jumlah pendapatan pada tahun 2023 untuk Bahagian Samarahan ialah RM78.9 juta. RM33.68 juta merupakan pegangan pertanian individu dan baki RM45.22 juta merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Samarahan menyumbangkan pendapatan tertinggi iaitu RM64.85 juta. Ini diikuti Asajaya RM9.24 juta, Sebuyau RM2.37 juta, Gedong RM1.35 juta dan Simunjan RM1.09 juta. Unutk perbelanjaan mencatatkan RM34.73 juta dengan pegangan pertanian individu RM19.62 juta dan pegangan pertubuhan RM15.11 juta. Samarahan mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM26.35 juta diikuti Asajaya RM5.54 juta, Sebuyau RM1.42 juta, Gedong RM0.81 juta dan Simunjan RM0.61 juta.

Jumlah gaji dan upah tahunan yang diterima mencatatkan RM1.09 juta. Samarahan mencatatkan gaji dan upah tertinggi di Bahagian Samarahan iaitu RM716.74 ribu, diikuti Asajaya RM165.89 ribu, Sebuyau RM127.46 ribu, Simunjan RM45.41 ribu dan Gedong RM36.78 ribu.

KELAPA SAWIT SEBAGAI PENYUMBANG UTAMA HASIL PERTANIAN DI BAHAGIAN SAMARAHAN

Walaupun nilai jualan kelapa sawit di Bahagian Samarahan berada pada kedudukan keenam tertinggi di Sarawak namun tanaman ini menyumbang RM981.36 juta (78.2%) hasil jualan keseluruhan pertanian untuk bahagian ini. Ini dikuti perikanan RM56.15 juta (4.5%), lada RM51.96 juta (4.1%), nanas RM48.11 juta (3.8%), dan sayur-sayuran RM37.5 juta (3.0%). Simunjan mencatatkan nilai jualan tertinggi di bahagian ini, iaitu RM546.12 juta atau , diikuti pula Samarahan, RM337.47 juta, Asajaya RM66.74 juta, Sebuyau RM18.49 juta dan Gedong RM12.54 juta. Jumlah pendapatan pada tahun 2023 mencatat RM1,104.9 juta yang mana Simunjan penyumbang pendapatan tertinggi iaitu RM609.8 juta, Samarahan RM377.94 juta, Asajaya RM79.13 juta, Sebuyau RM22.62 juta dan Gedong RM15.37 juta.

Perbelanjaan pula merekodkan RM333.37 juta yang mana pegangan individu mencatat RM57.45 juta dan pertubuhan RM275.92 juta. Simunjan mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM178.32 juta, diikuti Samarahan RM112.11 juta, Asajaya RM27.80 juta, Sebuyau RM8.99 juta dan Gedong RM6.14 juta.

Bagi gaji dan upah tahunan Bahagian Samarahan merekodkan RM172.46 juta dengan pegangan individu merekodkan gaji dan upah RM45.42 juta manakala pegangan pertanian pertubuhan RM127.04 juta. Simunjan juga mencatatkan gaji dan upah tertinggi iaitu RM78.20 juta, diikuti Samarahan RM66.49 juta, Asajaya RM18.48 juta, Sebuyau RM5.66 juta dan Gedong RM3.63 juta.

12.6.3 BAHAGIAN SERIAN

12.6.3.1 PENGENALAN

Bahagian Serian telah diisytiharkan sebagai bahagian ke-12 di negeri Sarawak pada tahun 2015. Bahagian ini merangkumi tiga daerah pentadbiran utama iaitu Serian, Tebedu dan Siburan, dengan keluasan keseluruhan sekitar 2,819 kilometer persegi. Pusat pentadbiran Bahagian Serian terletak di Daerah Pentadbiran Serian.

Dari segi geografi, Bahagian Serian terletak di bahagian selatan Sarawak dan bersempadan secara langsung dengan Negara Indonesia, khususnya wilayah Kalimantan Barat. Tebedu merupakan salah satu pintu masuk antarabangsa utama di bahagian ini dan berfungsi sebagai pos sempadan penting yang menghubungkan Malaysia dan Indonesia, sekali gus memainkan peranan strategik dalam pergerakan perdagangan dan mobiliti rentas sempadan.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Serian ialah 66,316 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 56,647 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM1.41 bilion dan perbelanjaan sebanyak RM0.58 bilion. Aktiviti ini melibatkan 27,351 guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM142.40 juta.

Berdasarkan dapatan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, komposisi etnik utama penduduk Bahagian Serian terdiri daripada kaum Bidayuh, Iban dan Cina. Kepelbagaian etnik ini menyumbang kepada landskap sosial dan budaya yang dinamik di bahagian tersebut. Kedudukan Bahagian Serian yang strategik serta kemudahan akses yang baik telah mendorong transformasi pembangunan yang pesat, sekali gus menjadikannya sebagai hab pertumbuhan sosioekonomi di wilayah selatan Sarawak. Selain itu, Bahagian Serian juga dikenali sebagai antara kawasan yang aktif dalam sektor pertanian, khususnya dalam penanaman lada hitam, kelapa sawit, sayur-sayuran serta aktiviti penternakan.

12.6.3.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 138 : Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Serian, Sarawak 2023

	BAHAGIAN SERIAN		
	Serian	Tebedu	Siburan
Akuakultur (RM'000)	11,547.28	956.03	15.75
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	-	0.90	-
Perikanan (RM'000)	621.71	-	-
Tanaman (RM'000)	745,992.18	94,221.92	36,842.89
Ternakan (RM'000)	341,095.59	53.95	175.21

12.6.3.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT PENERAJU HASIL PERTANIAN BAHAGIAN SERIAN

Tanaman kelapa sawit merupakan penyumbang nilai jualan tertinggi bagi subsektor tanaman di Bahagian Serian, dengan nilai jualan sebanyak RM634.88 juta pada tahun 2023. Nilai ini merangkumi 51.6 peratus daripada keseluruhan nilai jualan subsektor pertanian di Bahagian Serian, sekali gus menunjukkan kepentingan tanaman kelapa sawit sebagai pemacu utama aktiviti pertanian di bahagian tersebut. Di peringkat negeri pula, sumbangan Bahagian Serian terhadap keseluruhan nilai jualan kelapa sawit Sarawak adalah sebanyak 3.4 peratus. Dari segi agihan mengikut daerah pentadbiran, Serian mencatatkan nilai jualan kelapa sawit tertinggi iaitu sebanyak RM608.25 juta atau 95.8 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan kelapa sawit di Bahagian Serian. Ini diikuti oleh Tebedu dengan nilai RM23.38 juta (3.7%) dan Siburan sebanyak RM3.24 juta (0.5%).

Selari dengan nilai jualan, aspek pengeluaran turut menunjukkan trend yang sama apabila Daerah Pentadbiran Serian direkodkan sebagai pengeluar kelapa sawit tertinggi dengan jumlah pengeluaran sebanyak 750.6 ribu tan metrik, mewakili 95.7 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran di Bahagian Serian. Tebedu mencatatkan pengeluaran sebanyak 29.9 ribu tan metrik (3.8%), manakala Siburan merekodkan pengeluaran terendah iaitu sebanyak 4.1 ribu tan metrik atau 0.5 peratus.

TERNAKAN MUNCUL PENYUMBANG KEDUA TERBESAR NILAI JUALAN BAHAGIAN SERIAN DAN PERINGKAT NEGERI SARAWAK

Bagi subsektor ternakan pula, nilai jualan yang dicatatkan merupakan yang kedua tertinggi di Bahagian Serian dengan jumlah sebanyak RM341.32 juta, bersamaan 27.7 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di bahagian ini. Pencapaian ini menunjukkan subsektor ternakan memainkan peranan penting sebagai penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi pertanian Bahagian Serian. Di peringkat negeri, Bahagian Serian menjadi penyumbang kedua tertinggi sebanyak 32.4 peratus kepada keseluruhan nilai jualan ternakan di Sarawak bagi tahun 2023. Dari segi agihan daerah pentadbiran, nilai jualan ternakan tertinggi direkodkan di Daerah Serian dengan jumlah RM341.10 juta atau 99.9 peratus, menunjukkan aktiviti penternakan yang sangat tertumpu di daerah tersebut. Sementara itu, Siburan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM0.18 juta (0.1%) dan Tebedu sebanyak RM0.05 juta (0.02%), yang mencerminkan skala aktiviti ternakan yang lebih kecil di kedua-dua daerah berkenaan.

12.6.4 BAHAGIAN SRI AMAN

12.6.4.1 PENGENALAN

Bahagian Sri Aman terletak di barat Sarawak dan merangkumi 4 daerah pentadbiran iaitu Sri Aman, Lubok Antu, Pantu dan Lingga. Dengan keluasan 5,628 kilometer persegi, ia merupakan bahagian kedua yang diwartakan. Pusat pentadbiran bahagian ini terletak di bandar Sri Aman, yang dahulunya dikenali sebagai Simanggang. Kawasan ini dihuni oleh masyarakat berbilang kaum seperti Iban, Melayu, Cina dan lain-lain dengan aktiviti pertanian sebagai sektor ekonomi utama melibatkan tanaman seperti padi, kelapa sawit, lada dan getah. Sri Aman juga terkenal dengan tarikan pelancongan seperti Taman Negara Batang Ai, Fort Alice dan festival tahunan Pesta Benak di Batang Lupar. Selain itu, ia mempunyai kemudahan asas yang lengkap serta dihubungkan dengan baik melalui jalan raya dari Kuching, menjadikan kawasan ini penting dari segi sejarah, budaya dan ekonomi di Sarawak.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Sri Aman ialah 115,244 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 83,690 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM1.25 bilion dan perbelanjaan sebanyak RM451.8 juta. Aktiviti ini melibatkan 31,503 guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM179.90 juta.

12.6.4.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 139: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Sri Aman, Sarawak, 2023



BAHAGIAN SRI AMAN

	Sri Aman	Lubok Antu	Lingga	Pantu
Akuakultur (RM'000)	90.82	2,374.02	29.70	52.27
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	5,027.89	5.85	-	13.79
Perikanan (RM'000)	803.64	91.63	6,489.53	480.23
Tanaman (RM'000)	714,628.95	224,021.77	29,798.30	39,629.68
Ternakan (RM'000)	719.29	64.37	4,611.89	328.30

12.6.4.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

BAHAGIAN SRI AMAN ADALAH PENYUMBANG TERTINGGI NILAI JUALAN PADI DI SARAWAK

Bahagian Sri Aman penyumbang tertinggi nilai jualan subsektor tanaman Padi di Sarawak sebanyak RM2.24 juta dengan sumbangan 41.1 peratus kepada keseluruhan nilai jualan padi di Sarawak tahun 2023. Walau bagaimanapun, tanaman padi Bahagian Sri Aman hanya menyumbangkan sebanyak 0.1 peratus nilai jualan bagi subsektor tanaman di seluruh Sarawak. Sementara itu, nilai jualan tertinggi peringkat daerah dicatatkan oleh daerah pentadbiran Lingga sebanyak RM1.06 juta atau 47.3 peratus, diikuti Sri Aman sebanyak RM848.81 ribu atau 38.0 peratus, Lubok Antu sebanyak RM233.74 ribu atau 10.5 peratus dan Pantu sebanyak RM94.87 ribu atau 4.2 peratus. Dari segi kuantiti pengeluaran, daerah pentadbiran Lingga juga mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan jumlah 1,522.9 tan metrik (45.9%), diikuti Sri Aman 1,053.3 tan metrik (31.8%), Lubok Antu 472.0 tan metrik (14.2%) dan Pantu 266.3 tan metrik (8.0%).

Sri Aman menjadi lokasi utama penanaman padi di bawah PCDS 2030 dengan pembangunan 1,500 hektar tanah menerusi IADA Batang Lupar. Usaha ini adalah untuk menyokong sasaran meningkatkan hasil padi dan tahap sara diri beras Sarawak menjelang 2030.

12.6.5 BAHAGIAN BETONG

12.6.5.1 PENGENALAN

Bahagian Betong terletak di barat Sarawak dan merangkumi empat daerah pentadbiran iaitu Betong, Saratok, Pusa dan Kabong. Dahulunya, kawasan ini berada di bawah Bahagian Sri Aman sebelum diisytiharkan sebagai pentadbiran bahagian baharu pada 26 Mac 2002 dengan keluasan 4,200 kilometer persegi. Pusat pentadbiran bahagian ini terletak di daerah Betong dengan komposisi penduduk majoritinya terdiri daripada kaum Melayu, diikuti oleh Iban, Cina dan kumpulan etnik lain. Bahagian Betong merupakan antara kawasan pertanian terpenting di Sarawak dan penyumbang kepada ekonomi luar bandar. Selain daripada tanaman kelapa sawit dan getah yang menjadi tanaman komoditi utama, bahagian Betong juga terkenal dengan penghasilan lada dan gula apong. Daerah Betong merupakan kawasan utama yang diusahakan secara meluas untuk tanaman lada, manakala daerah Pusa pula dikenali khusus sebagai pusat pengeluaran gula apong secara tradisional.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Betong ialah 89,768 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 79,971 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM1.20 bilion dan perbelanjaan sebanyak RM442.6 juta. Aktiviti ini melibatkan 24,514 guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM146.19 juta.

12.6.5.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 140 : Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Betong, Sarawak 2023

BAHAGIAN BETONG

	Betong	Saratok	Pusa	Kabong
Akuakultur (RM'000)	133.14	265.23	378.00	921.84
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	13.72	2.07	-	-
Perikanan (RM'000)	3,878.88	2,182.96	35,603.15	10,286.37
Tanaman (RM'000)	540,300.95	235,601.79	85,073.67	88,328.52
Ternakan (RM'000)	598.02	408.30	160.20	99.10

12.6.5.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT PENYUMBANG UTAMA SEKTOR PERTANIAN BAHAGIAN BETONG

Seperti bahagian lain di Sarawak, tanaman kelapa sawit merupakan komoditi utama subsektor tanaman dan penyumbang tertinggi sektor pertanian bahagian Betong. Data Banci Pertanian 2024 melaporkan tanaman kelapa sawit di Bahagian Betong merekodkan kuantiti pengeluaran 940.9 ribu tan metrik pada tahun 2023. Keluasan bertanam dicatatkan 70.8 ribu hektar dengan keluasan bertuai 64.2 ribu hektar. Dari segi sumbangan mengikut daerah, daerah Betong merekodkan pengeluaran buah tandan segar kelapa sawit tertinggi dengan jumlah 502.5 ribu tan metrik. Ini diikuti oleh daerah Saratok sebanyak 242.4 ribu tan metrik, Kabong 98.6 ribu tan metrik dan Pusa 97.4 ribu tan metrik.

CREAMY WHITE PEPPER DAN SIGNIFIKASI TERHADAP EKONOMI SEKTOR PERTANIAN BETONG, SARAWAK

Tanaman lada merupakan penyumbang kedua terbesar komoditi subsektor tanaman di bahagian Betong selepas kelapa sawit. Aktiviti penanaman lada mencatatkan nilai jualan sebanyak RM91.66 juta, iaitu menyumbang sekitar 9.3 peratus daripada nilai jualan keseluruhan sektor pertanian di bahagian ini. Dari segi keluasan bertanam, daerah Betong berada di kedudukan ketiga tertinggi di Sarawak dengan 707.6 hektar kawasan bertanam dan 628.2 hektar kawasan bertuai. Salah satu hasil produk tanaman lada yang popular adalah *Creamy White Pepper* yang merupakan antara produk pertanian bernilai tinggi yang menjadi tarikan utama di bahagian Betong. *Creamy White Pepper* hanya dihasilkan secara eksklusif di Sarawak dan daerah. Betong merupakan antara pengeluar utama didorong oleh faktor muka bumi yang sesuai serta sumber air bukit semula jadi yang bersih dan jernih. Selain menyumbang kepada peningkatan nilai tambah sektor pertanian, pengeluaran lada di Bahagian Betong khususnya berpotensi memperkukuh ekonomi luar bandar melalui pewujudan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan pekebun kecil serta pemerkasaan industri agro berasaskan komuniti. Keunikan produk ini turut membuka ruang kepada pembangunan pasaran *niche* dan pengembangan industri hiliran berasaskan lada di Bahagian Betong.

12.6.6 BAHAGIAN SARIKEI

12.6.6.1 PENGENALAN

Bahagian Sarikei terletak di tengah wilayah pesisir Negeri Sarawak dan merupakan antara bahagian pentadbiran yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor pertanian negeri ini. Ia bersempadan dengan Bahagian Sibu, Betong dan Mukah serta mempunyai keluasan 4,337 km². Bahagian ini secara rasminya telah diwartakan sebagai bahagian pentadbiran pada tahun 2 April 1973. Bahagian Sarikei merangkumi Daerah Sarikei, Maradong, Julau dan Pakan. Pertanian merupakan tunjang penting kepada ekonomi tempatan di Bahagian Sarikei. Ini melibatkan pengeluaran kelapa sawit, pengeluaran lada, penanaman nanas, pelbagai jenis sayur-sayuran, buah-buahan tropika dan lain-lain.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Sarikei ialah 53,119 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 47,963 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM913.21 juta dan perbelanjaan sebanyak RM383.32 juta. Aktiviti ini melibatkan 26,853 guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM132.20 juta.

12.6.6.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 141 : Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Sarikei, Sarawak, 2023



	Julau	Maradong	Pakan	Sarikei
Akuakultur (RM'000)	-	184.90	4.54	5,853.51
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	-	2.88	1.07	42,001.82
Perikanan (RM'000)	-	7,135.73	-	9,667.61
Tanaman (RM'000)	175,208.12	106,932.31	207,831.49	192,947.78
Ternakan (RM'000)	187.49	2,726.71	43.71	9,976.42

Bahagian Sarikei telah menyumbang sebanyak 3.2 peratus kepada keseluruhan sektor pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM760.71 juta pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan dalam sektor pertanian Bahagian Sarikei dengan sumbangan sebanyak 89.8 peratus atau RM682.92 juta. Ini diikuti oleh Perhutanan & Pembalakan sebanyak 5.5 peratus (RM42.00 juta), Perikanan sebanyak 2.2 peratus (RM16.80 juta), Ternakan sebanyak 1.7 peratus (RM12.93 juta), Manakala, Akulkultur menyumbang kurang dari 1.0 peratus dengan nilai jualan RM6.04 juta.

12.6.6.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT TANAMAN DOMINAN BAHAGIAN SARIKEI

Tanaman kelapa sawit merupakan komoditi dominan subsektor tanaman di Bahagian Sarikei. Nilai jualan kelapa sawit direkodkan sebanyak RM383.27 juta, mewakili 2.1 peratus daripada keseluruhan nilai jualan kelapa sawit negeri Sarawak tahun 2023. Aktiviti ini juga merupakan penyumbang utama dalam sektor pertanian di Bahagian Sarikei dengan sumbangan 50.4 peratus daripada keseluruhan sektor. Dari aspek pengeluaran tan metrik buah tandan segar, daerah Pakan direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 175.5 ribu tan metrik (36.4%), diikuti Sarikei 139.2 ribu tan metrik (28.9%), Maradong 89.0 ribu tan metrik (18.4%) dan Julau dengan 78.8 ribu (16.3%). Guna tenaga bagi tanaman kelapa sawit mencatatkan 10,822 orang dengan jumlah gaji dan upah RM107.94 juta.

BAHAGIAN SARIKEI ANTARA PENYUMBANG TANAMAN LADA

Tanaman lada menonjol sebagai komoditi penting di Bahagian Sarikei. Bahagian Sarikei menghasilkan nilai jualan lada sebanyak RM206.46 juta pada tahun 2023. Ini menyumbang sebanyak 27.1 peratus kepada nilai jualan pertanian di Bahagian Sarikei dan 28.3 peratus kepada keseluruhan nilai jualan lada di Sarawak. Dari aspek pengeluaran lada di Bahagian Sarikei, Daerah Julau direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 5.1 juta kg (53.0%), diikuti Pakan 3.2 juta kg (32.9%), Sarikei 695.8 ribu kg (7.2%) dan Maradong 669.3 ribu kg (6.9%). Guna tenaga bagi tanaman lada mencatatkan 13,261 orang dengan jumlah gaji dan upah sebanyak RM15.32 juta.

12.6.7 BAHAGIAN KAPIT

12.6.7.1 PENGENALAN

Bahagian Kapit telah diisytiharkan bahagian ketujuh daripada dua belas bahagian di Sarawak pada 2 April 1973. Terletak di tengah Borneo, ia bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia di selatan dan timur, Bahagian Miri dan Bintulu di utara dan Bahagian Sibu di barat. Bahagian Kapit merupakan bahagian terbesar di Sarawak dengan keluasan 38,689 kilometer persegi yang merangkumi daerah Kapit (3,973 km^2), Song (3,665 km^2), Belaga (16,126 km^2) dan Bukit Mabong (14,925 km^2). Diperingkat pentadbiran, Bahagian Kapit diketuai oleh Residen manakala diperingkat daerah diketuai oleh pegawai daerah. Bahagian Kapit adalah kawasan tanah tinggi yang kebanyakannya (80.0%) dilitupi oleh hutan primer yang tebal. Kawasan bertanah rendah terdapat di kawasan Sungai Tunoh, Sungai Melinau, Sungai Tiau, Sungai Mujong, Nanga Merit dan Nanga Lajan.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Kapit ialah 93,546 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 80,008 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM2.59 bilion dan perbelanjaan sebanyak RM968.74 juta. Aktiviti ini melibatkan 18,639 guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM103.30 juta.

12.6.7.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 142 : Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Kapit, Sarawak 2023

	BAHAGIAN KAPIT			
	Kapit	Song	Belaga	Bukit Mabong
Akuakultur (RM'000)	373.39	794.52	250.67	63.43
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	790,043.08	51.89	86.24	0.11
Perikanan (RM'000)	947.85	227.25	780.75	38.80
Tanaman (RM'000)	231,709.59	41,875.42	855,769.78	5,279.70
Ternakan (RM'000)	335.55	286.56	556.10	2.0

12.6.7.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

TANAMAN PENERAJU HASIL PERTANIAN BAHAGIAN KAPIT

Subsektor tanaman merupakan penyumbang nilai jualan tertinggi di Bahagian Kapit dengan nilai jualan berjumlah RM1.14 bilion pada tahun 2023. Nilai ini merangkumi 58.8 peratus daripada keseluruhan nilai jualan subsektor pertanian di Bahagian Kapit. Daerah Pentadbiran Belaga mencatatkan nilai jualan tanaman tertinggi iaitu RM856.77 juta atau 75.4 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan subsektor tanaman di Bahagian Kapit. Nilai jualan bagi daerah lain pula ialah Kapit dengan nilai jualan RM231.71 juta (20.4%), Song, RM41.88 ribu (3.7%) dan Bukit Mabong, RM5.28 ribu (0.5%).

DOMINASI DAERAH PENTADBIRAN KAPIT DALAM SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan merupakan penyumbang nilai jualan kedua tertinggi di Bahagian Kapit dengan nilai jualan berjumlah RM790.18 juta iaitu 40.9 peratus daripada keseluruhan nilai jualan subsektor pertanian di Bahagian Kapit.

Daerah Kapit merekodkan nilai jualan tertinggi bagi subsektor Perhutanan dan Pembalakan iaitu RM790.04 juta atau hampir seratus peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan subsektor perhutanan dan pembalakan di Bahagian Kapit yang berjumlah RM790.18 juta. Nilai jualan bagi daerah lain pula ialah Belaga dengan nilai jualan RM86.24 ribu, Song, RM51.89 ribu dan Bukit Mabong, RM0.11 ribu yang mana peratus sumbangan nilai jualan bagi ketiga-tiga daerah pentadbiran tersebut adalah kurang daripada satu peratus.

12.6.8 BAHAGIAN SIBU

12.6.8.1 PENGENALAN

Bahagian Sibu terletak di tengah Sarawak, merupakan bahagian ketiga daripada dua belas bahagian pentadbiran di wilayah ini. Dengan keluasan sekitar 8,346 kilometer persegi, bahagian ini merangkumi tiga daerah iaitu Sibu, Kanowit, dan Selangau. Pusat pentadbirannya terletak di bandar Sibu. Kedudukan geografinya yang strategik di tebing Sungai Rajang menjadikan Sibu sebagai pintu masuk utama ke kawasan pedalaman Sarawak, terutamanya bagi komuniti di sepanjang sungai seperti Song, Kapit dan Belaga. Di Bahagian Sibu, sektor pertanian merupakan antara penyumbang utama ekonomi khususnya melalui penanaman tanaman komoditi seperti kelapa sawit, getah dan lada. Di samping itu, aktiviti tanaman makanan, ternakan dan perikanan air tawar turut menyumbang kepada pendapatan penduduk luar bandar.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Sibu ialah 142,397 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 124,167 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM3.31 bilion dan perbelanjaan sebanyak RM1.47 bilion. Aktiviti ini melibatkan 35,379 guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM342.00 juta.

12.6.8.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 143 : Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Sibu, Sarawak 2023



BAHAGIAN SIBU

	Kanowit	Selangau	Sibu
Akuakultur (RM'000)	258.73	87.09	2,086.13
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	35.19	290.81	181,886.46
Perikanan (RM'000)	641.16	1,030.24	10,318.00
Tanaman (RM'000)	287,245.47	302,605.97	1,159,677.27
Ternakan (RM'000)	152.41	487.17	184,188.47

12.6.8.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT TANAMAN DOMINAN BAHAGIAN SIBU

Tanaman kelapa sawit kekal sebagai komoditi dominan subsektor tanaman di Bahagian Sibu. Daerah Pentadbiran Sibu, Kanowit dan Selangau secara keseluruhan telah merekodkan nilai jualan kelapa sawit sebanyak RM1.51 bilion, mewakili 8.1 peratus daripada keseluruhan nilai jualan negeri Sarawak tahun 2023. Aktiviti ini juga merupakan penyumbang utama dalam aktiviti sektor pertanian di Bahagian Sibu

dengan catatan 71.0 peratus sumbangan daripada keseluruhan sektor. Dari aspek pengeluaran tan metrik buah tandan segar,Daerah Pentadbiran Sibu direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 1.21 juta (66.5%), diikuti Selangau 333.24 ribu (18.3%) dan Kanowit dengan 276.80 ribu (15.2%).

PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN JANA EKONOMI BAHAGIAN SIBU

Industri pembalakan menyumbang secara signifikan terhadap ekonomi Sibu, khususnya melalui aktiviti pengeluaran dan pengeksportan kayu balak serta pemprosesan kayu hiliran. Pada tahun 2023, perhutanan dan pembalakan Bahagian Sibu mencatatkan sumbangan 12.0 peratus kepada susbsektor perhutanan dan pembalakan Sarawak. Nilai jualan sumbangan aktiviti pembalakan bagi penghasilan meter padu produk berasaskan kayu kayan direkodkan hampir 99.8 peratus. Manakala, aktiviti perhutanan bukan kayu turut menyumbang dengan peratusan kurang dari satu peratus kepada subsektor ini. Dari segi pegangan pertanian, Bahagian Sibu memperlihatkan tumpuan yang lebih besar kepada pegangan pertubuhan. Keadaan ini memperlihatkan sinergi antara kemajuan teknologi, pembangunan infrastruktur dan ketersediaan tenaga kerja telah menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan positif subsektor ini.

12.6.9 BAHAGIAN MUKAH

12.6.9.1 PENGENALAN

Bahagian Mukah merupakan salah satu bahagian di negeri Sarawak yang terletak di kawasan pesisir tengah. Bahagian ini terdiri daripada lima daerah pentadbiran iaitu Mukah, Dalat, Matu, Daro, dan Tanjung Manis. Dari segi sosioekonomi, aktiviti ekonomi penduduk di bahagian ini banyak tertumpu kepada sektor pertanian, perikanan dan perkhidmatan berskala kecil. Dengan ciri geografi yang sesuai, Bahagian Mukah menyokong pelbagai aktiviti pertanian berskala kecil dan sederhana. Sumbangan bahagian ini mencerminkan peranan pentingnya dalam memperkukuh kepelbagaian pengeluaran pertanian serta menyokong sumber pendapatan penduduk setempat. Bahagian ini terkenal dengan tanaman rumbia yang sebahagian besarnya diusahakan oleh pengusaha individu secara tradisional dan pada skala kecil. Walaupun tanaman tradisional seperti rumbia masih ditanam, dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan kelapa sawit menjadi penyumbang utama kepada nilai jualan pertanian di bahagian ini.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Mukah ialah 320,316 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 293,288 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM4.56 bilion dan perbelanjaan sebanyak RM1.37 bilion. Aktiviti ini melibatkan 37,980 guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM587.30 juta.

12.6.9.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 144 : Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Mukah, Sarawak, 2023



	Dalat	Daro	Matu	Mukah	Tanjung Manis
Akuakultur (RM'000)	129.28	5,054.83	18.71	350.27	6.00
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	-	21.66	-	16.11	79.35
Perikanan (RM'000)	19,804.39	103,060.73	26,958.72	35,241.85	29,123.35
Tanaman (RM'000)	629,751.78	776,240.86	448,840.94	2,044,372.56	12,740.65
Ternakan (RM'000)	192.69	221.45	169.18	5,598.43	98.17

Bahagian Mukah telah menyumbang 22.3 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM4.14 bilion pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan bagi sektor pertanian Bahagian Mukah dengan sumbangan 95.4 peratus (RM3.91 bilion) dan diikuti perikanan, 5.2 peratus (RM214.19 juta).

Di samping itu, subsektor lain masing-masing menyumbang kurang dari 1 peratus iaitu ternakan (RM6.28 juta) dan akuakultur (RM5.56 juta) dan perhutanan & pembalakan (RM117.12 ribu). Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 1.

12.6.9.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT PENYUMBANG UTAMA SEKTOR PERTANIAN BAHAGIAN MUKAH

Tanaman kelapa sawit merupakan komoditi utama subsektor tanaman di Bahagian Mukah. Daerah Pentadbiran Mukah, Dalat, Daro, Matu dan Tanjung Manis secara keseluruhan telah merekodkan nilai jualan kelapa sawit sebanyak RM3.83 bilion, mewakili 20.6 peratus daripada keseluruhan nilai jualan subsektor tersebut di negeri Sarawak pada tahun 2023. Daerah Pentadbiran Mukah mencatatkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM2.01 billion, diikuti Daro RM760.47 juta, Dalat RM613.58 juta, Matu RM434.79 juta dan Tanjung Manis RM6.51 juta. Dari aspek pengeluaran tan metrik buah tandan segar, Daerah Pentadbiran Mukah merupakan pengeluar tertinggi dengan jumlah 2.44 juta tan metrik (53.0%), diikuti Daro 907.78 ribu tan metrik (19.7%) dan Dalat 734.41 ribu tan metrik (15.9%), Matu 516.95 ribu tan metrik (11.2%) dan Tanjung Manis 7.87 ribu tan metrik (0.2%).

12.6.10 BAHAGIAN BINTULU

12.6.10.1 PENGENALAN

Bahagian Bintulu merupakan salah satu bahagian pentadbiran yang penting di Sarawak. Terletak di utara Sarawak, bahagian Bintulu bersempadan dengan bahagian Miri, Sibu, Mukah dan Kapit. Dengan keluasan 12,166 kilometer persegi, ia merupakan bahagian kesembilan yang diwartakan secara rasmi pada 1 Januari 1987. Berasal dari sebuah perkampungan nelayan kecil, Bintulu antara daerah pentadbiran di dalam bahagian Bintulu telah melalui proses transformasi yang pesat susulan penemuan sumber petroleum dan gas asli di kawasan pesisirnya. Perkembangan pesat sektor tenaga ini telah meletakkan Bintulu sebagai pusat pertumbuhan perindustrian utama di Sarawak.

Infrastruktur sokongan terus berkembang selaras dengan keperluan industri berat, logistik dan eksport berasaskan tenaga sekaligus memberi impak kepada daerah-daerah pentadbiran lain di bahagian Bintulu. Kedudukan strategik serta kekuatan asas ekonomi berasaskan tenaga menjadikan Bintulu antara nadi utama pertumbuhan ekonomi Sarawak.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Bintulu ialah 262,306 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 224,145 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM3.55 bilion dan perbelanjaan sebanyak RM1.16 bilion. Aktiviti ini melibatkan 29,318 keseluruhan guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM369.31 juta.

12.6.10.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 145 : Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Bintulu, Sarawak, 2023

BAHAGIAN BINTULU

	Bintulu	Tatau	Sebauh
Akuakultur (RM'000)	649.8	82.6	4.8
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	168,891.6	715.4	1.3
Perikanan (RM'000)	3,160.4	47,700.4	165.9
Tanaman (RM'000)	1,811,308.1	493,016.0	639,042.4
Ternakan (RM'000)	13,015.9	9,029.3	4,905.5

Bahagian Bintulu telah menyumbang 13.3 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM3.19 bilion pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan bagi sektor pertanian bahagian Bintulu dengan sumbangan 92.2 peratus (RM2.94 bilion), diikuti perhutanan & pembalakan, 5.3 peratus (RM169.61 juta); perikanan, 1.6 peratus (RM51.03 juta); ternakan, 0.8 peratus (RM27.04 juta) dan akuakultur, 0.02 peratus (RM737.12 ribu). Pecahan sumbangan mengikut daerah pentadbiran adalah seperti di Paparan 172.

12.6.10.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT TANAMAN DOMINAN BAHAGIAN BINTULU

Tanaman kelapa sawit kekal sebagai komoditi dominan subsektor tanaman di bahagian Bintulu dengan rekod pengeluaran buah tandan segar sebanyak 3.5 juta tan bersamaan 15.4 peratus sumbangan kepada sawit Sarawak tahun 2023. Daerah pentadbiran Bintulu, Tatau dan Sebauh secara keseluruhan telah merekodkan nilai jualan kelapa sawit sebanyak RM2.88 bilion, iaitu 15.4 peratus daripada keseluruhan nilai jualan negeri Sarawak tahun 2023. Aktiviti tanaman kelapa sawit ini juga merupakan penyumbang utama nilai jualan dalam sektor pertanian di bahagian Bintulu dengan catatan 90.1 peratus. Dari aspek pengeluaran buah tandan segar, daerah pentadbiran Bintulu direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 2.1 juta tan metrik (61.8%), diikuti Sebauh 769.1 ribu tan metrik (22.2%) dan Tatau dengan 555.9 ribu tan metrik (16.0%).

12.6.11 BAHAGIAN MIRI

12.6.11.1 PENGENALAN

Bahagian Miri merupakan salah satu daripada 12 bahagian pentadbiran di negeri Sarawak. Terletak di bahagian utara Sarawak, Miri bersempadan dengan Brunei Darussalam di utara dan Bahagian Limbang, serta Bahagian Bintulu di selatan. Miri meliputi kawasan seluas lebih 26,777 km² dan terdiri daripada lima daerah utama iaitu Miri, Marudi, Beluru, Subis, dan Telang Usan termasuk satu daerah kecil Bario. Bandar Miri ialah pusat pentadbiran dan bandar kedua terbesar di Sarawak selepas Kuching. Miri terkenal sebagai pusat industri minyak dan gas sejak penemuan telaga minyak pertama di Canada Hill pada tahun 1910.

Selain sektor petroleum, Miri juga turut mempergiatkan sektor ekonominya dalam sektor pelancongan, perhutanan, pertanian, dan perikanan. Kawasan pedalaman seperti Marudi dan Telang Usan menjadi penempatan utama bagi etnik seperti Orang Ulu, Iban, kelabit, Penan dan etnik minoriti yang lain di mana masih mengekalkan gaya hidup tradisional serta bergantung kepada hasil hutan dan pertanian sara diri.

Miri turut kaya dengan khazanah alam semulajadi di mana terdapat taman negara utama seperti Taman Negara Gunung Mulu dan Taman Negara Niah (Tapak Warisan Dunia UNESCO), Taman Negara Lambir dan Loagan Bunut, menjadikannya destinasi pelancongan alam semula jadi yang penting.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Miri ialah 434,194 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 367,102 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM5.86 bilion dan perbelanjaan sebanyak RM1.93 bilion. Aktiviti ini melibatkan 61,510 guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM966.90 juta.

12.6.11.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Bahagian Miri telah menyumbang sebanyak 21.3 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM5.09 billion pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor yang mendominasi sektor pertanian di Bahagian Miri dengan sumbangan 93.8 peratus (RM4.77 billion), diikuti oleh subsektor Perhutanan dan Pembalakan 4.7 peratus (RM239.77 juta), Perikanan Tangkapan 1.2 peratus (RM59.34 juta), Ternakan 0.2 peratus (RM9.0 juta) dan Akuakultur 0.2 peratus (RM8.46 juta). Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 173.

Paparan 146 : Nilai Jualan mengikut Subsektor Bahagian Miri, Sarawak, 2023

BAHAGIAN MIRI

	Beluru	Marudi	Miri	Subis	Telang Usan
Akuakultur (RM'000)	22.54	-	7,510.20	327.76	598.45
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	42.01	-	239,585.99	1.20	144.00
Perikanan (RM'000)	164.02	794.10	6,106.9	52,080.80	199.04
Tanaman (RM'000)	1.083.646.64	445,473.12	1,538,898.60	1,584,051.59	122,398.43
Ternakan (RM'000)	161.44	144.31	7.219.72	1,419.06	45.99

12.6.11.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT PENERAJU HASIL PERTANIAN BAHAGIAN MIRI

Kelapa sawit merupakan komoditi dominan subsektor tanaman di Bahagian Miri di mana secara keseluruhannya telah merekodkan nilai jualan sebanyak RM4.66 billion pada tahun 2023 iaitu menyumbang 91.6 peratus bagi nilai jualan keseluruhan Bahagian Miri dan 19.4 peratus daripada keseluruhan nilai jualan Sarawak. Dari aspek pengeluaran tan metrik buah tandan segar, daerah pentadbiran Subis direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 1.9 juta tan metrik, diikuti oleh Miri 1.8 juta tan metrik, Beluru 1.3 juta tan metrik, Telang Usan 141.2 ribu tan metrik dan Marudi 531.1 ribu tan metrik.

BAHAGIAN MIRI ANTARA PENYUMBANG UTAMA KAYU BALAK

Bahagian Miri antara penyumbang utama kayu balak dan produk berasaskan kayu seperti papan lapis, papan lapis venir dan papan lapis lapisan (LVL) kepada Sarawak. Hasil dapatan daripada Banci Pertanian 2024 (Tahun Rujukan 2023), Miri telah merekodkan nilai jualan sebanyak RM239.77 juta iaitu 15.8 peratus daripada keseluruhan nilai jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Sarawak.

Aktiviti pengeluaran bagi Pembalakan berasaskan kayu merekodkan 99.9 peratus daripada keseluruhan subsektor Pembalakan dan Perhutanan di Miri dan hanya kurang satu peratus adalah aktiviti perhutanan bukan kayu seperti memungut rotan, rebung, cendawan, lemedin, kelulut liar dan lain-lain lagi.

12.6.12 BAHAGIAN LIMBANG

12.6.12.1 PENGENALAN

Bahagian Limbang merupakan bahagian kelima diwartakan pada tahun 1905 daripada 12 bahagian yang terdapat di negeri Sarawak. Ia terletak di bahagian utara negeri Sarawak dengan Keluasan 7,655 kilometer persegi. Bahagian Limbang merangkumi dua buah daerah iaitu Limbang dan Lawas. Ekonomi di Limbang banyak bergantung kepada sektor pertanian merangkumi tanaman, perikanan dan penternakan. Antara hasil pertanian utama ialah kelapa sawit dan buah-buahan. Aktiviti perikanan dan penternakan seperti ternakan kerbau/lembu, ayam dan babi juga menyumbang kepada ekonomi tempatan. Selain itu, aktiviti pertanian di bahagian Limbang sering dikaitkan dengan penanaman padi tanah tinggi premium dan penternakan kerbau. Keunikan dari segi tradisi, persekitaran semula jadi dan potensi pembangunan menjadikannya antara sektor penting yang mendapat perhatian Kerajaan Negeri Sarawak. Inisiatif yang dilaksanakan bukan sahaja untuk memastikan keterjaminan makanan, malah mampu membantu pembangunan ekonomi luar bandar di bahagian Limbang.

Jumlah keluasan bertanam di Bahagian Limbang ialah 43,165 hektar, manakala keluasan bertuai ialah 37,648 hektar. Jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM726.14 juta dan perbelanjaan sebanyak RM257.65 juta. Aktiviti ini melibatkan 18,680 guna tenaga dan merekodkan gaji dan upah sebanyak RM90.05 juta.

12.6.12.2 SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 147 : Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Limbang, Sarawak, 2023

	BAHAGIAN LIMBANG	
	Limbang	Lawas
Akuakultur (RM'000)	425.56	489.29
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	86,489.06	81.62
Perikanan (RM'000)	22,632.13	33,279.55
Tanaman (RM'000)	229,731.08	219,673.24
Ternakan (RM'000)	6,448.27	10,915.42

12.6.12.3 SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

POTENSI PENTERNAKAN KERBAU DI BAHAGIAN LIMBANG


Limbang dan Lawas merupakan kawasan yang terkenal dengan aktiviti penternakan kerbau. Ia merupakan aktiviti pertanian tradisional yang masih kekal relevan sehingga kini. Ternakan kerbau bukan sahaja untuk sumber daging, tetapi juga sebagai haiwan kerja di sawah dan ladang. Penternakan kerbau turut menyumbang kepada ekonomi luar bandar serta membantu memelihara warisan budaya masyarakat setempat. Pada tahun 2023, bahagian Limbang telah mengeluarkan sebanyak 1,427 ekor kerbau, mewakili 96.4 peratus daripada jumlah pengeluaran kerbau di Sarawak. Sebanyak 1,281 ekor telah dijual dan menyumbang kepada hasil jualan sebanyak RM6.75 juta

SUBSEKTOR PERIKANAN DAN AKUAKULTUR MEMBANTU JANA EKONOMI BAHAGIAN LIMBANG

Kegiatan ekonomi tradisional di bahagian Limbang ialah aktiviti perikanan iaitu menangkap, menjual dan memproses hasil lautan berikutan lokasi yang strategik. Pada tahun 2023, subsektor perikanan tangkapan bahagian Limbang telah mencatatkan pengeluaran sebanyak 6.0 ribu tan metrik. Nilai jualan aktiviti perikanan adalah sebanyak RM55.91 juta dan menyumbang 9.2 peratus kepada nilai jualan aktiviti pertanian di bahagian Limbang. Manakala untuk subsektor akuakultur, projek-projek ternakan akuakultur merangkumi ikan kolam dan sangkar di bahagian Limbang turut memberi manfaat kepada komuniti setempat. Dapatan bancian ini menunjukkan nilai jualan akuakultur daerah Lawas dan Limbang masing-masing bernilai RM489.29 ribu dan RM425.56 ribu.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong





RENCANA

145

SOROTAN EKSPORT MINYAK KELAPA SAWIT SARAWAK, 2023

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SOROTAN EKSPORT MINYAK KELAPA SAWIT SARAWAK, 2023

Leyah Anak Ampor
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak

PENGENALAN


Penanaman kelapa sawit di Sarawak dijalankan oleh pelbagai entiti, termasuk syarikat perladangan besar, agensi kerajaan serta pekebun kecil. Dari segi rantaian nilai, industri kelapa sawit di Sarawak merangkumi aktiviti huluan dan hiliran. Aktiviti huluan melibatkan penanaman dan penuaian buah tandan segar, manakala aktiviti hiliran meliputi pemprosesan kepada minyak kelapa sawit mentah, minyak isirung kelapa sawit serta pelbagai produk berasaskan sawit. Produk-produk ini dieksport ke pasaran antarabangsa dan juga diperdagangkan antara wilayah, menjadikan kelapa sawit sebagai komoditi eksport utama negeri Sarawak.

EKSPORT PRODUK UTAMA SARAWAK, 2023

Jumlah eksport Sarawak pada tahun 2023 mencatatkan nilai sebanyak RM130.84 bilion. Gas gas asli cecair merupakan penyumbang utama eksport Sarawak dengan nilai RM55.42 bilion (42.4%) daripada jumlah keseluruhan, diikuti petroleum mentah sebanyak RM14.66 bilion (11.2%).

Eksport minyak kelapa sawit menjadi penyumbang ketiga tertinggi dengan nilai RM14.30 bilion, mewakili 10.9 peratus daripada jumlah eksport Sarawak. Ini menunjukkan bahawa sektor pertanian, khususnya sawit, terus memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri.

Paparan 175 : Jumlah Eksport dan Peratus Sumbangan Sarawak, 2023



Sumber : Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Sarawak 2024

SUMBANGAN INDUSTRI KELAPA SAWIT DAN KEPENTINGANNYA DALAM EKSPORT SARAWAK


Selain menjadi salah satu sumber pendapatan eksport dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Sarawak, industri sawit juga berperanan sebagai penyedia peluang pekerjaan, khususnya di kawasan luar bandar. Aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pengangkutan kelapa sawit melibatkan penggunaan tenaga kerja dalam jumlah yang besar, merangkumi sektor penanaman, penyelenggaraan kebun, penuaian serta operasi kilang.

Dengan adanya industri sawit, penduduk luar bandar berpeluang memperolehi pekerjaan tetap dan pendapatan yang lebih stabil, sekaligus meningkatkan taraf hidup komuniti setempat dan mengurangkan kadar migrasi penduduk ke kawasan bandar.

Berdasarkan penemuan Banci Pertanian 2024 (Kelapa Sawit), Sarawak mencatatkan keluasan bertanam kelapa sawit tertinggi sebanyak 1.7 juta hektar dengan kuantiti pengeluaran 22.4 juta tan metrik.


Pada tahun 2023, jumlah eksport minyak kelapa sawit Sarawak mencatatkan kuantiti sebanyak 3,703.2 ribu tan metrik, menurun sebanyak 0.01 peratus. Jumlah eksport turut merekodkan penurunan sebanyak 25.4 peratus kepada RM14,298.77 juta berbanding tahun sebelumnya.

Paparan 176 : Kuantiti eksport minyak kelapa sawit Sarawak, 2019 hingga 2023



Sumber : Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Sarawak 2024

Paparan 177 : Jumlah eksport minyak kelapa sawit Sarawak, 2019 hingga 2023



Sumber : Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Sarawak 2024

DESTINASI EKSPORT UTAMA MINYAK KELAPA SAWIT SARAWAK 2023

India menjadi destinasi eksport minyak kelapa sawit Sarawak pada tahun 2023. Kuantiti eksport ke India meningkat sebanyak 5.9 peratus, daripada 1,486.2 ribu tan metrik pada tahun 2022 kepada 1,574.1 ribu tan metrik pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, nilai eksport ke negara tersebut mencatatkan penurunan ketara sebanyak 20.9 peratus kepada RM6,028.87 juta.

Bagi Kenya, kuantiti eksport meningkat sebanyak 13.9 peratus, iaitu daripada 509.9 ribu tan metrik kepada 581.1 ribu tan metrik. Namun, nilai eksport menurun sebanyak 17.6 peratus kepada RM2,224.33 juta.

Nigeria menunjukkan prestasi eksport positif bagi kuantiti dan nilai eksport. Kuantiti eksport meningkat dengan ketara sebanyak 45.9 peratus, daripada 123.8 ribu tan metrik kepada 180.6 ribu tan metrik, manakala nilai eksport turut meningkat sebanyak 20.7 peratus kepada RM724.39 juta.

Sebaliknya, eksport ke China mencatatkan kemerosotan yang signifikan. Kuantiti eksport merosot sebanyak 61.9 peratus, manakala nilai eksport turut menurun secara mendadak sebanyak 68.3 peratus kepada RM646.89 juta.

Eksport ke Arab Saudi pula menunjukkan peningkatan sederhana dari segi kuantiti sebanyak 11.6 peratus. Namun, nilai eksport menurun sebanyak 25.6 peratus kepada RM532.65 juta.

RUMUSAN

Industri minyak kelapa sawit Sarawak merupakan salah satu penyumbang utama ekonomi negeri, terutama melalui aktiviti eksport. Walau bagaimanapun, prestasi eksport turut berdepan dengan beberapa cabaran seperti harga global dan permintaan pasaran antarabangsa. Pada tahun 2023, walaupun kuantiti eksport Sarawak mencapai 3,703.2 ribu tan metrik, nilai eksport menurun sebanyak 25.4 peratus kepada RM14,298.77 juta. Penurunan nilai ini menunjukkan bahawa harga minyak sawit di pasaran dunia mengalami tekanan, sekaligus menjejaskan pendapatan eksport walaupun jumlah yang dieksport kekal tinggi.

Penurunan eksport turut disebabkan permintaan yang berkurangan oleh negara-negara pengimport utama telah menyebabkan stok akhir minyak sawit meningkat. Selain itu antara lain faktor yang mempengaruhi prestasi eksport minyak kelapa sawit adalah dasar perdagangan sesebuah negara, pasaran global yang semakin menekankan isu kelestarian, termasuk standard RSPO, jejak karbon dan pengurusan alam sekitar serta konflik geopolitik dan ekonomi dunia.

Memahami faktor-faktor ini adalah penting untuk pihak kerajaan untuk merangka strategi jangka panjang yang mampu memperkukuh kedudukan Sarawak dalam pasaran global serta memastikan sumbangan industri sawit terus menyokong pertumbuhan ekonomi negeri. Sehubungan itu, pelaksanaan amalan pertanian mampan, pensijilan minyak sawit lestari serta penggunaan teknologi moden semakin diberi penekanan bagi memastikan daya saing industri ini kekal dalam jangka panjang. Dengan sokongan dasar kerajaan, inovasi teknologi dan pengurusan lestari, industri ini berpotensi terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri serta kesejahteraan sosial masyarakat setempat.

PENAFIAN:

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

RUJUKAN

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Perangkaan perdagangan luar negeri, Sarawak*. Jabatan Perangkaan Malaysia.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia. (2023). *Laporan Tahunan MPOB 2023*. MPOB.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Laporan Banci Pertanian 2024: Kelapa sawit*. Jabatan Perangkaan Malaysia.









JADUAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 1.0: Agricultural Holdings by State, Malaysia, 2023

Negeri *State*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Malaysia	**1,012,993**	**98.0**	**21,189**	**2.0**	**1,034,182**	**100.0**
Johor	102,423	96.6	3,580	3.4	106,003	100.0
Kedah	127,996	99.0	1,235	1.0	129,231	100.0
Kelantan	87,597	99.5	442	0.5	88,039	100.0
Melaka	13,018	94.2	802	5.8	13,820	100.0
Negeri Sembilan	44,011	97.0	1,344	3.0	45,355	100.0
Pahang	87,356	97.2	2,543	2.8	89,899	100.0
Perak	105,228	97.6	2,596	2.4	107,824	100.0
Perlis	19,994	99.3	131	0.7	20,125	100.0
Pulau Pinang	12,559	91.6	1,154	8.4	13,713	100.0
Sabah	156,770	98.4	2,624	1.6	159,394	100.0
Sarawak	145,377	98.6	2,034	1.4	147,411	100.0
Selangor	35,933	95.6	1,646	4.4	37,579	100.0
Terengganu	72,405	99.1	684	0.9	73,089	100.0
W.P. Kuala Lumpur	1,428	81.2	330	18.8	1,758	100.0
W.P. Labuan	732	95.6	34	4.4	766	100.0
W.P. Putrajaya	166	94.3	10	5.7	176	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:
1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Bahagian, Sarawak, 2023

Table 1.1: Agricultural Holdings by Division, Sarawak, 2023

Bahagian *Division*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Sarawak	**145,377**	**98.6**	**2,034**	**1.4**	**147,411**	**100.0**
Betong	**18,388**	**99.8**	**45**	**0.2**	**18,433**	**100.0**
Betong	12,362	99.9	15	0.1	12,377	100.0
Saratok	2,592	99.7	8	0.3	2,600	100.0
Pusa	990	98.9	11	1.1	1,001	100.0
Kabong	2,444	99.6	11	0.4	2,455	100.0
Bintulu	**5,154**	**96.5**	**185**	**3.5**	**5,339**	**100.0**
Bintulu	2,636	94.3	159	5.7	2,795	100.0
Tatau	1,549	99.7	5	0.3	1,554	100.0
Sebauh	969	97.9	21	2.1	990	100.0
Kapit	**6,758**	**99.4**	**38**	**0.6**	**6,796**	**100.0**
Kapit	3,376	99.0	34	1.0	3,410	100.0
Song	1,077	99.9	1	0.1	1,078	100.0
Belaga	1,941	99.8	3	0.2	1,944	100.0
Bukit Mabong	364	100.0	-	-	364	100.0
Kuching	**12,936**	**97.0**	**394**	**3.0**	**13,330**	**100.0**
Kuching	7,262	96.7	248	3.3	7,510	100.0
Bau	2,698	98.3	46	1.7	2,744	100.0
Lundu	2,976	96.7	100	3.3	3,076	100.0
Limbang	**10,041**	**99.7**	**31**	**0.3**	**10,072**	**100.0**
Limbang	6,667	99.7	17	0.3	6,684	100.0
Lawas	3,374	99.6	14	0.4	3,388	100.0
Miri	**15,872**	**97.1**	**480**	**2.9**	**16,352**	**100.0**
Miri	6,328	94.2	387	5.8	6,715	100.0
Marudi	823	99.6	3	0.4	826	100.0
Subis	4,526	98.4	75	1.6	4,601	100.0
Beluru	3,426	99.6	13	0.4	3,439	100.0
Telang Usan	769	99.7	2	0.3	771	100.0
Mukah	**5,903**	**99.0**	**62**	**1.0**	**5,965**	**100.0**
Daro	1,321	99.5	6	0.5	1,327	100.0
Dalat	979	99.9	1	0.1	980	100.0
Mukah	2,173	97.7	52	2.3	2,225	100.0
Matu	941	99.8	2	0.2	943	100.0
Tanjung Manis	489	99.8	1	0.2	490	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Bahagian, Sarawak, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings by Division, Sarawak, 2023 (cont'd)

Bahagian *Division*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Samarahan	**13,769**	**99.2**	**109**	**0.8**	**13,878**	**100.0**
Samarahan	7,901	99.2	60	0.8	7,961	100.0
Simunjan	1,953	99.1	18	0.9	1,971	100.0
Asajaya	1,648	98.2	31	1.8	1,679	100.0
Gedong	943	100.0	-	-	943	100.0
Sebuyau	1,324	100.0	-	-	1,324	100.0
Sarikei	**16,530**	**99.2**	**132**	**0.8**	**16,662**	**100.0**
Sarikei	8,259	98.7	105	1.3	8,364	100.0
Maradong	1,366	98.6	20	1.4	1,386	100.0
Julau	3,717	99.9	4	0.1	3,721	100.0
Pakan	3,188	99.9	3	0.1	3,191	100.0
Serian	**11,995**	**99.0**	**118**	**1.0**	**12,113**	**100.0**
Serian	6,284	98.4	104	1.6	6,388	100.0
Tebedu	4,471	99.8	7	0.2	4,478	100.0
Siburan	1,240	99.4	7	0.6	1,247	100.0
Sibu	**9,717**	**96.1**	**398**	**3.9**	**10,115**	**100.0**
Sibu	5,187	93.3	374	6.7	5,561	100.0
Kanowit	2,527	99.4	14	0.6	2,541	100.0
Selangau	2,003	99.5	10	0.5	2,013	100.0
Sri Aman	**18,314**	**99.8**	**42**	**0.2**	**18,356**	**100.0**
Sri Aman	10,479	99.7	33	0.3	10,512	100.0
Lubok Antu	5,379	99.9	6	0.1	5,385	100.0
Pantu	1,593	100.0	-	-	1,593	100.0
Lingga	863	99.7	3	0.3	866	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri, bahagian dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States, divisions and administrative districts indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agricultural Holdings by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor *Subsector*		Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
		Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	236,241	96.0	9,806	4.0	246,047	100.0
	Padi *Paddy*	130,394	99.9	170	0.1	130,564	100.0
	Getah *Rubber*	386,910	99.9	309	0.1	387,219	100.0
	Nanas *Pineapple*	7,752	96.2	308	3.8	8,060	100.0
	Kenaf *Kenaf*	862	99.5	4	0.5	866	100.0
	Lada *Pepper*	32,191	100.0	10	0.0	32,201	100.0
	Koko *Cocoa*	4,147	99.6	16	0.4	4,163	100.0
	Buah-Buahan *Fruits*	87,729	97.4	2,375	2.6	90,104	100.0
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	44,261	94.3	2,658	5.7	46,919	100.0
	Tanaman Lain *Other Crops*	38,801	96.7	1,344	3.3	40,145	100.0
Ternakan *Livestocks*		44,087	93.7	2,963	6.3	47,050	100.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	48,267	99.2	399	0.8	48,666	100.0
	Akuakultur *Aquaculture*	8,407	81.8	1,872	18.2	10,279	100.0
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		7,930	93.7	534	6.3	8,464	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:
1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Sarawak, 2023

Table 2.1: Agricultural Holdings by Subsector, Sarawak, 2023

Subsektor *Subsector*		Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
		Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	47,940	97.1	1,454	2.9	49,394	100.0
	Padi *Paddy*	14,388	100.0	6	0.0	14,394	100.0
	Getah *Rubber*	42,891	100.0	10	0.0	42,901	100.0
	Nanas *Pineapple*	2,331	99.0	23	1.0	2,354	100.0
	Lada *Pepper*	31,715	100.0	1	0.0	31,716	100.0
	Koko *Cocoa*	1,141	99.7	4	0.3	1,145	100.0
	Buah-Buahan *Fruits*	9,484	99.1	86	0.9	9,570	100.0
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	6,847	98.3	121	1.7	6,968	100.0
	Tanaman Lain *Other Crops*	5,847	99.1	51	0.9	5,898	100.0
Ternakan *Livestocks*		2,058	91.4	193	8.6	2,251	100.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	4,465	99.6	16	0.4	4,481	100.0
	Akuakultur *Aquaculture*	540	88.5	70	11.5	610	100.0
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		362	75.9	115	24.1	477	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:
1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
